




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI SABAH

SIRI 3



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI SABAH
SIRI 3

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
LEMBAGA SUKAN NEGERI SABAH Pengurusan Kemudahan Sukan Di Kompleks Sukan	3
KORPORASI KEMAJUAN PERIKANAN DAN NELAYAN SABAH (KO-NELAYAN) Program 1AZAM KO-NELAYAN	10
MAJLIS DAERAH PAPAR MAJLIS DAERAH RANAU MAJLIS DAERAH PUTATAN Pengurusan Pelesenan Pihak Berkuasa Tempatan	20
JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN DAN PERUSAHAAN TERNAK Pengurusan Projek Lembu Tenusu	43
KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn. Bhd.	59
MAJLIS UGAMA ISLAM SABAH Wisma Harta Sdn. Bhd.	71
PENUTUP	87



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah memperkenankan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Sabah.

2. Pada tahun 2014 Jabatan Audit Negara akan meneruskan pelaksanaan inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah dengan mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang. Jabatan Audit Negara juga akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2013 Siri 3 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana hasrat Kerajaan.

3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 6 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dan 2 Syarikat Agensi Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Setiausaha Tetap Kementerian dan Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri/Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 14 syor untuk diambil tindakan Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

17 September 2014



INTISARI LAPORAN

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT NEGERI

1. LEMBAGA SUKAN NEGERI SABAH

- Pengurusan Kemudahan Sukan Di Kompleks Sukan

1.1. Lembaga Sukan Negeri Sabah (LSNS) merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Belia Dan Sukan Negeri Sabah. LSNS diwujudkan pada 31 Disember 1996 di bawah Enakmen No.19 Tahun 1981 dengan objektif antara lainnyanya menyediakan dan mentadbir kemudahan sukan, meningkatkan penggunaan kemudahan sukan dalam pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi di kalangan masyarakat dan menjadikan kemudahan sukan sebagai lokasi untuk acara dan kejohanan di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Sehingga akhir tahun 2013, sebanyak 12 buah kompleks sukan berada di bawah pengurusan LSNS iaitu Kompleks Sukan Kota Kinabalu, Keningau, Tenom, Penampang, Kota Belud, Tambunan, Sandakan, Ranau, Tawau, Beaufort, Beluran dan Sipitang. Pada tahun 2011 hingga 2013, LSNS telah berjaya menjana hasil berjumlah RM12.8 juta melalui penyewaan kemudahan sukan termasuklah sewa bilik asrama, kedai sukan dan kantin.

1.2. Secara keseluruhannya, pengauditan yang telah dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2014 mendapati pengurusan kemudahan sukan di kompleks sukan adalah **baik** kerana kemudahan sukan telah digunakan oleh masyarakat untuk tujuan kesihatan, kecergasan dan sukan kecuali bagi perkara seperti berikut:

- Penyenggaraan kemudahan sukan dan asrama yang rosak tidak dilaksanakan.
- Tunggakan hasil berjumlah RM0.99 juta belum dikutip daripada persatuan sukan, agensi Kerajaan dan swasta.

1.3. Bagi tujuan penambahbaikan terhadap pengurusan kemudahan sukan di kompleks sukan, pihak Audit mengesyorkan Lembaga Sukan Negeri Sabah perlu mengkaji semula pengagihan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri dengan menyediakan peruntukan secukupnya bagi tujuan penyenggaraan kemudahan sukan di setiap Kompleks Sukan.

2. KORPORASI KEMAJUAN PERIKANAN DAN NELAYAN SABAH (KO-NELAYAN)

- Program 1AZAM KO-NELAYAN

2.1. Selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menghapuskan kadar kemiskinan tegar sepenuhnya menjelang tahun 2010, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM40.00 juta kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi pelaksanaan Program 1AZAM. Bagi memastikan program ini

berjalan lancar dan mencapai objektifnya, Kerajaan Negeri telah memberi tanggungjawab untuk melaksanakannya kepada Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah (KO-NELAYAN). Program 1AZAM KO-NELAYAN bagi Fasa 1 telah bermula pada penghujung tahun 2010 dan disasarkan kepada golongan nelayan miskin tegar, miskin dan mudah miskin. Dalam Rancangan Malaysia Ke-10, Kerajaan Persekutuan melalui KPWKM telah meluluskan peruntukan berjumlah RM5.77 juta di bawah Program 1AZAM KO-NELAYAN. Seramai 66 daripada 455 orang atau 15% peserta telah dipilih sebagai sampel Audit dan lawatan Audit telah dilaksanakan di Wilayah Kudat, Sandakan dan Tawau bagi memastikan program 1AZAM KO-NELAYAN dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan serta dipantau dengan baik.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga April 2014 mendapati pada keseluruhannya Program 1AZAM KO-NELAYAN adalah memuaskan. Selain perbelanjaan program mencecah 86% daripada peruntukan yang diterima, sambutan terhadap Program 1Azam mencapai 139% melebihi sasaran dan 31 daripada 58 orang miskin tegar telah berjaya ditingkatkan ke tahap miskin dan sebahagiannya telah terkeluar daripada garis kemiskinan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

- Walaupun Projek PTEP telah dapat meningkatkan pendapatan peserta tetapi belum dapat menganjak aktiviti peserta daripada nelayan kepada pemborong ikan.
- Tunggakan bayaran balik pinjaman peserta.

2.3. Bagi memastikan Program 1AZAM KO-NELAYAN dapat dilaksanakan secara berkesan dan mencapai matlamat untuk meningkatkan pendapatan peserta melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan, penambahbaikan berikut adalah disyorkan:

2.3.1. Mengkaji semula kaedah pelaksanaan Projek Transformasi Ekonomi Perikanan (PTEP) dengan memberi penekanan kepada bentuk dan jenis projek yang berdaya maju dan mampu dilaksanakan oleh golongan sasar. Hal ini penting supaya matlamat mentransformasikan mereka ini daripada nelayan kepada bidang keusahawanan mudah dicapai.

2.3.2. Mengkaji semula kaedah bayaran balik pinjaman supaya tidak membebankan peserta yang rata-rata dari golongan miskin. Kaedah memberi diskaun berdasarkan kepada daya maju projek mungkin lebih praktikal sebagai insentif kepada mereka supaya lebih bersungguh-sungguh dalam menjayakan projek atau kegiatan yang diceburi.

**3. MAJLIS DAERAH PAPAR
MAJLIS DAERAH RANAU
MAJLIS DAERAH PUTATAN**

- Pengurusan Pelesenan Pihak Berkuasa Tempatan

3.1. Salah satu fungsi utama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah mengurus tadbir aktiviti perniagaan dalam kawasan perkadarannya. Aktiviti perniagaan di setiap daerah diurus dan dikawal oleh PBT berkenaan melalui pengeluaran lesen dan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan perniagaan yang ditetapkan. Setiap aktiviti perniagaan memerlukan lesen yang diluluskan oleh PBT sebelum sesuatu perniagaan itu mula beroperasi. Peniaga pula hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam Undang-undang Kecil PBT serta syarat lesen yang ditetapkan. Perkara ini adalah penting bagi memastikan aktiviti perniagaan berjalan dengan baik, teratur dan terkawal dengan menitikberatkan aspek kebersihan, keselamatan, ketenteraman dan kesejahteraan penduduk setempat.

3.2. PBT mengawal aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan antaranya berdasarkan Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (Sabah No. 11 Tahun 1961), Ordinan Hiburan Awam 1958, Undang-undang Kecil dan surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri Sabah (KKTP). Bagi memastikan aktiviti perniagaan berjalan secara teratur dan terkawal, PBT melaksanakan aktiviti penguatkuasaan. Penguatkuasaan dijalankan untuk memastikan peniaga mempunyai lesen yang sah dan mematuhi undang-undang, peraturan dan syarat lesen yang ditetapkan. Sehingga bulan Disember 2013, pemegang Lesen Operasi bagi Majlis Daerah Papar (MDP) adalah 1,349, Majlis Daerah Ranau (MDR) sebanyak 523 dan Majlis Daerah Putatan (MDPtn) sebanyak 489. Hasil yang dikutip daripada bayaran Lesen Operasi bagi tempoh tiga tahun (tahun 2011 hingga 2013) adalah masing-masing RM1.78 juta, RM0.46 juta dan RM0.70 juta bagi MDP, MDR dan MDPtn.

3.3. Pengauditan terhadap pengurusan pelesenan MDP, MDR dan MDPtn telah dijalankan pada bulan Februari, Mac dan Jun 2014. Pada keseluruhannya, pihak Audit mendapati pengurusan pelesenan MDP, MDR MDPtn adalah kurang memuaskan dari aspek pengeluaran lesen, pematuhan syarat dan peraturan lesen serta penguatkuasaan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Proses kelulusan Lesen Operasi melebihi tempoh yang ditetapkan.
- Kadar Bayaran Lesen Operasi tidak mengikut Undang-undang Kecil.
- Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan pelesenan kurang berkesan kerana terdapat premis perniagaan beroperasi tanpa lesen atau lesen tamat tempoh dan peniaga tidak mematuhi peraturan serta syarat lesen yang ditetapkan.
- Barang-barang yang disita/dirampas tidak direkod dan disimpan dengan teratur.

3.4. Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi pengurusan pelesenan, Majlis Daerah Papar (MDP), Majlis Daerah Ranau (MDR) dan Majlis Daerah Putatan (MDPtn), disyorkan mengambil tindakan berikut:

3.4.1. Meningkatkan kecekapan pemprosesan permohonan Lesen Operasi bagi mencapai piagam pelanggan yang ditetapkan dan menyediakan daftar permohonan lesen yang lengkap untuk tujuan pemantauan. Selain itu, Jawatankuasa Pelesenan perlu diaktifkan bagi membincang serta menyelesaikan sebarang masalah berkaitan pelesenan dan aktiviti perniagaan.

3.4.2. Mengambil tindakan supaya kadar bayaran Lesen Operasi yang dikenakan adalah selaras dengan Undang-undang Kecil MDPtn.

3.4.3. Meningkatkan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan dengan menyediakan senarai semak aktiviti penguatkuasaan sebagai panduan anggota penguatkuasa. Selain itu, kekerapan bilangan pemeriksaan terhadap premis perniagaan perlu ditambah bagi membanteras premis yang beroperasi tanpa lesen atau lesen tamat tempoh dan ketidakpatuhan peniaga terhadap undang-undang, peraturan dan syarat lesen yang ditetapkan.

3.4.4. Menyediakan daftar bagi merekod barang-barang yang disita/dirampas.

4. JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN DAN PERUSAHAAN TERNAK

- Pengurusan Projek Lembu Tenusu

4.1. Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak (JPHPT) bertanggungjawab untuk menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan industri haiwan di Negeri Sabah. Dasar Pertanian Negeri Sabah Kedua menetapkan komoditi susu dijadikan salah satu komoditi tumpuan di bawah subsektor ternakan. Projek Lembu Tenusu (PLT) telah dimulakan di Negeri Sabah secara percubaan pada tahun 1980 di Stesen Pembiakan Sebrang, Keningau dan Stesen Pembiakan Ternakan, Tawau. Pada tahun 1982, projek ini diperkenalkan kepada penduduk luar bandar supaya memiliki sumber pendapatan tetap dalam bidang makanan berasaskan ternakan. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, JPHPT telah menerima peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM87.60 juta dan membelanjakan sejumlah RM81.97 juta. Peruntukan Kerajaan Negeri adalah bagi pembelian susu segar, pengurusan Pusat Pengumpulan Susu (PPS) dan pengeluaran baka anak lembu manakala peruntukan Kerajaan Persekutuan sebagai tambahan kepada pengurusan PPS.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mei 2014 mendapati Pengurusan Projek Lembu Tenusu telah dilaksanakan dengan baik dari segi kelahiran anak lembu tenusu, pendapatan bulanan penternak dan pematuan terhadap syarat pemilihan peserta. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Sasaran dan pengeluaran susu menunjukkan trend penurunan dari setahun ke setahun
- Peserta tidak membayar induk lembu dengan anak lembu kepada JPHPT.
- Kerosakan susu melebihi piawaian.
- PPS tidak mematuhi *Good Manufacturing Practice* (GMP) mengikut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- PPS beroperasi di bawah kapasiti.
- Subsidi dibayar kepada penternak yang telah melebihi pendapatan bulanan garis kemiskinan.
- Tunggakan pembayaran susu segar.

4.3. Bagi memastikan pengurusan Projek Lembu Tenusu (PLT) dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan, adalah disyorkan Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak (JPHPT) mengambil langkah berikut:

4.3.1. Mengkaji semula syarat perjanjian PLT bagi menangani isu penternak yang berhenti sebelum membayar balik anak lembu kepada JPHPT. Selain itu, mengambil langkah untuk mengurangkan kerosakan susu segar di PPS serta memastikan PPS mematuhi kehendak GMP dan beroperasi mencapai kapasiti.

4.3.2. Mengkaji pembayaran subsidi agar diberikan hanya kepada golongan sasaran dan mengambil tindakan terhadap tunggakan pembayaran susu segar daripada Sabah International Diaries Sdn. Bhd. (SID) yang tidak mengikut tempoh ditetapkan.

5. KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI

- Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn. Bhd.

5.1. Borneo Development Corporation (BDC) pada asalnya ditubuhkan oleh Commonwealth Development Corporation milik Kerajaan British pada tahun 1958. Pada tahun 1962, BDC distrukturkan semula untuk memasukkan 50 peratus pegangan saham bersama Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Saham Commonwealth Development Corporation telah dibeli semula pada tahun 1975 menjadikan Borneo Development Corporation sebuah syarikat milik bersama Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Dalam tahun 1992, Borneo Development Corporation dibahagikan kepada 2 entiti yang berbeza, iaitu Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn. Bhd. (BDC) dan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd. yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Pada 28 Jun 2010, Kerajaan Negeri Sabah telah meluluskan resolusi di mana BDC menjadi syarikat milik penuh K.K.I.P. Holdings Sdn. Bhd.. Bagaimanapun, pada 1 September 2013, BDC kembali menjadi milik penuh Kerajaan Negeri Sabah dengan saham dibenarkan berjumlah RM38 juta dan saham berbayar penuh berjumlah RM32.82 juta. Aktiviti utama

yang dijalankan oleh BDC adalah berkaitan dengan pengurusan dan pembangunan hartanah serta operasi pembiayaan pinjaman.

5.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Januari hingga Mac 2014, mendapati pada umumnya prestasi kewangan BDC adalah memuaskan di mana syarikat ini telah mencatatkan keuntungan berjumlah RM0.46 juta, RM2.20 juta dan RM0.17 juta masing-masing pada tahun 2011, 2012 dan 2013. Peningkatan pendapatan ini disebabkan oleh peningkatan pendapatan utama daripada projek *Joint Land Development* berjumlah RM4 juta pada tahun 2012. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti masih terdapat kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang diperhatikan adalah:

- Status BDC sebagai institusi kewangan pembangunan yang diiktiraf oleh Bank Negara dan Lesen Pemberi Pinjam Wang (*Money Lender's License*) yang diperoleh dari Kementerian Kewangan Negeri Sabah belum dimanfaatkan.
- Pelaburan dalam syarikat subsidiari tidak memberi pulangan.

5.3. Bagi memantapkan pengurusan syarikat, Borneo Development Corporation (BDC) adalah disyorkan untuk mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

5.3.1. Meningkatkan pendapatan melalui penambahan portfolio hartanah, penawaran pelbagai produk pinjaman kepada pasaran dan menetapkan hala tuju syarikat subsidiari untuk memastikan pelaburan yang telah dibuat memberi pulangan kepada syarikat.

5.3.2. Mengambil tindakan sewajarnya ke atas tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri.

6. MAJLIS UGAMA ISLAM SABAH

- Wisma Harta Sdn. Bhd.

6.1. Wisma Harta Sdn. Bhd. (Wisma Harta) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 6 Januari 1987 dengan nama WM Harta Sdn. Bhd. Namanya kemudian ditukar kepada Wisma Harta Sdn. Bhd. pada 4 Oktober 1993. Wisma Harta merupakan anak syarikat kepada Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) iaitu sebuah agensi Kerajaan Negeri Sabah. Modal dibenarkan dan berbayar masing-masing berjumlah RM25,000. Objektif utama Wisma Harta adalah mengurus bangunan dan lain-lain hartanah milik MUIS yang merangkumi sewa, kebersihan, menyenggara dan menjaga keselamatan bangunan Wisma MUIS.

6.2. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Wisma Harta adalah memuaskan kerana Wisma Harta telah mencatat keuntungan terkumpul berjumlah RM1 juta setakat penyata kewangan 2012. Selain itu, prestasi aktiviti dan tadbir urus korporat juga adalah memuaskan. Bagaimanapun, secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Kerosakan mesin kelengkapan dan peralatan serta kemudahan awam dengan anggaran kos penyenggaraan berjumlah RM4.88 juta tidak mampu dibaiki kerana sumber kewangan yang terhad.
- Seramai 27 daripada 95 penyewa telah tertunggak bayaran sewaan antara 3 hingga 107 bulan berjumlah RM653,557 dengan kadar sewaan antara RM322 hingga RM4,624 sebulan.
- *Standard Operating Procedures* (SOP) tidak lengkap dan kemas kini.

6.3. Bagi memantapkan pengurusan syarikat dari aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan, pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut:

6.3.1. Meningkatkan pendapatan dengan mengkaji kadar sewa sedia ada dan mewujudkan mekanisme kutipan tunggakan hasil yang efektif seperti tindakan undang-undang terhadap penghutang tegar. Di samping itu, perjanjian sewa baru perlu ditandatangani dengan segera agar kepentingan syarikat terjamin.

6.3.2. Memperbaiki/menyenggara peralatan yang rosak untuk menjamin keselesaan penyewa/pengguna. Sehubungan itu, rancangan penyenggaraan dan bajet yang mencukupi perlu disediakan.

6.3.3. Menyediakan SOP yang lengkap dan disesuaikan dengan keadaan semasa serta meningkatkan kawalan dalaman terhadap pengurusan hasil dan perbelanjaan.



AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

LEMBAGA SUKAN NEGERI SABAH

1. PENGURUSAN KEMUDAHAN SUKAN DI KOMPLEKS SUKAN

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Lembaga Sukan Negeri Sabah (LSNS) merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Belia Dan Sukan Negeri Sabah. LSNS diwujudkan pada 31 Disember 1996 di bawah Enakmen No.19 Tahun 1981 dengan objektif antara lainnya seperti berikut:

1.1.1.1. Menyediakan dan mentadbir kemudahan sukan agar kemudahan ini sesuai digunakan oleh kanak-kanak, golongan belia dan atlet dalam suasana mesra, selesa dan selamat.

1.1.1.2. Meningkatkan penggunaan kemudahan sukan dalam pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi di kalangan masyarakat.

1.1.1.3. Menjadikan kemudahan sukan sebagai lokasi untuk acara dan kejohanan di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

1.1.2. Sehingga akhir tahun 2013, sebanyak 12 buah kompleks sukan berada di bawah pengurusan LSNS iaitu Kompleks Sukan Kota Kinabalu, Keningau, Tenom, Penampang, Kota Belud, Tambunan, Sandakan, Ranau, Tawau, Beaufort, Beluran dan Sipitang.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan kemudahan sukan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap bagi mencapai objektif LSNS.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan kemudahan sukan di kompleks sukan seperti pembinaan dan menaik taraf kemudahan sukan, penggunaan, penyenggaraan serta kutipan hasil bagi tahun 2011 hingga 2013. Di samping itu, lawatan Audit turut dijalankan ke Kompleks Sukan Kota Kinabalu, Penampang, Sipitang dan Kota Belud bagi memeriksa kemudahan yang disediakan di kompleks sukan tersebut. Kaedah pengauditan adalah mendapatkan maklumat awal melalui taklimat oleh pegawai LSNS, membuat semakan serta menganalisis maklumat serta data daripada fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen lain yang berkaitan. Temu bual dengan pegawai bertanggungjawab turut diadakan bagi mendapatkan ulasan berkaitan dengan pengurusan kompleks sukan.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengauditan yang telah dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2014 mendapati pengurusan kemudahan sukan di kompleks sukan adalah baik kerana kemudahan sukan telah digunakan oleh masyarakat untuk tujuan kesihatan, kecergasan dan sukan kecuali bagi perkara seperti berikut:

- Penyelenggaraan kemudahan sukan dan asrama yang rosak tidak dilaksanakan.
- Tunggakan hasil berjumlah RM0.99 juta belum dikutip daripada persatuan sukan, agensi Kerajaan dan swasta.

1.4.1. Prestasi Penggunaan Kemudahan Sukan

1.4.1.1. Antara objektif LSNS adalah meningkatkan penggunaan kemudahan sukan dalam pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi di kalangan masyarakat. Semakan Audit terhadap prestasi penggunaan kemudahan sukan mengikut kompleks sukan adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Prestasi Penggunaan Kemudahan Sukan Bagi Tempoh 3 Tahun

Bil.	Kompleks Sukan	Bilangan Pengguna Mengikut Tahun		
		2011	2012	2013
1.	Kota Kinabalu	640,842	1,066,224	732,395
2.	Keningau	263,494	246,949	231,199
3.	Tenom	79,434	68,753	75,736
4.	Kota Belud	94,527	75,588	71,257
5.	Penampang	159,717	126,650	110,191
6.	Tambunan	51,040	45,838	55,153
7.	Sandakan	273,068	330,447	543,484
8.	Ranau	16,108	51,698	70,125
9.	Tawau	135,661	134,480	121,464
10.	Beaufort	14,952	40,442	57,666
11.	Sipitang	1,386	2,444	10,028
12.	Beluran	BB	1,473	5,831
Jumlah		1,730,229	2,190,986	2,084,529

Sumber: Lembaga Sukan Negeri Sabah

Nota: BB - Belum Beroperasi

1.4.1.2. Pada tahun 2012, bilangan pengguna kemudahan sukan telah meningkat sebanyak 26.6% atau seramai 460,757 orang berbanding pada tahun 2011 yang mencatatkan bilangan pengguna seramai 1,730,229 orang. Peningkatan penggunaan kemudahan sukan ini adalah disebabkan oleh penganjuran sukan seperti Sukan Sabah 2011 di Kompleks Sukan Keningau, kejohanan balapan sekolah di Kompleks Sukan Ranau, Sipitang dan Beaufort, penganjuran acara bukan sukan seperti Program Memancing di Kompleks Sukan Sandakan dan Minggu Amanah Sabah Malaysia di Kompleks Sukan Kota Kinabalu. Manakala pada tahun 2013, semakan Audit mendapati kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan Kompleks Sukan Kota Kinabalu dan Penampang telah menjadi antara faktor penyumbang terhadap penurunan bilangan

pengguna iaitu sebanyak 4.9% atau seramai 106,457 orang kerana penutupan kemudahan sukan seperti padang bola sepak, *running track*, dewan serbaguna dan lain-lain.

Pada pendapat Audit, prestasi penggunaan kemudahan sukan di kompleks sukan adalah baik.

1.4.2. Kerja Pembinaan Dan Menaik Taraf Kemudahan Sukan

1.4.2.1. Bagi tahun 2011 hingga 2013, sebanyak satu projek pembinaan dan 4 projek menaik taraf telah dilaksanakan di Kompleks Sukan Sipitang, Kota Belud, Penampang dan Kota Kinabalu seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2

Projek Pembinaan Dan Naik Taraf Kemudahan Sukan Bagi Tempoh 3 Tahun

Bil.	Kompleks Sukan	Tajuk Kerja	Kaedah Perlantikan Kontraktor	Kos RM Juta	Tarikh Patut Siap	Tarikh Sebenar Siap	Status Bayaran
1.	Sipitang	Projek Pembinaan Kompleks Sukan Sipitang, Sabah (Reka Bentuk Dan Bina) Secara Lantikan Terus	Lantikan Terus	15.36	30.6.2011	30.6.2011	Interim Terakhir
2.	Kota Belud	Projek Cadangan Naik Taraf Kompleks Sukan Kota Belud	Lantikan Terus	3.50	24.3.2013	24.3.2013	Interim Terakhir
3.	Penampang	Projek Cadangan Penyelenggaraan Dan Naik Taraf Kompleks Sukan Penampang.	Lantikan Terus	5.45	30.4.2013	30.4.2013	Interim Terakhir
4.	Kota Kinabalu	Projek Cadangan Penyelenggaraan Dan Naik Taraf Kompleks Sukan Kota Kinabalu Sempena SAGA 2013.	Lantikan Terus	13.92	15.5.2013	15.5.2013	Interim Terakhir
5.	Kota Kinabalu	Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Pencahayaan Lampu Limpah (2,000 Lux)	Lantikan Terus	5.99	8.4.2014	25.1.2014	Interim Terakhir

Sumber: Lembaga Sukan Negeri Sabah

1.4.2.2. Pemeriksaan Audit mendapati LSNS telah dilantik sebagai wakil Kementerian Belia Dan Sukan Sabah untuk memantau dan mengesahkan kerja-kerja yang siap dilaksanakan oleh kontraktor. Lawatan Audit pada bulan Januari hingga Mac 2014 mendapati kerja pembinaan dan menaik taraf kemudahan sukan telah dilaksanakan dengan baik di Kompleks Sukan Sipitang, Kota Belud, Penampang dan Kota Kinabalu.

Pada pendapat Audit, kerja pembinaan dan menaik taraf kemudahan sukan di Kompleks Sukan Sipitang, Kota Belud, Penampang dan Kota Kinabalu telah dilaksanakan dengan baik.

1.4.3. Kemudahan Sukan Tidak Disenggara

1.4.3.1. LSNS perlu merancang dan menyediakan program penyenggaraan aset mengikut kaedah penyenggaraan pencegahan atau penyenggaraan pemulihan bagi memastikan aset Kerajaan berfungsi dengan baik, selamat digunakan dan menjimatkan perbelanjaan Kerajaan. Semakan Audit mendapati pihak LSNS telah menyediakan program penyenggaraan tahunan bagi setiap kompleks sukan. Bagaimanapun, program penyenggaraan berkenaan tidak menyeluruh kerana berdasarkan kepada keperluan bajet bagi setiap jenis kemudahan sukan. Lawatan Audit pada bulan Januari hingga Mac 2014 mendapati kemudahan sukan seperti stadium hoki, *running track*, kolam renang, padang bola sepak, gelanggang tenis, badminton dan lain-lain di 4 kompleks sukan adalah berkeadaan baik kecuali lantai gelanggang bola keranjang, bola tampar, sepak takraw dan *street soccer* di Kompleks Sukan Kota Kinabalu dan Penampang mengalami kerosakan seperti di **Jadual 1.3** dan **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.4**.

Jadual 1.3

Kemudahan Sukan Tidak Disenggara

Bil.	Kompleks Sukan	Jenis Kemudahan Sukan	Tahun Terakhir Disenggara	Rujukan Gambar
1.	Kota Kinabalu	Gelanggang Bola Keranjang	2013	Gambar 1.1
2.	Penampang	Gelanggang Bola Tampar	2010	Gambar 1.2
		Gelanggang Sepak Takraw	2010	Gambar 1.3
		Gelanggang <i>Street Soccer</i>	2013	Gambar 1.4

Sumber: Lembaga Sukan Negeri Sabah

Gambar 1.1
Lantai Gelanggang Mempunyai Rekahan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gelanggang Bola Keranjang,
Kompleks Sukan Kota Kinabalu
Tarikh: 27 Januari 2014

Gambar 1.2
Lantai Gelanggang Mempunyai Rekahan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gelanggang Bola Tampar,
Kompleks Sukan Penampang
Tarikh: 12 Mac 2014

Gambar 1.3
Lantai Gelanggang Mempunyai Rekahan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gelanggang Sepak Takraw,
Kompleks Sukan Penampang
Tarikh: 12 Mac 2014

Gambar 1.4
Cat Lantai Gelanggang Tertanggal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gelanggang Street Soccer,
Kompleks Sukan Penampang
Tarikh: 12 Mac 2014

1.4.3.2. Keadaan fizikal kemudahan sukan yang rosak boleh mendatangkan risiko kecederaan kepada pengguna dan menyebabkan orang ramai tidak berminat menggunakan kemudahan sukan yang rosak. **Berdasarkan maklum balas Lembaga Sukan Negeri Sabah pada 25 Ogos 2014 menjelaskan, pihak LSNS telah memohon peruntukan daripada Kementerian Belia Dan Sukan Sabah bagi tujuan penyenggaraan kemudahan sukan di setiap kompleks sukan.**

1.4.3.3. Selain itu, LSNS mempunyai sebuah bangunan asrama di Kota Kinabalu yang dikenali sebagai Asrama Kinabalu dengan bilangan bilik sebanyak 170 buah dan telah dibina pada tahun 1979 sebagai kemudahan penginapan untuk orang awam dan atlet. Bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pengguna, bangunan asrama serta bilik penginapan hendaklah berkeadaan baik, selamat dan selesa dihuni. Lawatan Audit ke Asrama Kinabalu pada bulan Februari 2014 mendapati permukaan konkrit bangunan, siling dan dinding bilik asrama telah pecah seperti di **Gambar 1.5, Gambar 1.7, Gambar 1.9 dan Gambar 1.10**. Bagaimanapun, selepas lawatan Audit, permukaan konkrit bangunan yang pecah telah dibaiki seperti di **Gambar 1.6 dan Gambar 1.8**. Manakala, bagi siling stor dan dinding bilik asrama yang pecah akan dibaiki secara berperingkat mengikut peruntukan kewangan sedia ada.

Gambar 1.5
Permukaan Konkrit Bangunan Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Asrama Kinabalu, KS Kota Kinabalu
Tarikh: 26 Februari 2014

Gambar 1.6
Permukaan Konkrit Bangunan Pecah
Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Asrama Kinabalu, KS Kota Kinabalu
Tarikh: 18 September 2014

Gambar 1.7
Permukaan Konkrit Bangunan Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Asrama Kinabalu, KS Kota Kinabalu
Tarikh: 26 Februari 2014

Gambar 1.8
Permukaan Konkrit Bangunan Pecah
Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Asrama Kinabalu, KS Kota Kinabalu
Tarikh: 18 September 2014

Gambar 1.9
Permukaan Konkrit Dinding Bilik Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Asrama Kinabalu,
Kompleks Sukan Kota Kinabalu
Tarikh: 26 Februari 2014

Gambar 1.10
Permukaan Konkrit Siling Stor Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Asrama Kinabalu,
Kompleks Sukan Kota Kinabalu
Tarikh: 26 Februari 2014

1.4.3.4. Semakan Audit terhadap laporan pemeriksaan bangunan Asrama Kinabalu oleh pihak Jabatan Kerja Raya Sabah (JKRS) pada tahun 2007 mendapati pihak JKRS telah menyarankan penyenggaraan secara berkala dilaksanakan bagi mengelakkan kerosakan bangunan menjadi bertambah teruk. Selain itu, pihak JKRS turut mencadangkan agar bangunan asrama baharu dibina bagi menggantikan bangunan asrama sedia ada. Kesan daripada permukaan konkrit bangunan, siling dan dinding bilik asrama yang pecah boleh menyebabkan risiko kecederaan kepada penghuni asrama. **Berdasarkan maklum balas Lembaga Sukan Negeri Sabah pada 19 Mei 2014 menyatakan, dengan peruntukan kewangan yang terhad, pembaikan dilaksanakan mengikut keutamaan dan keselamatan pengguna.**

Pada pendapat Audit, penyenggaraan terhadap kemudahan sukan seperti stadium hoki, *running track*, kolam renang, padang bola sepak, gelanggang tenis, badminton dan lain-lain adalah baik kecuali gelanggang bola keranjang, bola tampar dan sepak takraw serta bangunan asrama rosak di Kompleks Sukan Kota Kinabalu dan Penampang yang mana pembaikan perlu dilaksanakan untuk keselamatan dan keselesaan pengguna.

1.4.4. Kutipan Hasil

1.4.4.1. Pada tahun 2011 hingga 2013, LSNS telah berjaya menjana hasil berjumlah RM12.8 juta melalui penyewaan kemudahan sukan termasuklah sewa bilik asrama, kedai sukan dan kantin. Arahan Perbendaharaan 89A (b) menyatakan Pemungut dan Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk memungut hasil belum terima. Bagi tahun 2011 hingga 2013, LSNS mempunyai tunggakan hasil melalui penyewaan kemudahan sukan untuk tujuan acara sukan atau acara bukan sukan oleh persatuan sukan, agensi Kerajaan dan swasta berjumlah RM0.99 juta dengan tempoh tunggakan antara 2 hingga 8 tahun.

1.4.4.2. Semakan Audit mendapati pihak LSNS tidak mempunyai prosedur mengutip hutang yang spesifik. Selain itu, pihak LSNS mengalami kesukaran mengutip hutang terdahulu yang melibatkan persatuan-persatuan sukan, agensi Kerajaan serta swasta kerana pertukaran ahli Jawatankuasa atau organisasi persatuan dan agensi berkenaan. **Berdasarkan maklum balas Lembaga Sukan Negeri Sabah pada 19 Mei 2014 menjelaskan, pihak Lembaga sedang berusaha untuk memungut hasil yang tertunggak berkenaan dengan mengemukakan surat peringatan kepada setiap penghutang serta memohon penghutang menjelaskan tunggakan sebelum meluluskan tempahan penggunaan kemudahan sukan yang baharu.**

Pada pendapat Audit, usaha pihak LSNS mengemukakan surat peringatan dan memohon penghutang menjelaskan tunggakan adalah kurang berkesan. Bagaimanapun, pihak LSNS hendaklah konsisten dan proaktif dalam memungut tunggakan hasil agar lebih berkesan kerana tunggakan masih gagal dipungut.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan terhadap pengurusan kemudahan sukan di kompleks sukan, pihak Audit mengesyorkan Lembaga Sukan Negeri Sabah perlu mengkaji semula pengagihan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri dengan menyediakan peruntukan secukupnya bagi tujuan penyenggaraan kemudahan sukan di setiap Kompleks Sukan.

KORPORASI KEMAJUAN PERIKANAN DAN NELAYAN SABAH (KO-NELAYAN)

2. PROGRAM 1AZAM KO-NELAYAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah (KO-NELAYAN) telah ditubuhkan pada 20 April 1981 melalui Enakmen No.4 Tahun 1981 dan merupakan sebuah agensi sosio-ekonomi Kerajaan Negeri Sabah. KO-NELAYAN diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pertanian dan Industri Pemakanan bagi memainkan peranan penting memajukan masyarakat nelayan. Selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menghapuskan kadar kemiskinan tegar sepenuhnya menjelang tahun 2010, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM40.00 juta kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi pelaksanaan Program 1AZAM. Objektif pelaksanaan Program 1AZAM adalah untuk meningkatkan pendapatan golongan Miskin Tegar dan Miskin yang berdaftar dalam sistem eKasih melalui penglibatan mereka dalam projek-projek ekonomi yang berupaya meningkatkan pendapatan, taraf hidup khususnya dan kualiti hidup mereka umumnya. Kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa bagi Negeri Sabah adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Kadar Pendapatan Garis Kemiskinan Tahun 2012 Bagi Negeri Sabah

Wilayah	Miskin		Miskin Tegar	
	Isi Rumah (RM)	Per Kapita (RM)	Isi Rumah (RM)	Per Kapita (RM)
Bandar	1,080	240	630	140
Luar Bandar	1,120	240	710	150

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

2.1.2. Bagi memastikan program ini berjalan lancar dan mencapai objektifnya, Kerajaan Negeri telah memberi tanggungjawab untuk melaksanakannya kepada Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah (KO-NELAYAN). Program 1AZAM KO-NELAYAN bagi Fasa 1 telah bermula pada penghujung tahun 2010 dan disasarkan kepada golongan nelayan miskin tegar, miskin dan mudah miskin. Berdasarkan Garis Panduan Program 1AZAM KO-NELAYAN, program ini terbahagi kepada 3 projek seperti berikut:

2.1.2.1. Projek Pembangunan Industri Sokongan Perikanan (PISP)

Pemberian pinjaman dalam bentuk tunai untuk modal kerja sehingga nilai maksima RM13,500 secara kredit dan perlu dibayar balik dalam tempoh 5 tahun. Kumpulan Sasar adalah Ketua Isi Rumah (KIR), Ibu Tunggal (IT), Suri Rumah (SR) atau Ahli Isi Rumah (AIR) miskin dan miskin tegar yang produktif dari kalangan nelayan yang melibatkan diri dalam industri pembinaan/pembuatan peralatan seperti bot, kelong, bubu dan

seumpamanya. Setiap peserta diwajibkan mengikuti Kursus Asas Pengenalan Perniagaan sebelum ditawarkan pinjaman.

2.1.2.2. Projek Transformasi Ekonomi Perikanan (PTEP)

Projek ini berbentuk kredit bersubsidi dan menyediakan modal pusingan dengan nilai maksima RM13,500 seorang dan perlu dibayar balik dalam tempoh 5 tahun. Kumpulan sasaran adalah KIR, IT, SR atau AIR dari golongan berpendapatan rendah, miskin dan miskin tegar untuk menganjakkan pendapatan mereka ke tahap pendapatan maksima RM2,000 sebulan atau minima RM750 sebulan. Setiap peserta diwajibkan mengikuti Kursus Asas Pengenalan Perniagaan sebelum ditawarkan pinjaman.

2.1.2.3. AZAM Kerja

Kumpulan sasaran adalah anak-anak nelayan yang akan diambil bekerja secara sangkutan selama 18 bulan dengan elaun bulanan berjumlah antara RM600 hingga RM1,000 mengikut kelayakan akademik. Peserta juga akan diberikan Kursus Etika Pejabat.

2.1.3. Program 1AZAM KO-NELAYAN Fasa 1 meliputi 19 buah daerah di Negeri Sabah dengan jumlah peserta seramai 455 orang iaitu 411 orang peserta PTEP, 24 orang peserta AZAM Kerja dan 20 orang peserta PISP dengan perbelanjaan sebenar berjumlah RM4.94 juta.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Program 1AZAM KO-NELAYAN telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat program.

2.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi 5 daerah iaitu Kudat, Tawau, Kunak, Sandakan dan Beluran bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen seperti Garis Panduan 1AZAM KO-NELAYAN, fail peserta, perjanjian pinjaman, garis panduan program serta dokumen berkaitan dengan program 1AZAM KO-NELAYAN bagi Fasa 1. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab dan peserta yang terlibat juga dijalankan. Selain itu, seramai 66 daripada 455 orang peserta atau 15% dipilih sebagai sampel Audit dan lawatan Audit telah dilaksanakan di Wilayah Kudat, Sandakan dan Tawau bagi meninjau pelaksanaan dan pemantauan terhadap Program 1AZAM KO-NELAYAN. Borang soal selidik juga diedarkan kepada peserta Program 1AZAM KO-NELAYAN untuk mendapatkan maklum balas terhadap keberkesanan program.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga April 2014 mendapati pada keseluruhannya Program 1AZAM KO-NELAYAN adalah memuaskan. Selain perbelanjaan program mencecah 86% daripada peruntukan yang diterima, sambutan terhadap Program 1Azam mencapai 139% melebihi sasaran dan 31 daripada 58 orang miskin tegar telah berjaya ditingkatkan ke tahap miskin dan sebahagiannya telah terkeluar daripada garis kemiskinan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

- Walaupun Projek PTEP telah dapat meningkatkan pendapatan peserta tetapi belum dapat menganjak aktiviti peserta daripada nelayan kepada pemborong ikan.
- Tunggakan bayaran balik pinjaman peserta.

2.4.1. Prestasi Program 1AZAM

2.4.1.1. Prestasi Kewangan

- a. Dalam Rancangan Malaysia Ke-10, Kerajaan Persekutuan melalui KPWKM telah meluluskan peruntukan berjumlah RM5.77 juta di bawah Program 1AZAM KO-NELAYAN seperti di **Jadual 2.2**. Setakat bulan Mei 2014, KO-NELAYAN telah membelanjakan sejumlah RM4.94 juta atau 86% daripada jumlah yang diperuntukkan.

Jadual 2.2

Prestasi Perbelanjaan Bagi Program 1AZAM KO-NELAYAN Setakat 31 Mei 2014

Bil.	Projek	Peruntukan Diterima (RM)	Peruntukan Dipindah (RM)	Jumlah (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)	Baki Peruntukan (RM)
1.	PISP	2,700,000	(2,340,000)	360,000	268,288	75	91,712
2.	PTEP	2,808,000	2,340,000	5,148,000	4,399,277	85	748,723
3.	AZAM Kerja	263,800	0	263,800	268,707	102	(4,907)
Jumlah		5,771,800	0	5,771,800	4,936,272	86	835,528

Sumber: KO-NELAYAN

- b. Semakan Audit mendapati, peruntukan bagi Projek Pembangunan Industri Sokongan Perikanan (PISP) berjumlah RM2.34 juta telah dipindah kepada Projek Transformasi Ekonomi Perikanan (PTEP) kerana Projek PISP kurang mendapat sambutan kumpulan sasaran berbanding Projek PTEP yang mendapat sambutan jauh lebih baik daripada jangkaan. Manakala jumlah perbelanjaan sebenar bagi AZAM Kerja adalah RM268,707 atau 102% melebihi RM4,907 daripada jumlah yang diperuntukkan kerana pelanjutan tempoh latihan dari 12 kepada 18 bulan.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Program 1AZAM adalah baik kerana jumlah peruntukan yang dibelanjakan adalah melebihi 80%.

2.4.1.2. Prestasi Penyertaan

- a. Berdasarkan Garis Panduan Program 1AZAM KO-NELAYAN telah mensasarkan seramai 150 peserta bagi Projek Pembangunan Industri Sokongan Perikanan (PISP) dan 156 peserta bagi Projek Transformasi Ekonomi Perikanan (PTEP) di Negeri Sabah dengan modal kerja sebanyak RM13,500 seorang. Manakala seramai 22 peserta disasarkan bagi AZAM Kerja. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Sasaran Peserta Berbanding Pencapaian Sebenar
Program 1AZAM KO-NELAYAN Bagi Negeri Sabah

Bil.	Projek	Sasaran (orang)	Pencapaian Sebenar (orang)	Peratus (%)
1.	PISP	150	20	13
2.	PTEP	156	411	264
3.	AZAM Kerja	22	24	109
Jumlah		328	455	139

Sumber: KO-NELAYAN

- b. Berdasarkan jadual di atas, pencapaian sebenar bilangan peserta bagi Projek PISP hanya seramai 20 peserta atau 13% iaitu kurang daripada jumlah yang disasarkan. Projek ini kurang mendapat sambutan di kalangan nelayan kerana kebanyakan nelayan telah mempunyai kemahiran dalam pembinaan peralatan sokongan perikanan seperti pembinaan bot, bagang, kelong, bubu dan seumpamanya.
- c. Manakala bagi Projek PTEP jumlah penyertaan peserta sebenar adalah seramai 411 atau 264% lebih daripada sasaran. Ini disebabkan nelayan lebih memerlukan bantuan berbentuk modal pusingan dan peralatan seperti perahu, enjin, pukot, bubu, tong ais dan mesin penyejukbeku (*freezer*).
- d. Sementara itu bagi AZAM Kerja, pencapaian sebenar adalah seramai 24 peserta atau 109%. Seramai 8 peserta telah menamatkan program lebih awal dan hanya mengikuti latihan antara 2 hingga 15 bulan. Antara sebab peserta tidak menghabiskan tempoh latihan adalah kerana telah mendapat pekerjaan tetap.
- e. Secara keseluruhan pencapaian sebenar telah melebihi sasaran iaitu seramai 455 peserta atau 139% berbanding sasaran iaitu seramai 328 peserta. Jumlah penyertaan yang melebihi sasaran ini disebabkan jumlah pinjaman sebenar yang diberikan tidak mencapai nilai maksima RM13,500 bagi setiap peserta. Jumlah pinjaman peserta adalah antara RM5,000 hingga RM13,500.

Pada pendapat Audit, prestasi Penyertaan Program 1AZAM adalah baik kerana jumlah penyertaan peserta telah melebihi sasaran sebanyak 139%.

2.4.1.3. Prestasi Pendapatan Peserta

Matlamat Program 1AZAM adalah untuk meningkatkan pendapatan golongan nelayan dan keluar daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Kadar Pendapatan Garis Kemiskinan Negeri Sabah Tahun 2012 (Luar Bandar) adalah RM710 sebulan/Isi Rumah bagi Miskin Tegar manakala RM1,120 sebulan/Isi Rumah bagi Miskin. Berdasarkan Garis Panduan Program 1AZAM KO-NELAYAN, program ini bertujuan meningkatkan pendapatan peserta dari golongan berpendapatan rendah, miskin dan miskin tegar ke tahap berpendapatan maksima RM2,000 sebulan atau minimumnya pada RM750 sebulan.

- a. Berdasarkan maklum balas 58 daripada 66 peserta yang dipilih, adalah didapati pendapatan sebulan peserta sebelum dan selepas menerima pinjaman adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Pencapaian Pendapatan Peserta 1AZAM

Kategori	PGK 2012	Projek	Bilangan Peserta Sebelum Menerima Pinjaman	Jumlah Pendapatan Selepas Menerima Pinjaman					
				Miskin Tegar		Miskin		Terkeluar	
				< RM710		< RM1,120		> RM1,120	
				Orang	%	Orang	%	Orang	%
Miskin Tegar	< 710	PTEP	49	24	49	13	27	12	24
		PISP	6	3	50	2	33	1	17
Miskin	< 1,120	PTEP	3	0	0	1	33	2	67
Jumlah			58	27	47	16	28	15	26

Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Analisis Audit mendapati, seramai 49 peserta daripada projek PTEP dan 6 peserta daripada projek PISP dikategorikan sebagai Miskin Tegar sebelum menerima pinjaman. Selepas menerima pinjaman, jumlah peserta yang masih dalam kategori Miskin Tegar menurun masing-masing menjadi 24 peserta atau 49% bagi projek PTEP dan 3 peserta atau 50% bagi projek PISP. Manakala 13 peserta atau 27% bagi projek PTEP dan 2 peserta atau 33% bagi projek PISP telah meningkat pendapatan ke kategori Miskin. Seramai 12 peserta atau 24% bagi projek PTEP dan seorang atau 17% dari projek PISP telah melepasi PGK.
- c. Sementara itu, seramai 3 peserta PTEP dikategorikan sebagai Miskin sebelum menerima pinjaman. Daripada 3 peserta tersebut, pendapatan isi rumah selepas menerima pinjaman bagi 2 peserta atau 67% telah melepasi PGK manakala seorang peserta masih berada di kategori Miskin.

Pada pendapat Audit, pencapaian program berdasarkan maklum balas 58 daripada 66 peserta yang dipilih adalah memuaskan kerana 30 peserta berjaya meningkatkan pendapatan dan 15 peserta atau 26% telah keluar dari PGK.

2.4.2. Pemilihan Peserta Projek PISP Dan PTEP

2.4.2.1. Berdasarkan Garis Panduan Program 1AZAM Bagi Negeri Sabah, penerima pinjaman bersubsidi perlu terlebih dahulu memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Semua peserta hendaklah tersenarai dalam eKasih.
- b. Golongan Miskin Tegar yang berpendapatan isi rumah bulanan berjumlah kurang daripada PGK iaitu RM540 sebulan.
- c. Golongan Miskin yang berpendapatan bulanan kurang daripada RM940 sebulan.
- d. KIR, IT, SR atau AIR Miskin Tegar dan Miskin yang produktif iaitu:
 - i. Tidak uzur dan mampu bekerja untuk menyara keluarga.
 - ii. Telah tamat persekolahan dan tidak bersekolah lagi semasa permohonan dibuat.
 - iii. Berminat dan berazam kuat untuk menjalankan projek yang dipohon.
- e. Verifikasi telah dijalankan bagi memastikan peserta layak diberikan bantuan serta disahkan oleh Ketua Kampung atau Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).
- f. Peserta telah menghadiri kursus yang telah ditetapkan oleh Agensi Pelaksana.

2.4.2.2. Daripada 431 fail meliputi fail PISP dan PTEP, sebanyak 100 atau 23% fail telah dijadikan sampel untuk semakan dokumen pemilihan peserta program. Hasil daripada semakan yang dijalankan, pihak Audit mendapati semua permohonan yang diluluskan telah memenuhi syarat-syarat seperti ditetapkan oleh Jawatankuasa *Focus Group* (Pembasmian Kemiskinan) Peringkat Negeri Sabah.

Pada pendapat Audit, pemilihan peserta Program 1AZAM adalah baik sebagaimana syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa *Focus Group* (Pembasmian Kemiskinan) Peringkat Negeri Sabah.

2.4.3. Projek Transformasi Ekonomi Perikanan (PTEP)

2.4.3.1. Berdasarkan Garis Panduan 1AZAM KO-NELAYAN, projek PTEP adalah bertujuan menyokong nelayan yang ingin menambahkan hasil pendapatan daripada aktiviti menangkap ikan kepada pemborong ikan, pembuat ikan masin/kering kepada pemborong hasil perikanan dan lain-lain aktiviti perikanan yang seumpamanya yang ingin diceburi oleh kumpulan pendapatan rendah dan mengurangkan kebergantungan terus

kepada bantuan Kerajaan. Konsep pelaksanaan PTEP adalah menyediakan modal pusingan berbentuk kredit bersubsidi dengan nilai maksima RM13,500. Jumlah keseluruhan peserta PTEP adalah seramai 411 orang, dengan 304 orang daripadanya mewakili Wilayah Kudat, Tawau dan Sandakan seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Status Semasa Peserta Setakat Bulan Julai 2014

Wilayah	Jumlah Peserta (orang)	Status Peserta	
		Aktif (orang)	Tidak Aktif (orang)
Kudat	129	129	0
Tawau	113	113	0
Sandakan	62	56	6
Jumlah	304	298	6

Sumber: KO-NELAYAN

2.4.3.2. Daripada 304 peserta PTEP di 3 daerah di atas, seramai 59 peserta telah dipilih sebagai sampel Audit iaitu masing-masing 19 peserta di Wilayah Kudat, 20 peserta di Wilayah Tawau dan 20 peserta di Wilayah Sandakan. Lawatan Audit ke rumah dan lokasi projek peserta yang dijalankan pada 3 hingga 7 Mac 2014 dan 17 hingga 21 Mac 2014 dan mendapati perkara berikut:

- a. 55 daripada 59 peserta yang dilawati masih menjalankan aktiviti menangkap ikan sepenuh masa dengan menggunakan wang pinjaman untuk membeli peralatan perikanan. Mereka tidak terlibat secara langsung dengan aktiviti pemborong ikan atau pembuat ikan masin. Antara peralatan yang dibeli oleh peserta adalah seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.4**.

Gambar 2.1
Enjin Sangkut, Bot, Tong Ais Dan Pukat Yang Dibeli Oleh Peserta



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Sebayan, Kudat
Tarikh: 5 Mac 2014

Gambar 2.2
Enjin Sangkut, Bot Dan Pukat Yang Dibeli Oleh Peserta



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanah Merah, Kudat
Tarikh: 5 Mac 2014

Gambar 2.3
Peralatan Dibeli Oleh Peserta



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Sim Sim, Sandakan
Tarikh: 1 April 2014

Gambar 2.4
Pukat Yang Dibeli Peserta



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Keramat, Beluran
Tarikh: 3 April 2014

- b. Hanya 2 peserta menjadi pemborong hasil perikanan, seorang peserta menjadi pemandu bas dan seorang menjadi pengawal keselamatan.
- c. **Berdasarkan maklum balas KO-NELAYAN bertarikh 9 Jun 2014 menyatakan, kumpulan sasar projek ini terdiri daripada golongan Miskin Tegar, Miskin dan Mudah Miskin. Jurang kemiskinan di antara ketiga-tiga kumpulan ini adalah amat besar dan merupakan cabaran dalam usaha mewujudkan peserta taraf pemborong dalam masa yang singkat. Mengikut data yang diperolehi daripada Borang Permohonan dan Borang Verifikasi Peserta, seramai 10 daripada 455 peserta atau 2% terlibat dengan aktiviti pemborong hasil perikanan. Oleh itu, pihak KO-NELAYAN lebih mengutamakan usaha untuk meningkatkan pendapatan peserta sejajar dengan objektif Program 1AZAM. Walau bagaimanapun, pihak KO-NELAYAN akan membuat kajian semula terhadap latar belakang projek PTEP.**

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek PTEP adalah kurang memuaskan kerana belum dapat menganjak aktiviti peserta daripada menjalankan aktiviti menangkap ikan kepada pemborong ikan atau lain-lain hasil perikanan.

2.4.4. Prestasi Bayaran Balik Pinjaman Peserta

2.4.4.1. Peserta yang menyertai program 1AZAM dikehendaki menandatangani perjanjian pinjaman sebelum bayaran pinjaman dibuat. Berdasarkan Perjanjian Pinjaman yang telah ditandatangani antara peserta dengan KO-NELAYAN, peserta hanya perlu membayar balik 50% daripada jumlah pinjaman yang diluluskan mengikut jadual yang ditetapkan dengan diberi tempoh bertenang selama 30 hari dari tarikh pinjaman dikeluarkan. KO-NELAYAN akan mengembalikan 50% daripada jumlah yang dibayar kepada peserta semula setelah peserta berjaya membayar semua baki pinjaman yang perlu dijelaskan. Tempoh bayaran balik pinjaman ialah selama 60 bulan.

2.4.4.2. Analisis Audit terhadap prestasi bayaran balik pinjaman bagi 66 daripada 431 peserta yang merangkumi projek PISP dan PTEP atau 15% sampel peserta yang dipilih mendapati, jumlah pinjaman yang diberikan adalah berjumlah RM642,000 iaitu masing-masing RM213,000 di Wilayah Kudat, RM170,000 di Wilayah Tawau dan RM259,000 di Wilayah Sandakan. Manakala jumlah pinjaman yang perlu dibayar balik bagi peserta di ketiga-tiga wilayah tersebut adalah berjumlah RM321,000. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6

Prestasi Bayaran Balik Pinjaman Bagi Projek PISP Dan PTEP Setakat 31 Mac 2014

Wilayah	Bilangan Peserta (Orang)	Jumlah Pinjaman (RM)	Jumlah Pinjaman Perlu Dibayar (RM)	Jumlah Bayaran Balik Yang Dikutip (RM)	Baki Pinjaman Belum Dibayar Balik (RM)	Peratus Bayaran Balik (%)
Kudat	21	213,000	106,500	48,950	57,650	46
Tawau	25	170,000	85,000	44,544	40,456	52
Sandakan	20	259,000	129,500	26,880	96,670	21
Jumlah	66	642,000	321,000	120,374	194,776	38

Sumber: KO-NELAYAN

2.4.4.3. Berdasarkan **Jadual 2.6**, jumlah bayaran balik yang telah dikutip setakat 31 Mac 2014 adalah RM120,374 atau 38%. Peratus bayaran balik mengikut Wilayah Kudat, Tawau dan Sandakan masing-masing adalah 46%, 52% dan 21%. Analisis Audit terhadap baki pinjaman yang belum dibayar balik adalah RM194,776.

2.4.4.4. Semakan Audit terhadap 66 peserta yang dipilih mendapati seramai 20 peserta membuat bayaran mengikut jadual dan 8 peserta telah menyelesaikan pinjaman lebih awal daripada jadual. Manakala seramai 38 peserta mempunyai tunggakan berjumlah RM46,084 dan tempoh tunggakan adalah antara 4 hingga 30 bulan seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7

Tunggakan Bayaran Balik Peserta PISP Dan PTEP Setakat 31 Mac 2014

Bil.	Wilayah	Bilangan Peserta	Jumlah Pinjaman Perlu Dibayar Selepas Subsidi 50% (RM)	Sasaran Bayaran (RM)	Jumlah Bayaran (RM)	Tunggakan (RM)	Tempoh Tertunggak (Bulan)
1.	Kudat	9	46,500	17,575	8,360	9,215	4 – 22
2.	Tawau	14	45,000	24,748	15,488	9,259	4 – 29
3.	Sandakan	15	98,250	41,529	13,920	27,609	7 – 30
Jumlah		38	189,750	83,852	37,768	46,084	

Sumber: KO-NELAYAN

2.4.4.5. Hasil temu bual Audit dengan peserta program mendapati, antara sebab pinjaman tertunggak adalah seperti berikut:

- a. Masalah kesihatan peserta.
- b. Jumlah tangkapan hasil laut bergantung kepada keadaan cuaca.
- c. Kerosakan peralatan.
- d. Masalah pengangkutan disebabkan lokasi yang jauh.
- e. Peserta ditimpa musibah seperti rumah terbakar dan peserta yang meninggal dunia.
- f. Kos sara hidup keluarga yang tinggi.

2.4.4.6. Berdasarkan maklum balas KO-NELAYAN bertarikh 11 Jun 2014 menyatakan, KO-NELAYAN akan berusaha mengurangkan tunggakan ini melalui Unit Kawalan Kredit dan Penguatkuasaan yang baru diwujudkan. Antara kekangan utama yang dihadapi dalam memungut bayaran balik ialah lokasi peserta yang jauh terpencil dan terletak di kawasan berisiko tinggi, kos lawatan yang tinggi dan isu keselamatan pegawai juga perlu dipertimbangkan dan dititiberatkan.

Pada pendapat Audit, prestasi bayaran balik pinjaman adalah kurang memuaskan kerana 38 daripada 66 peserta mempunyai tunggakan antara 4 hingga 30 bulan.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Program 1AZAM KO-NELAYAN dapat dilaksanakan secara berkesan dan mencapai matlamat untuk meningkatkan pendapatan peserta melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan, penambahbaikan berikut adalah disyorkan:

2.5.1. Mengkaji semula kaedah pelaksanaan Projek Transformasi Ekonomi Perikanan (PTEP) dengan memberi penekanan kepada bentuk dan jenis projek yang berdaya maju dan mampu dilaksanakan oleh golongan sasar. Hal ini penting supaya matlamat mentransformasikan mereka ini daripada nelayan kepada bidang keusahawanan mudah dicapai.

2.5.2. Mengkaji semula kaedah bayaran balik pinjaman supaya tidak membebankan peserta yang rata-rata dari golongan miskin. Kaedah memberi diskaun berdasarkan kepada daya maju projek mungkin lebih praktikal sebagai insentif kepada mereka supaya lebih bersungguh-sungguh dalam menjayakan projek atau kegiatan yang diceburi.

**MAJLIS DAERAH PAPAR
MAJLIS DAERAH RANAU
MAJLIS DAERAH PUTATAN**

3. PENGURUSAN PELESENAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Salah satu fungsi utama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah mengurus tadbir aktiviti perniagaan dalam kawasan perkadarannya. Aktiviti perniagaan di setiap daerah diurus dan dikawal oleh PBT berkenaan melalui pengeluaran lesen dan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan perniagaan yang ditetapkan. Setiap aktiviti perniagaan memerlukan lesen yang diluluskan oleh PBT sebelum sesuatu perniagaan itu mula beroperasi. Peniaga pula hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam Undang-undang Kecil PBT serta syarat lesen yang ditetapkan. Perkara ini adalah penting bagi memastikan aktiviti perniagaan berjalan dengan baik, teratur dan terkawal dengan menitikberatkan aspek kebersihan, keselamatan, ketenteraman dan kesejahteraan penduduk setempat.

3.1.2. Negeri Sabah mempunyai 24 PBT yang terdiri daripada satu Bandaraya, dua Majlis Perbandaran, Lembaga Bandaran dan 20 Majlis Daerah. PBT mengawal aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan antaranya berdasarkan Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (Sabah No. 11 Tahun 1961), Ordinan Hiburan Awam 1958, Undang-undang Kecil dan surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri Sabah.

3.1.3. Terdapat 2 jenis lesen yang perlu diperolehi oleh peniaga bagi menjalankan sesuatu perniagaan iaitu Lesen Perniagaan dan Lesen Operasi. Lesen Perniagaan merupakan lesen yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dengan sokongan PBT. Lesen ini diperlukan untuk semua jenis perniagaan dan bayaran lesen merupakan hasil Kerajaan Negeri. Lesen Operasi pula dikeluarkan oleh PBT di bawah undang-undang kecilnya bagi mengawal aktiviti perniagaan tertentu. Ini termasuklah Lesen Operasi premis makanan, salun pendandan rambut, hotel/rumah tumpangan, gerai-gerai, pusat-pusat hiburan seperti *cyber cafe*, pub/karaoke, salun biliard dan pusat rekreasi keluarga serta perniagaan berbahaya seperti bengkel, pusat servis kereta, kedai tayar kenderaan, tempat cuci kereta dan pelbagai jenis kilang. Bayaran bagi Lesen Operasi merupakan hasil PBT. Lesen Operasi hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum Lesen Perniagaan diluluskan.

3.1.4. Bagi memastikan aktiviti perniagaan berjalan secara teratur dan terkawal, PBT melaksanakan aktiviti penguatkuasaan. Penguatkuasaan dijalankan untuk memastikan peniaga mempunyai lesen yang sah dan mematuhi undang-undang, peraturan dan syarat lesen yang ditetapkan.

3.1.5. Sehingga bulan Disember 2013, bilangan pemegang Lesen Operasi di bawah pentadbiran Majlis Daerah Papar (MDP) adalah sebanyak 1,349, Majlis Daerah Ranau (MDR) 523 pelesen dan Majlis Daerah Putatan (MDPtn) 489 pelesen. Bagaimanapun, bilangan pelesen pada tahun 2011 dan 2012 tidak dapat diperolehi kerana Majlis tidak menyelenggara daftar bilangan pelesen. Hasil yang dikutip oleh MDP, MDR dan MDPtn daripada bayaran Lesen Operasi pada tahun 2011 hingga 2013 berjumlah RM2.94 juta. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Hasil Bayaran Lesen Operasi MDP, MDR Dan MDPtn Bagi
Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Hasil Bayaran Mengikut PBT		
	MDP (RM Juta)	MDR (RM Juta)	MDPtn (RM Juta)
2011	0.59	0.16	0.23
2012	0.58	0.15	0.26
2013	0.61	0.15	0.21
Jumlah	1.78	0.46	0.70

Sumber: Majlis Daerah Papar, Majlis Daerah Ranau dan Majlis Daerah Putatan

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan MDP, MDR dan MDPtn bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan memeriksa fail, rekod, laporan, minit mesyuarat, analisis terhadap data dan dokumen yang berkaitan serta laporan penguatkuasaan yang dilaksanakan. Pihak Audit juga membuat lawatan bersama dengan pegawai pelesenan dan penguatkuasa Majlis terhadap premis-premis perniagaan di MDP, MDR dan di MDPtn serta temu bual dengan pemilik premis.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap pengurusan pelesenan MDP, MDR dan MDPtn telah dijalankan pada bulan Februari, Mac dan Jun 2014. Pada keseluruhannya, pihak Audit mendapati pengurusan pelesenan MDP, MDR MDPtn adalah kurang memuaskan dari aspek pengeluaran lesen, pematuhan syarat dan peraturan lesen serta penguatkuasaan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Proses kelulusan Lesen Operasi melebihi tempoh yang ditetapkan.
- Kadar Bayaran Lesen Operasi tidak mengikut Undang-undang Kecil.

- Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan pelesenan kurang berkesan kerana terdapat premis perniagaan beroperasi tanpa lesen atau lesen tamat tempoh dan peniaga tidak mematuhi peraturan serta syarat lesen yang ditetapkan.
- Barang-barang yang disita/dirampas tidak direkod dan disimpan dengan teratur.

3.4.1. Pengeluaran Lesen Operasi

3.4.1.1. Proses Kelulusan Lesen Operasi Melebihi Tempoh Yang Ditetapkan

- Piagam Pelanggan MDP, MDR dan MDPtn menetapkan setiap permohonan Lesen Operasi diproses masing-masing dalam tempoh 2 bulan, 1 bulan dan 3 bulan tertakluk kepada dokumen sokongan yang lengkap dan syarat-syarat daripada Jabatan teknikal seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bomba, Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar dipatuhi.
- Pihak Audit telah menyemak surat-surat kelulusan yang juga mengandungi maklumat tarikh permohonan dan tarikh kelulusan yang dikeluarkan oleh MDP bagi menentukan tempoh yang diambil untuk memproses permohonan lesen. Berdasarkan 90 sampel Audit didapati sebanyak 30 lesen telah diluluskan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut piagam pelanggan iaitu 2 bulan manakala sebanyak 60 atau 66.7% permohonan lagi diluluskan melebihi 2 bulan. Tempoh kelewatan adalah sehingga 18 bulan seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2

Tempoh Kelewatan Kelulusan Permohonan Lesen Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Bilangan Bulan Lewat					Jumlah
	>2 - 3	4 - 6	7 - 9	10 - 12	Melebihi 12	
2011	-	1	2	-	1	4
2012	7	3	2	-	9	21
2013	6	5	3	13	8	35
Jumlah	13	9	7	13	18	60

Sumber: Majlis Daerah Papar

- Bagi MDPtn pula, pihak Audit telah menyemak fail individu pelesen yang juga mengandungi dokumen permohonan dan surat kelulusan bagi menentukan tempoh yang diambil untuk memproses permohonan lesen. Berdasarkan 72 sampel Audit didapati sebanyak 26 lesen telah diluluskan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut piagam pelanggan iaitu 3 bulan manakala sebanyak 21 atau 29% permohonan diluluskan melebihi 3 bulan seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3**Tempoh Kelewatan Kelulusan Permohonan Lesen Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Tahun	Bilangan Bulan Lewat				Jumlah
	4 - 6	7 - 9	10 - 12	Melebihi 12	
2011	-	-	1	1	2
2012	2	-	-	-	2
2013	7	9	-	1	17
Jumlah	9	9	1	2	21

Sumber: Majlis Daerah Putatan

- d. Kelewatan ini antara lainnya disebabkan keperluan untuk mendapatkan pandangan atau sokongan Jabatan teknikal seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bomba, Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar di mana berkaitan. Pandangan atau sokongan Jabatan teknikal adalah perlu bagi aktiviti perniagaan tertentu seperti perniagaan di bawah Undang-undang Kecil (Perniagaan Berbahaya), Undang-undang Kecil (Premis Makanan), Undang-undang Kecil (Hotel Dan Penginapan), Ordinan Hiburan Awam (pusat-pusat hiburan) dan sebagainya. Selain itu, mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan MDP juga tidak mengadakan mesyuarat mengikut jadual.
- e. Kelewatan ini menyebabkan peniaga menjalankan operasi perniagaan walaupun lesen belum diluluskan. Selain tidak ada kawalan terhadap pematuhan undang-undang dan peraturan bagi premis perniagaan berkenaan, hasil bayaran lesen juga tidak dapat dikutip bagi tempoh tersebut.
- f. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan tempoh yang diambil untuk memproses permohonan Lesen Operasi bagi MDR kerana daftar permohonan lesen tidak disediakan dan tarikh permohonan tidak dicatatkan dalam lesen yang telah dikeluarkan.
- g. **Berdasarkan maklum balas MDP bertarikh 2 Jun 2014, tindakan telah diambil untuk menyediakan takwim mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan untuk membincang dan meluluskan permohonan Lesen Operasi serta mengadakan perbincangan dengan Jabatan teknikal yang terlibat agar proses kelulusan Lesen Operasi boleh dipercepatkan. Selain itu, MDP juga tidak akan menerima permohonan Lesen Operasi yang tidak menyertakan kelulusan bangunan dan Sijil Meduduki. Maklum balas MDR bertarikh 22 Mei 2014 pula menyatakan bahawa buku daftar permohonan Lesen Operasi telah disediakan. Maklumbalas MDPtn bertarikh 14 Julai 2014 menyatakan MDPtn telah menambahbaik rekod daftar permohonan Lesen Operasi baru. Piagam Pelanggan juga akan dikemaskini dengan menambahbaik tempoh proses pembaharuan Lesen Operasi.**

3.4.1.2. Kelulusan Lesen Tidak Melalui Jawatankuasa Pelesenan

- a. Manual Prosedur Kerja MDP, MDR dan MDPTn menetapkan bahawa permohonan Lesen Operasi perlu dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan untuk kelulusan. Selain itu, Jawatankuasa Pelesenan juga bertanggungjawab untuk membincang dan menyelesaikan permasalahan berkaitan pelesenan dan aktiviti perniagaan dalam kawasan Majlis. Semakan Audit mendapati kelulusan lesen operasi bagi MDP dan MDPTn dibuat melalui Jawatankuasa Pelesenan. Bagaimanapun bagi MDR semua kelulusan lesen yang dikeluarkan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2013 tidak dibincangkan dan diluluskan melalui Jawatankuasa Pelesenan dan hanya diluluskan oleh Pegawai Eksekutif sahaja. Perkara ini berlaku kerana MDR tidak mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan sejak tahun 2004. Bilangan lesen yang diluluskan oleh MDR bagi tempoh 2011 hingga 2013 sukar ditentukan kerana daftar permohonan dan kelulusan lesen tidak disediakan.
- b. Kelulusan lesen tanpa melalui Jawatankuasa Pelesenan bukan sahaja tidak mematuhi kehendak Manual Prosedur Kerja, tetapi juga menyebabkan tidak ada pemantauan dan ketelusan terhadap pengeluaran lesen bagi tempoh tersebut.
- c. **Maklum balas MDR bertarikh 22 Mei 2014 menyatakan bahawa Jawatankuasa Pelesenan telah diaktifkan semula dan mesyuarat pertama telah diadakan pada 20 Mei 2014.**

3.4.1.3. Kadar Bayaran Lesen Operasi Tidak Mengikut Undang-undang Kecil

- a. Peniaga yang mendapat kelulusan Lesen Operasi dikenakan bayaran lesen sepertimana ditetapkan di bawah undang-undang kecil PBT. Bagi MDP, MDR dan MDPTn bayaran Lesen Operasi hendaklah mengikut kadar yang ditetapkan dalam Undang-undang Kecil Majlis yang diluluskan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri Sabah dan telah diwartakan.
- b. Semakan Audit mendapati, kadar Lesen Operasi yang dikenakan oleh MDP dan MDR adalah mengikut kadar yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat kes kadar bayaran lesen operasi yang dikenakan oleh MDPTn tidak mengikut kadar yang ditetapkan. Kadar yang dikenakan adalah antara 400% hingga 1,200% lebih tinggi daripada kadar yang ditetapkan dalam undang-undang kecil. Perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penuh MDPTn pada 6 Februari 2014 dan mesyuarat telah mengambil keputusan menetapkan satu kadar baru yang lebih tinggi daripada kadar semasa yang dikenakan. Butiran lanjut Lesen Operasi yang terlibat dan kadar semasa yang dikenakan berbanding kadar mengikut Undang-undang Kecil serta kadar yang ditetapkan dalam Mesyuarat Penuh MDPTn adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4

Kadar Semasa Lesen Operasi Yang Dikenakan Berbanding Undang-undang Kecil Dan Keputusan Mesyuarat Penuh MDPtn

Bil.	Lesen Operasi	Kadar		
		Lesen Operasi Yang Dikenakan (RM)	Undang-undang Kecil (RM)	Mesyuarat Penuh MDPTTN (RM)
1.	Hotel	10/bilik sebulan	24/bilik setahun	30/bilik sebulan
2.	Restoran	240 setahun	60 setahun	60 sebulan
3.	Salun	10/kerusi sebulan	10/kerusi setahun	20/kerusi sebulan
4.	Pasar daging/ikan	360 setahun	60 setahun	Tidak dibincangkan
5.	Pasar sayuran dan Ayam	120 setahun	60 setahun	Tidak dibincangkan

Sumber: Majlis Daerah Putatan

- c. Mengikut MDPtn, kadar yang dikenakan itu adalah mengikut kadar yang diwarisi daripada Majlis Daerah Penampang sebelum MDPtn ditubuhkan. Tindakan segera perlu diambil untuk menentukan kadar bayaran Lesen Operasi yang dikenakan adalah selaras dengan kadar yang ditetapkan dalam Undang-undang Kecil MDPtn. Kadar baru yang diputuskan dalam Mesyuarat Penuh MDPtn tersebut perlu dikemukakan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri Sabah untuk kelulusan dan pindaan terhadap Undang-undang Kecil berkenaan hendaklah dibuat. Perkara ini adalah penting bagi mengelakkan sebarang kontroversi antara MDPtn dengan pemegang Lesen Operasi berkenaan.
- d. **Maklum balas daripada MDPtn bertarikh 14 Julai 2014 menyatakan bahawa keputusan mesyuarat penuh Majlis mengenai kadar baru lesen operasi berkenaan telah dikemukakan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah pada 22 Julai 2014 untuk kelulusan selepas teguran audit.**

Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran Lesen Operasi adalah kurang memuaskan kerana kelewatan memproses permohonan lesen operasi di MDR dan MDPtn mencapai sehingga 18 bulan.

3.4.2. Kawalan Aktiviti Perniagaan

3.4.2.1. Aktiviti perniagaan diurus dan dikawal melalui pengeluaran lesen dan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan perniagaan yang ditetapkan. Setiap jenis perniagaan mempunyai undang-undang dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh peniaga ketika menjalankan perniagaan sepertimana yang ditetapkan di bawah Undang-undang Kecil, surat-surat pekeliling Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah dan Ordinan berkaitan seperti Ordinan Hiburan Awam 1958. Undang-undang dan peraturan itu dinyatakan di dalam setiap surat kelulusan lesen sebagai syarat-syarat lesen yang harus dipatuhi oleh peniaga. Pemeriksaan Audit di ketiga-tiga MDP, MDR dan MDPtn mendapati perkara berikut:

a. Premis Perniagaan Beroperasi Tanpa Lesen Operasi

Pemeriksaan telah dijalankan pada bulan Februari, Mac dan Jun 2014 terhadap 70 premis perniagaan di Papar, 66 Premis Perniagaan di Ranau dan 78 Premis Perniagaan di Putatan yang dipilih secara rambang bersama Pegawai Pelesenan dan Penguatkuasa Majlis bagi menentukan sama ada premis perniagaan berkenaan mempunyai lesen yang sah dan peniaga mematuhi undang-undang, peraturan dan syarat lesen yang ditetapkan. Pemeriksaan tersebut mendapati sebanyak 64 premis perniagaan tidak mempunyai Lesen Operasi dengan bayaran lesen yang tidak dapat dikutip yang dianggarkan berjumlah RM59,537 setahun di ketiga-tiga Majlis. Butiran lanjut premis perniagaan yang beroperasi tanpa lesen tersebut adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Premis Peniagaan Tidak mempunyai Lesen Operasi

Bil.	Jenis Premis	Bilangan Premis	Anggaran Hasil Tidak Dapat Dikutip Setahun (RM)
MDP			
Tidak Mengemukakan Permohonan Lesen			
1.	Perniagaan Berbahaya	1	480
2.	Restoran	4	2,400
Permohonan Dalam Proses			
1.	Perniagaan Berbahaya	5	2,640
2.	Pusat Hiburan Awam	2	4,320
3.	Kedai Makan/Restoran	2	1,200
Permohonan Ditolak			
1.	Restoran	1	80
Jumlah		15	11,120
MDR			
Tidak Mengemukakan Permohonan Lesen			
1.	Perniagaan Berbahaya	5	5,400
2.	Hiburan Awam	4	7,740
3.	Penjaja	1	72
4.	Salun	1	180
5.	Hotel	1	1,230
6.	Restoran	5	800
7.	Lesen Pemprosesan	1	5
Permohonan Dalam Proses			
1.	Perniagaan Berbahaya	3	3,000
2.	Hotel	2	630
3.	Bakeri	1	160
Lesen Digantung			
1.	Restoran	1	160
Jumlah		25	19,377
MDPtN			
Tidak Mengemukakan Permohonan Lesen			
1.	Perniagaan Berbahaya	7	420
2.	Hiburan Awam	4	8,460
3.	Salun	2	1,080
4.	Restoran	5	1,200
Permohonan Dalam Proses			
1.	Perniagaan Berbahaya	2	120
2.	Hiburan Awam	1	2,160

Bil.	Jenis Premis	Bilangan Premis	Anggaran Hasil Tidak Dapat Dikutip Setahun (RM)
3.	Hotel	2	15,000
4.	Salun	1	600
Jumlah		24	29,040
Jumlah Keseluruhan		64	59,537

Sumber: Jabatan Audit Negara

- i. Semakan lanjut oleh Pihak Audit menunjukkan bahawa 41 daripada 64 premis berkenaan tidak mengemukakan sebarang permohonan untuk mendapatkan lesen. Manakala 21 premis lagi telah mengemukakan permohonan tetapi belum diluluskan oleh Majlis tetapi 1 permohonan tidak diluluskan dan 1 premis lagi telah digantung kerana belum membayar cukai pintu. Temu bual dengan pemilik premis dan semakan rekod Majlis mendapati, premis-premis tersebut telah beroperasi antara 1 bulan hingga 7 tahun. Antara sebab permohonan lesen operasi tersebut belum atau tidak diluluskan adalah seperti berikut:
 - Menunggu pandangan daripada Jabatan teknikal seperti Jabatan Bomba dan Jabatan Alam Sekitar.
 - Permohonan belum dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan.
 - Permohonan tidak dapat diproses kerana pelan bangunan yang menjadi salah satu syarat lulus lesen belum dikemukakan kepada Majlis untuk kelulusan.
 - Permohonan belum diluluskan kerana tidak mendapat sokongan daripada Jabatan Teknikal.
 - Permohonan tidak diluluskan kerana tidak memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Jabatan teknikal.
- ii. Contoh premis yang tidak mempunyai Lesen Operasi adalah seperti di **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.7**.

Gambar 3.1
Restoran Yang Beroperasi Tanpa Lesen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Papar
Tarikh: 20 Februari 2014

Gambar 3.2
Restoran Yang Beroperasi Tanpa Lesen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Papar
Tarikh: 26 Februari 2014

Gambar 3.3
Hotel Yang Beroperasi Tanpa Lesen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kundasang, Ranau
Tarikh: 26 Mac 2014

Gambar 3.4
Bengkel Kereta Yang Beroperasi Tanpa Lesen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kundasang, Ranau
Tarikh: 26 Mac 2014

Gambar 3.5
Hotel Yang Beroperasi Tanpa Lesen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Puatatan
Tarikh: 19 Jun 2014

Gambar 3.6
Bengkel Kereta Yang Beroperasi Tanpa Lesen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Putatan
Tarikh: 20 Jun 2014



Gambar 3.7
Cyber Cafe Yang Beroperasi Tanpa Lesen

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Ranau
Tarikh: 27 Mac 2014

- iii. Selain itu, terdapat 9 premis perniagaan yang tidak dapat dilesenkan oleh MDP iaitu premis pusat urut dan refleksologi. Pihak MDP telah merujuk perkara ini kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah pada 7 Ogos 2012 dan mengikut surat bertarikh 2 November 2012, garis panduan bagi pusat urut dan refleksologi sedang dibuat oleh Kementerian dan menunggu maklum balas daripada PBT sebelum diterima pakai.

b. Premis Perniagaan Beroperasi Dengan Lesen Yang Telah Tamat Tempoh

- i. Lesen Operasi yang diluluskan hendaklah diperbaharui setiap tahun. Bagaimanapun, bayaran lesen boleh dibuat setiap bulan, suku tahun, setengah tahun atau satu tahun. Pemeriksaan Audit pada Februari hingga Mei 2014 terhadap 214 premis perniagaan mendapati, sebanyak 48 premis perniagaan beroperasi dengan lesen yang telah tamat tempoh. Hasil bayaran lesen yang tidak dapat dikutip kerana peniaga tidak membaharui lesen berjumlah RM86,090. Butiran lanjut premis perniagaan yang beroperasi dengan lesen yang telah tamat tempoh adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Premis Perniagaan Yang Beroperasi Dengan Lesen Yang Telah Tamat Tempoh Pada 31 Disember 2013

Bil.	Jenis Premis	Bilangan Premis	Potensi Hasil Tidak Dapat Dikutip (RM)
MDP			
1.	Hiburan Awam	3	15,060
2.	Hotel	1	70
3.	Meja/Gerei MDP	8	1,940
4.	Restoran	1	300
Jumlah		13	17,370
MDR			
1.	Hiburan Awam	6	47,250
2.	Hotel	2	870
3.	Restoran	2	320
Jumlah		10	48,440
MDPtn			
1.	Hiburan Awam	3	3,720
2.	Meja/Gerei MDPtn	16	13,680

Bil.	Jenis Premis	Bilangan Premis	Potensi Hasil Tidak Dapat Dikutip (RM)
MDP			
3.	Salun	1	720
4.	Restoran	5	2,160
Jumlah		25	20,280
Jumlah Keseluruhan		48	86,090

Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Semakan menunjukkan premis perniagaan berkenaan beroperasi dengan lesen yang telah tamat tempoh antara 6 bulan hingga 7 tahun. Setakat 31 Disember 2013, kesemua 48 premis tersebut belum mengemukakan permohonan pembaharuan lesen mereka. Bagaimanapun, hanya pihak MDP ada mengeluarkan surat peringatan untuk pembaharuan lesen pada 6 Februari 2014 kepada premis yang telah tamat tempoh. Contoh premis perniagaan yang terlibat adalah seperti di **Gambar 3.8** hingga **Gambar 3.12**.

Gambar 3.8
Salun Biliard Yang Beroperasi Dengan Lesen Tamat Tempoh Sejak Tahun 2006




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Ranau
Tarikh: 27 Mac 2014

Gambar 3.9
Pub/karaoke Yang Beroperasi Dengan Lesen Tamat Tempoh Sejak Tahun 2008



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Ranau
Tarikh: 27 Mac 2014

Gambar 3.10
Salun Yang Beroperasi Dengan Lesen Tamat Tempoh Sejak Tahun 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Putatan
Tarikh: 19 Jun 2014

Gambar 3.11
Bakery Yang Beroperasi Dengan Lesen Tamat Tempoh Sejak Tahun 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Putatan
Tarikh: 19 Jun 2014



Gambar 3.12
Cyber Cafe Yang Beroperasi Dengan Lesen
Tamat Tempoh Sejak Disember 2012

Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pekan Papar
 Tarikh: 27 Februari 2014

c. Peniaga Tidak Mematuhi Undang-undang, Peraturan Dan Syarat Lesen

i. Mempamerkan Lesen Operasi

Mengikut syarat kelulusan lesen, peniaga hendaklah mempamerkan Lesen Operasi di premis perniagaan yang mudah dilihat oleh setiap pengunjung. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 34 daripada 55 premis perniagaan berlesen di Papar, sebanyak 16 daripada 39 premis perniagaan di Ranau dan sebanyak 31 daripada 54 premis perniagaan di Putatan tidak mempamerkan lesen masing-masing. Antara alasan yang diberikan adalah lesen berkenaan disimpan di rumah dan dipegang atau dibawa oleh pemilik premis untuk urusan pembaharuan di pejabat Majlis. Peniaga perlu mematuhi syarat ini bagi memberi tahu orang ramai bahawa premis perniagaan berkenaan mempunyai lesen yang sah serta memudahkan kerja pemantauan dan penguatkuasaan Majlis.

ii. Pusat Hiburan Awam

Pemeriksaan Audit bersama pegawai Pelesenan dan Penguatkuasa Majlis telah dijalankan di 11 premis pusat hiburan awam masing-masing di Papar dan Ranau dan 8 premis pusat hiburan awam di Putatan yang dilesenkan di bawah Ordinan Hiburan Awam 1958. Premis pusat hiburan awam tersebut terdiri daripada 2 *cyber cafe*, 3 salun biliard dan 6 pub/karaoke di Papar, sebanyak 6 salun biliard dan 5 pub/karaoke di Ranau dan 3 salun biliard, 3 *cyber cafe* dan 2 pub/karaoke di Putatan. Hasil pemeriksaan di Papar mendapati, sebanyak 16 kes ketidakpatuhan terhadap 6 undang-undang, peraturan dan syarat-syarat lesen yang melibatkan 11 premis. Manakala, di Ranau sebanyak 21 kes ketidakpatuhan terhadap 5 undang-undang, peraturan dan syarat-syarat lesen yang melibatkan 11 premis. Di Putatan pula, sebanyak 15 kes ketidakpatuhan terhadap 5 undang-undang, peraturan dan syarat-syarat lesen yang melibatkan 8 premis. Contoh pelanggaran syarat adalah seperti berikut:

- Satu premis *cyber cafe* mempunyai 48 buah komputer berbanding 18 buah komputer seperti yang ditetapkan dalam syarat lesen. Kelulusan MDP tidak diperolehi bagi tambahan komputer tersebut. Berdasarkan bayaran Lesen Operasi sejumlah RM5 bagi satu buah komputer sebulan, MDP mengalami kekurangan hasil sejumlah RM1,800 setahun.
- Satu premis *cafe & karaoke box* mempunyai 5 bilik berbanding 4 bilik yang sepatutnya mengikut syarat lesen. Kelulusan MDP tidak diperolehi bagi bilik tambahan tersebut. Berdasarkan bayaran Lesen Operasi sejumlah RM20 bagi satu bilik sebulan, MDP mengalami kekurangan hasil sejumlah RM240 setahun.
- Satu premis pub/karaoke di Papar menyediakan sebuah meja biliard jenis pool tanpa kelulusan MDP. Mengikut Jadual Kedua [Subkaedah 7(1)] Ordinan Hiburan Awam 1958 (Kaedah-kaedah Hiburan Awam 2009), meja biliard jenis pool perlu dikenakan lesen. Berdasarkan bayaran Lesen Operasi sejumlah RM45 bagi satu meja sebulan, MDP mengalami kekurangan hasil sejumlah RM540 setahun.
- Dua premis salun biliard di Ranau telah menambah masing-masing 1 dan 2 meja tanpa kelulusan MDR. Berdasarkan bayaran Lesen Operasi sejumlah RM45 bagi satu meja sebulan, MDR mengalami kekurangan hasil sejumlah RM1,620 setahun.
- Dua premis karaoke berlesen menyediakan sebuah meja biliard jenis pool tanpa kelulusan MDPtn. Berdasarkan bayaran Lesen Operasi sejumlah RM55 bagi satu meja sebulan, MDPtn mengalami kekurangan hasil sejumlah RM1,320 setahun.
- Mengikut Ordinan Hiburan Awam 1958, masa operasi bagi pusat hiburan seperti pub/karaoke, *amusement centre* dan salun biliard perlu ditetapkan dalam syarat lesen dan hendaklah dipatuhi oleh pelesen. Berdasarkan keputusan Kabinet Negeri yang disampaikan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri Sabah kepada semua PBT, masa operasi yang ditetapkan bagi pusat hiburan pub/karaoke adalah antara jam 6.00 malam hingga 1.00 pagi pada hari Isnin hingga Jumaat dan antara jam 6.00 malam hingga 2.00 pagi pada hari Sabtu dan Ahad. Bagaimanapun, masa operasi yang ditetapkan oleh MDP dalam syarat lesen bagi pusat hiburan pub/karaoke adalah antara jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah malam pada hari Isnin hingga Jumaat dan antara jam 10.00 pagi hingga 2.00 pagi pada hari kelepasan am/cuti umum. Pemeriksaan Audit bersama Pegawai Pelesenan dan Penguatkuasa MDP telah dijalankan terhadap 6 pusat hiburan pub/karaoke pada 20 Februari 2014. Satu daripada 6 pusat hiburan di MDP didapati masih beroperasi semasa pemeriksaan dijalankan pada jam

1.22 pagi. Manakala pemeriksaan pada 27 Mac 2014 mendapati, sebanyak 3 daripada 5 pusat hiburan masih beroperasi antara jam 1.40 pagi hingga 1.47 pagi. Begitu juga di MDPtn pada 21 Jun 2014, satu daripada 2 pusat hiburan/karaoke masih beroperasi semasa pemeriksaan dijalankan pada jam 1.45 pagi. Pegawai penguatkuasa MDP telah mengeluarkan kompaun sewaktu pemeriksaan dijalankan manakala MDR dan MDPtn telah mengeluarkan amaran kepada premis berkenaan.

- Garispanduan Pengawalan Perniagaan Pusat Siber dan Cyber Cafe, Perenggan 8.2 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri Sabah melarang pelajar sekolah berpakaian seragam memasuki premis pusat internet (*cyber cafe*) dan pengusaha premis perniagaan ini dikehendaki memasang notis larangan berkenaan. Pemeriksaan Audit mendapati, dua pusat *cyber cafe* membenarkan pelajar sekolah yang berpakaian seragam memasuki dan melayari internet. Temu bual dengan beberapa orang pelajar sekolah berkenaan mendapati mereka sepatutnya berada di sekolah pada masa itu (bersekolah sidang pagi) dan salah seorang daripada pelajar tersebut menunjukkan surat telah dibuang sekolah atas kesalahan disiplin termasuk ponteng sekolah. Tindakan tegas perlu diambil terhadap pengusaha yang tidak mematuhi peraturan ini kerana ia boleh menjejaskan masa depan pelajar-pelajar sekolah. **Gambar 3.13** menunjukkan pelajar-pelajar sekolah yang berpakaian seragam sedang melayari internet di pusat *cyber cafe* tersebut.



Gambar 3.13
Pusat *Cyber cafe* Yang Membenarkan
Pelajar Sekolah Berpakaian Seragam
Memasuki Premis

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Putatan
Tarikh: 19 Jun 2014

iii. Salun Pemandan Rambut Dan Pusat Kecantikan

- Pemeriksaan Audit terhadap 10 premis salun pendandan rambut dan pusat kecantikan di MDP mendapati 2 premis telah menambah masing-masing 17 dan 2 kerusi tanpa kelulusan MDP. Berdasarkan bayaran Lesen Operasi sejumlah RM25 bagi satu kerusi sebulan, MDP mengalami kekurangan hasil sejumlah RM5,700 setahun.

- Pemilik salah sebuah salun tersebut menjelaskan bahawa premisnya memerlukan kerusi tambahan untuk tujuan latihan kerana pusat itu juga mengambil pelajar bagi kursus pendandan rambut dan kecantikan dengan kerjasama Institut Latihan Teknik dan Perdagangan, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Sabah. Memandangkan kerusi-kerusi tersebut diletakkan di ruang perniagaan, pihak MDP perlu mengkaji perkara ini dan memutuskan bayaran yang wajar dikenakan kepada premis berkenaan.

iv. Premis Makanan

Pemeriksaan Audit telah dijalankan di 17 premis makanan di Papar yang melibatkan 16 restoran dan satu bakeri. Manakala di Ranau, pemeriksaan telah dijalankan di 12 premis makanan yang melibatkan 11 restoran dan 1 bakeri. Di Putatan pula, pemeriksaan Audit telah dijalankan di 10 premis makanan yang melibatkan 8 restoran dan 2 bakeri. Hasil pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 16 kes ketidakpatuhan terhadap 5 peraturan atau syarat lesen yang melibatkan 8 premis di Papar, sebanyak 15 kes ketidakpatuhan terhadap 6 peraturan atau syarat-syarat lesen yang melibatkan 7 premis di Ranau dan sebanyak 5 kes ketidakpatuhan terhadap 3 peraturan atau syarat lesen yang melibatkan 3 premis di Putatan seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7

Kes Ketidakpatuhan Kepada Peraturan Atau Syarat Lesen

Bil.	Peraturan Tidak Dipatuhi	Bilangan Premis Terlibat		
		MDP	MDR	MDPtn
1.	Sinki berasingan untuk membasuh tangan tidak disediakan.	2	1	1
2.	Notis JANGAN MELUDAH untuk pelanggan dan arahan menjaga kebersihan untuk pekerja seperti membasuh tangan selepas ke tandas, memakai topi dan apron dan sebagainya tidak dipasang.	8	2	3
3.	Premis tidak menyediakan kemudahan tandas.	2	1	-
4.	Perangkap lemak tidak disediakan.	2	4	1
5.	Serombong asap di bahagian dapur tidak disediakan.	2	5	-
6.	Menjalankan perniagaan selain daripada kelulusan lesen iaitu menyediakan karaoke berbilang.	-	2	-

Sumber: Jabatan Audit Negara

v. Pemeriksaan Kesihatan Pengusaha Dan Pekerja

- Mengikut Undang-undang Kecil MDP, MDR dan MDPtn, Ordinan Hiburan Awam 1958 dan syarat lesen, pengusaha dan pekerja premis makanan, salun pendandan rambut dan kecantikan serta pusat-pusat hiburan awam perlu menjalani pemeriksaan kesihatan setiap tahun dan disahkan layak menjalankan perniagaan berkenaan. Majlis perlu mengeluarkan Kad Kesihatan kepada pengusaha atau pekerja yang menjalani pemeriksaan tersebut.
- Pemeriksaan Audit terhadap kedai makan/restoran, salun pendandan rambut dan pub/karaoke di MDP, MDR dan MDPtn mendapati, sebanyak 9 premis yang mempunyai seramai 34 orang pekerja di MDP, 25 daripadanya tidak menjalani pemeriksaan kesihatan atau tidak mempunyai Kad Kesihatan. Manakala sebanyak 9 premis yang mempunyai seramai 43 orang pekerja di MDR, 37 daripadanya tidak menjalani pemeriksaan dan tidak mempunyai Kad Kesihatan. Begitu juga di MDPtn, sebanyak 7 premis yang mempunyai seramai 17 orang pekerja tidak dapat menunjukkan kad kesihatan kerana tidak mempunyai Kad Kesihatan. Butiran lanjut premis perniagaan tersebut seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Pekerja Tiada Kad Kesihatan

Bil.	Jenis Premis	MDP		MDR		MDPtn	
		Bil. Pekerja	Pekerja Tiada Kad Kesihatan	Bil. Pekerja	Pekerja Tiada Kad Kesihatan	Bil. Pekerja	Pekerja Tiada Kad Kesihatan
1.	Kedai Makan/Restoran	13	7	12	7	6	6
2.	Salun Pendandan Rambut Dan Kecantikan	10	7	4	3	12	7
3.	Karaoke/Pub	11	11	27	27	4	4
Jumlah		34	25	43	37	22	17

Sumber: Pemeriksaan Fizikal Audit

3.4.2.2. Berdasarkan maklum balas bertarikh 2 Jun 2014, pihak MDP telah mengambil tindakan meningkatkan kawalan terhadap aktiviti perniagaan melalui pemeriksaan premis dan memantapkan aktiviti penguatkuasaan. Pemeriksaan susulan telah dijalankan untuk mengatasi masalah premis perniagaan yang tidak mempunyai Lesen Operasi atau Lesen Operasi tamat tempoh dan premis perniagaan yang tidak mematuhi undang-undang, peraturan serta syarat lesen. Arahan kepada peniaga untuk mengemukakan permohonan lesen atau membaharui lesen telah dikeluarkan. Selain itu, peniaga yang tidak mematuhi peraturan dan syarat lesen diberi peringatan, amaran, notis perintah atau tawaran kompaun. Maklum balas MDR bertarikh 22 Mei 2014 menyatakan bahawa penguatkuasaan terhadap premis perniagaan telah diaktifkan dan dilaksanakan secara rutin harian oleh Unit Penguatkuasa MDR. Maklum balas MDPtn bertarikh 14 Julai 2014 menyatakan bahawa MDPtn sedang mengemaskini rekod lesen-lesen ke dalam penggunaan sistem lesen di bawah Sistem e-PBT bagi memastikan premis

perniagaan yang berdaftar sama ada aktif ataupun tidak aktif sebelum mengambil tindakan lanjut. Unit Pelesenan MDPtn juga bekerjasama dengan Unit Penguatkuasa dan Unit Kesihatan dan Persekitaran Majlis dalam penyediaan rekod dan pemantauan premis perniagaan dari semasa ke semasa agar peraturan dan undang-undang dipatuhi.

Pada pendapat Audit, kawalan aktiviti perniagaan di MDP, MDR dan MDPtn adalah kurang memuaskan kerana pemeriksaan Audit mendapati, sebanyak 64 kes premis perniagaan beroperasi tanpa lesen, sebanyak 48 kes premis perniagaan beroperasi dengan lesen tamat tempoh dan sebahagian premis tidak mematuhi undang-undang, peraturan dan syarat lesen yang ditetapkan.

3.4.3. Penguatkuasaan

3.4.3.1. Aktiviti penguatkuasaan perlu dijalankan untuk memastikan premis perniagaan yang beroperasi mempunyai lesen yang sah dan mematuhi undang-undang, peraturan dan syarat lesen yang ditetapkan. Bahagian Penguatkuasa MDP mempunyai 9 anggota penguatkuasa yang diketuai oleh Penolong Pegawai Penguatkuasa (N32). Manakala Bahagian Penguatkuasa MDR dianggotai oleh 7 anggota penguatkuasa yang diketuai oleh Penolong Pegawai Penguatkuasa (N27). Bahagian Penguatkuasa MDPtn pula mempunyai 2 anggota penguatkuasa iaitu Penolong Pegawai Penguatkuasa (N27) dan Pembantu Penguatkuasa (N17), dibantu 15 Pekerja Rendah Am (R1) yang bergaji hari. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap aktiviti penguatkuasaan mendapati perkara berikut:

a. Prestasi Penguatkuasaan

- i. Antara aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa Majlis adalah pemeriksaan berkala, pemeriksaan mengejut dan operasi bersepadu. Pemeriksaan berkala dijalankan melalui rondaan harian oleh anggota penguatkuasa di kawasan yang ditetapkan. Pemeriksaan mengejut pula dijalankan terhadap perniagaan yang berisiko seperti pusat-pusat hiburan. Manakala operasi bersepadu melibatkan aktiviti penguatkuasaan undang-undang yang dilakukan dengan bantuan atau kerjasama pihak berkuasa lain seperti Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna.
- ii. Semakan Audit mendapati di MDP, Bahagian Penguatkuasa telah menyediakan rancangan aktiviti penguatkuasaan setiap tahun. Mengikut rancangan, bahagian tersebut mensasarkan 76 kali setahun bagi pemeriksaan berkala, pemeriksaan mengejut dan operasi bersepadu bagi tahun 2011 hingga 2013 seperti di **Jadual 3.9**.

Jadual 3.9**Rancangan Aktiviti Penguatkuasaan MDP Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Tahun	Pemeriksaan Berkala	Pemeriksaan Mengejut	Operasi Bersepadu	Jumlah
2011	48	24	4	76
2012	48	24	4	76
2013	48	24	4	76
Jumlah	144	72	12	228

Sumber: Majlis Daerah Papar

- iii. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menilai prestasi aktiviti penguatkuasaan yang telah dijalankan bagi tahun 2011 hingga 2013 kerana Bahagian Penguatkuasa, MDP tidak menyediakan daftar atau rekod pemeriksaan berkala, pemeriksaan mengejut dan operasi bersepadu yang telah dijalankan pada tahun-tahun tersebut. Laporan hanya disediakan apabila terdapat kes ketidakpatuhan undang-undang, peraturan dan syarat lesen yang perlu dilaporkan kepada pihak pengurusan MDP untuk tindakan lanjut. Laporan-laporan tersebut pula difailkan bercampur aduk dan tidak mengikut kategori penguatkuasaan yang dijalankan. MDP juga didapati tidak menyediakan senarai semak sebagai panduan anggota penguatkuasa ketika menjalankan penguatkuasaan.
- iv. Bagi MDR dan MDPtn pula, Bahagian Penguatkuasa telah menyediakan rancangan aktiviti penguatkuasaan untuk pemeriksaan berkala dan operasi bersepadu secara bulanan dan mingguan. Semakan Audit terhadap laporan bulanan aktiviti penguatkuasaan mendapati aktiviti penguatkuasaan kedua-dua Majlis telah dijalankan mengikut rancangan.

b. Pengeluaran Kompaun

- i. Tawaran kompaun terhadap kesalahan di bawah mana-mana Undang-undang Kecil MDP, MDR dan MDPtn serta Ordinan Hiburan Awam 1958 boleh dikeluarkan oleh anggota penguatkuasa yang diberi kuasa. Amaun tawaran kompaun yang boleh dikenakan adalah tidak melebihi RM100 bagi kesalahan di bawah Undang-undang Kecil yang memperuntukkan kuasa mengkompaun dan tidak melebihi 50% daripada denda maksimum RM50,000 yang boleh dikenakan kepada pesalah di bawah Ordinan Hiburan Awam 1958. Bagi undang-undang kecil yang tidak memperuntukkan kuasa mengkompaun, Majlis boleh menggunakan Undang-undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) Seragam 2013 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri Sabah dengan nilai kompaun tidak melebihi RM500. Rayuan boleh dibuat kepada Pegawai Eksekutif untuk mengurangkan bayaran kompaun.
- ii. Berdasarkan Daftar Pengeluaran Kompaun MDP dan MDR, bilangan kompaun yang telah dikeluarkan terhadap kesalahan yang berkaitan dengan pelesenan (aktiviti perniagaan) bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 3.10**. Manakala bilangan kompaun yang dikeluarkan oleh MDPtn dan bayaran

kompaun bagi tempoh tersebut sukar diperolehi kerana daftar kompaun tidak diselenggara.

Jadual 3.10
Kompaun Yang Dikeluarkan Bagi Tahun 2011 hingga 2013

Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun					
	2011		2012		2013	
	Bil. Kompaun	Amaun (RM)	Bil. Kompaun	Amaun (RM)	Bil. Kompaun	Amaun (RM)
MDP	9	270	9	500	31	8,235
MDR	11	1,100	1	180	4	180
Jumlah	20	1,370	10	680	35	8,415

Sumber: Majlis Daerah Papar dan Majlis Daerah Ranau

- iii. Semakan Audit mendapati, bagi MDP sebanyak 28 tawaran kompaun berjumlah RM4,520 telah dijelaskan manakala 21 kompaun yang dianggarkan bernilai RM4,485 belum dibayar sehingga 31 Disember 2013. Pihak Audit juga mendapati notis peringatan kepada pesalah yang belum membayar kompaun hanya dikeluarkan bermula pada tahun 2013. Bagi MDR pula, maklumat bayaran tidak dapat diketahui kerana tidak direkodkan dalam daftar kompaun.

c. Tindakan Rampasan

- i. Semua Majlis boleh mengambil tindakan merampas barang perniagaan yang menyalahi peraturan dan syarat lesen yang ditetapkan. Barang rampasan tersebut hendaklah direkod dan dilabelkan dengan betul serta disimpan di stor yang dikhaskan sehingga dituntut oleh pemilik. Tindakan segera perlu diambil untuk melupuskan barang mudah rosak dan barang yang tidak dituntut mengikut tempoh yang ditetapkan atau tidak diperlukan lagi sebagai barang bukti pendakwaan dengan cara memohon arahan mahkamah.
- ii. Semakan Audit mendapati MDP dan MDR tidak melakukan penyitaan/rampasan bagi tempoh 2011 hingga 2013 manakala bahagian Penguatkuasa MDPtn telah mengambil tindakan menyita/merampas barang-barang/peralatan yang digunakan untuk menjalankan perniagaan tanpa lesen atau tidak mematuhi undang-undang dan peraturan antara tahun 2011 dan 2013 seperti di **Jadual 3.11**. Bagaimanapun, berdasarkan rekod bagi tahun 2012 tidak ada operasi penyitaan dibuat.

Jadual 3.11

Barang-Barang Disita/Dirampas Oleh Bahagian Penguatkuasa MDPtn

Bil.	Tarikh	Barang Disita/Dirampas	Kesalahan
1.	01.11.2011	17 unit Komputer Mesin Judi 13 <i>Keyboard</i> 1 unit " <i>Cross Over</i> " 8 unit Penyambung Wayar 1 unit Penyambung B Kabel (D-Link) 14 unit Kerusi Plastik 7 unit Meja	Menyalahgunakan premis iaitu menjalankan Mesin Cyber Judi.
2.	07.12.2011	10 unit Komputer Mesin Judi 13 <i>Keyboard</i> 10 unit " <i>Cross Over</i> " 10 unit Penyambung Wayar 10 unit Kerusi	Menyalahgunakan premis iaitu menjalankan Mesin Cyber Judi.
3.	05.04.2013	2 unit CPU 10 unit <i>Monitor</i> 10 unit <i>Keyboard</i> 8 unit <i>Speaker</i> 1 unit TV	Menyalahgunakan premis iaitu menjalankan Mesin Cyber Judi.

Sumber: Majlis Daerah Putatan

- iii. Semakan Audit mendapati Bahagian Penguatkuasa MDPtn tidak menyediakan Daftar Barang Disita/Dirampas. Kesemua barang-barang yang disita/dirampas itu tidak diberi rujukan pengenalan/label. Daftar dan rujukan pengenalan/label tersebut adalah penting untuk memudahkan pengesanan apabila barang berkenaan dituntut oleh pemiliknya selepas membayar kompaun atau denda, dilupuskan atau dijadikan bahan bukti pendakwaan serta menentukan ia berada dalam simpanan MDPtn dengan selamat. Daftar tersebut antara lainnya mengandungi butiran seperti nama barang disita, tarikh disita, lokasi penyitaan, rujukan pengenalan/label barang disita, tarikh dituntut oleh pemilik dan catatan tindakan yang telah atau akan diambil.
- iv. Selain itu, MDPtn juga tidak mempunyai stor yang sesuai untuk menyimpan barang-barang yang disita/dirampas. Semua peralatan komputer yang disita/dirampas dilonggokkan dalam sebuah bilik di pejabat Bahagian Operasi Luar di tingkat 1, Pasar Am Putatan seperti di **Gambar 3.14**.



Gambar 3.14
Peralatan Komputer Dilonggok Dalam Bilik Tanpa Rekod Dan Rujukan Pengenalan/Label

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Bahagian Operasi Luar, Pasar Am Putatan
Tarikh: 20 Jun 2014

3.4.3.2. Berdasarkan maklum balas MDP bertarikh 2 Jun 2014, Bahagian Penguatkuasa MDP telah diarah meningkatkan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan dan sedang merangka penyediaan daftar/rekod, laporan penguatkuasaan dan pengeluaran kompaun secara berkomputer. Borang senarai semak juga telah disediakan sebagai panduan anggota penguatkuasa menjalankan penguatkuasaan. Maklum balas MDR bertarikh 22 Mei 2014 pula menyatakan bahawa penguatkuasaan terhadap premis perniagaan telah diaktifkan dan dilaksanakan secara rutin harian oleh Unit Penguatkuasa MDR. Maklumbalas MDptn bertarikh 14 Julai 2014, menyatakan Bahagian Penguatkuasaan MDptn akan mempertingkatkan prestasi serta keberkesanan penguatkuasaan terutamanya aktiviti yang melibatkan pemeriksaan berkala, pemeriksaan mengejut dan operasi bersepadu. Rekod dan laporan akan sentiasa dikemaskini bermula tahun 2014. MDPTn juga akan memperbaiki sistem pengeluaran dan pembayaran kompaun berdasarkan syor Audit. Selain itu, MDPTn akan menyediakan daftar bagi barang yang disita dan merujuk proses rampasan daripada PBT lain bagi memastikan proses rampasan dijalankan dengan tatacara yang betul. Pihak Penguatkuasaan juga memohon pembinaan stor bagi penyimpanan barang-barang yang telah disita melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penguatkuasa dan sedang di proses.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan adalah kurang memuaskan di ketiga-tiga Majlis.

3.4.4. Prestasi Kutipan Hasil Lesen

3.4.4.1. Bayaran Lesen Operasi merupakan salah satu daripada sumber hasil MDP, MDR dan MDPTn. Semakan Audit mendapati, prestasi kutipan hasil lesen MDP adalah memuaskan, iaitu kutipan sebenar hasil lesen MDP adalah antara 70.4% hingga 76.2% berbanding anggaran bagi tahun 2011 hingga 2013. Manakala prestasi kutipan hasil lesen MDR dan MDPTn berbanding anggaran bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah sangat baik iaitu masing-masing antara 102.4% hingga 108.4% dan 109.5% hingga 144.1%. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati anggaran dan kutipan sebenar hasil lesen MDR menunjukkan penurunan setiap tahun walaupun terdapat lesen baru yang diluluskan setiap tahun. Manakala pihak MDPTn pula perlu mengkaji semula penentuan anggaran hasil lesen tersebut dengan mengambil kira bilangan pelesen yang bertambah setiap tahun. Butiran lanjut anggaran dan kutipan sebenar hasil lesen adalah seperti di **Jadual 3.12.**

Jadual 3.12**Prestasi Kutipan Hasil Lesen Berbanding Anggaran**

Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun	Anggaran (RM)	Sebenar (RM)	Perbezaan (RM)	Peratus (%)
Majlis Daerah Papar (MDP)	2011	767,565	585,202	182,363	76.2
	2012	823,210	579,724	243,486	70.4
	2013	863,210	611,152	252,058	70.7
	Jumlah	2,453,985	1,776,078	677,907	72.4
Majlis Daerah Ranau (MDR)	2011	160,600	164,392	3,792	102.4
	2012	145,620	153,730	8,110	105.6
	2013	140,570	152,513	11,943	108.4
	Jumlah	446,790	470,635	23,845	105.3
Majlis Daerah Putatan (MDPtn)	2011	180,230	229,381	49,151	127.3
	2012	179,730	258,893	79,163	144.1
	2013	191,730	209,871	18,141	109.5
	Jumlah	551,690	698,145	146,455	126.6

Sumber: Majlis Daerah Papar, Majlis Daerah Ranau dan Majlis Daerah Putatan

3.4.4.2. Prestasi kutipan hasil lesen bagi MDP, MDR dan MDPtn tersebut boleh dipertingkatkan lagi melalui keberkesanan penguatkuasaan terhadap peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan tanpa lesen atau lesen tamat tempoh dan pematuhan syarat lesen. Mengikut rekod MDP dan MDR, jumlah hasil yang tidak dapat dikutip kerana peniaga tidak memperbaharui lesen perniagaan dari tahun 2011 hingga 2013 meningkat setiap tahun seperti di **Jadual 3.13**. Manakala bagi MDPtn perbandingan potensi hasil yang tidak dapat dikutip tidak dapat dibuat kerana rekod peniaga yang tidak memperbaharui lesen bagi tahun 2011 dan 2012 tidak disediakan.

Jadual 3.13**Potensi Hasil Tidak Dapat Dikutip Bagi Tahun 2011 Hingga 2013 Bagi MDP Dan MDR**

Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun	Bayaran Lesen (RM)
Majlis Daerah Papar (MDP)	2011	683,635
	2012	706,854
	2013	727,893
Majlis Daerah Ranau (MDR)	2011	39,820
	2012	39,408
	2013	68,020

Sumber: Majlis Daerah Papar dan Majlis Daerah Ranau

3.4.4.3. Berdasarkan maklum balas bertarikh 2 Jun 2014, menyatakan bahawa MDP akan berusaha meningkatkan kutipan hasil lesen. Selain itu, Bahagian Pelesenan, Penguatkuasa dan Kesihatan diarahkan menjalankan pemeriksaan fizikal untuk menentukan status sebenar peniaga. Maklum balas MDR bertarikh 22 Mei 2014 pula menyatakan bahawa akan mengambil tindakan penambahbaikan seperti yang disyorkan Audit. Maklumbalas MDPtn bertarikh 14 Julai 2014 menyatakan pihak Pengurusan Majlis akan mengkaji semula kesesuaian anggaran hasil kutipan lesen-lesen tersebut. Pihak Pelesenan dan Penguatkuasa Majlis akan bersama-sama berusaha dalam meningkatkan lagi kutipan hasil lesen.

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan hasil lesen MDP dan MDPtn berbanding anggaran adalah baik. Manakala, prestasi kutipan hasil lesen MDR pula adalah kurang memuaskan kerana anggaran dan kutipan sebenar hasil lesen menunjukkan penurunan setiap tahun. Bagaimanapun, Majlis perlu mengambil inisiatif untuk meningkatkan kutipan hasil lesen tersebut melalui aktiviti penguatkuasaan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi pengurusan pelesenan, Majlis Daerah Papar (MDP), Majlis Daerah Ranau (MDR) dan Majlis Daerah Putatan (MDPtn) disyorkan mengambil tindakan berikut:

3.5.1. Meningkatkan kecekapan pemprosesan permohonan Lesen Operasi bagi mencapai piagam pelanggan yang ditetapkan dan menyediakan daftar permohonan lesen yang lengkap untuk tujuan pemantauan. Selain itu, Jawatankuasa Pelesenan perlu diaktifkan bagi membincang serta menyelesaikan sebarang masalah berkaitan pelesenan dan aktiviti perniagaan.

3.5.2. Mengambil tindakan supaya kadar bayaran Lesen Operasi yang dikenakan adalah selaras dengan Undang-undang Kecil MDPtn.

3.5.3. Meningkatkan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan dengan menyediakan senarai semak aktiviti penguatkuasaan sebagai panduan anggota penguatkuasa. Selain itu, kekerapan bilangan pemeriksaan terhadap premis perniagaan perlu ditambah bagi membanteras premis yang beroperasi tanpa lesen atau lesen tamat tempoh dan ketidakpatuhan peniaga terhadap undang-undang, peraturan dan syarat lesen yang ditetapkan.

3.5.4. Menyediakan daftar bagi merekod barang-barang yang disita/dirampas.

JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN DAN PERUSAHAAN TERNAK

4. PENGURUSAN PROJEK LEMBU TENUSU

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak (JPHPT) bertanggungjawab untuk menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan industri haiwan di Negeri Sabah. Dasar Pertanian Negeri Sabah Kedua menetapkan komoditi susu dijadikan salah satu komoditi tumpuan di bawah subsektor ternakan. Projek Lembu Tenusu (PLT) telah dimulakan di Negeri Sabah secara percubaan pada tahun 1980 di Stesen Pembiakan Sebrang, Keningau dan Stesen Pembiakan Ternakan, Tawau. Pada tahun 1982, projek ini diperkenalkan kepada penduduk luar bandar supaya memiliki sumber pendapatan tetap dalam bidang makanan berasaskan ternakan. Sehingga tahun 2013, seramai 114 penternak dari 13 daerah telah menyertai PLT dengan bilangan ternakan sebanyak 10,420 ekor.

4.1.2. Objektif PLT adalah seperti berikut:

- Mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar dengan mengambil lebih ramai peserta menyertai PLT dan meningkatkan pendapatan penternak dengan mengusahakan sistem perladangan secara moden, komersial, berdaya maju dan mampan.
- Meningkatkan pengeluaran susu segar untuk keperluan dalam negeri dan juga memacu pihak swasta mendirikan kilang pemprosesan susu tepung serta meningkatkan pengeluaran baka lembu tenusu (SSF) untuk dibekalkan dalam negeri dan dieksport ke Semenanjung Malaysia.
- Meningkatkan sumbangan projek ini kepada pengeluaran daging segar tempatan ke tahap 40% menjelang tahun 2012.
- Mengurangkan import hasilan susu.
- Menurunkan jumlah liabiliti yang ditanggung Kerajaan Negeri Sabah untuk membayar subsidi susu kepada penternak.

4.1.3. Pemohon yang ingin menjadi penternak hendaklah mematuhi syarat seperti warga negara Malaysia, bukan kakitangan Kerajaan atau swasta, menjadi penternak sepenuh masa, mempunyai tanah bergeran dan jarak ladang tidak lebih 20 kilometer dari Pusat Pengumpulan Susu (PPS). Pemohon yang berjaya akan diberi bantuan lembu induk dan menghantar susu segar dihasilkan ke 13 PPS. JPHPT akan membayar RM2.50 seliter iaitu

harga susu RM1.00 dan subsidi RM1.50 kepada penternak. Kerajaan Negeri Sabah melalui JPHPT telah memeterai perjanjian dengan Sabah International Diaries Sdn. Bhd. (SID) iaitu sebuah syarikat Kerajaan Negeri Sabah untuk membeli susu segar yang dihasilkan. JPHPT sebagai penjual akan menghantar susu segar penternak ke kilang SID di Kota Kinabalu. SID sebagai pembeli akan membayar kepada JPHPT RM1.00 seliter bagi susu segar yang mematuhi spesifikasi dan kualiti ditetapkan.

4.1.4. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, JPHPT telah membelanjakan sejumlah RM81.97 juta daripada RM87.60 juta yang diterima daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Peruntukan Kerajaan Negeri adalah bagi pembelian susu segar, pengurusan Pusat Pengumpulan Susu (PPS) dan pengeluaran baka anak lembu manakala peruntukan Kerajaan Persekutuan sebagai tambahan kepada pengurusan PPS.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Projek Lembu Tenusu oleh JPHPT telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai objektifnya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan Projek Lembu Tenusu yang diselia oleh Unit Pembangunan Industri Susu Dan Rusa JPHPT bagi tempoh 2011 hingga 2013. Pengauditan telah dilaksanakan di Ibu Pejabat JPHPT dan lawatan Audit telah dilakukan ke daerah Tawau, Keningau, Kudat dan Beaufort. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, kertas kerja dan dokumen yang berkaitan di Ibu Pejabat dan di daerah yang berkaitan. Lawatan ke Pusat Pengumpulan Susu (PPS) dan ladang penternak juga telah dilakukan. Selain itu, analisis maklumat yang diperolehi melalui soal selidik terhadap penternak dan temu bual dengan pegawai yang terlibat dengan Pengurusan Projek Lembu Tenusu turut dilakukan.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mei 2014 mendapati Pengurusan Projek Lembu Tenusu telah dilaksanakan dengan baik dari segi kelahiran anak lembu tenusu, pendapatan bulanan penternak dan pematuhan terhadap syarat pemilihan peserta. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Sasaran dan pengeluaran susu menunjukkan trend penurunan dari setahun ke setahun
- Peserta tidak membayar induk lembu dengan anak lembu kepada JPHPT.
- Kerosakan susu melebihi piawaian.

- PPS tidak mematuhi *Good Manufacturing Practice* (GMP) mengikut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- PPS beroperasi di bawah kapasiti.
- Subsidi dibayar kepada penternak yang telah melebihi pendapatan bulanan garis kemiskinan.
- Tunggakan pembayaran susu segar.

4.4.1. Prestasi Projek Lembu Tenusu

JPHPT mengukur pencapaian PLT dengan menetapkan Petunjuk Utama Prestasi seperti peningkatan susu yang dihasilkan, peningkatan jumlah kelahiran anak lembu, peningkatan jumlah pendapatan penternak tenusu dan penurunan jumlah susu yang ditolak.

4.4.1.1. Pengeluaran Susu

- JPHPT menetapkan sasaran pengeluaran susu sebanyak 10,500,000 liter, 11,500,000 liter dan 13,500,000 liter setahun bagi tahun 2011, 2012 dan 2013. Bagaimanapun, JPHPT tidak berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan kerana masalah bekalan elektrik tidak stabil, kerosakan *chiller* dan generator dan susu membeku di dalam *chiller*. Pencapaian bagi tiga tahun tersebut ialah 25,828,321 liter iaitu 72.8% daripada 35,500,000 liter yang disasarkan. Selain itu, diperhatikan trend pencapaian adalah semakin menurun bagi tiga tahun tersebut iaitu daripada 82.9% kepada 62.8% daripada jumlah yang disasarkan.
- Pengeluaran susu bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Pengeluaran Susu Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Pengeluaran Susu (Liter)		Peratus Pencapaian (%)
	Sasaran	Pencapaian	
2011	10,500,000	8,701,780	82.9
2012	11,500,000	8,645,948	75.2
2013	13,500,000	8,480,593	62.8
Jumlah	35,500,000	25,828,321	72.8

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

- Berdasarkan maklum balas pada 12 Jun 2014, pengeluaran susu tidak mencapai sasaran disebabkan oleh kekurangan lembu pejantan yang baik, kekurangan kakitangan mahir dalam kaedah pembiakan Peranian Beradas/*Artificial Insemination* dan *Pregnancy Diagnosis*, kekurangan peruntukan untuk melakukan “*heat synchronization*” terhadap induk yang perlu dibuntingkan dan juga penternak mengurangkan penggunaan makanan *dairy supplement* untuk pengeluaran susu.**

Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran susu adalah memuaskan kerana pencapaian keseluruhan hampir 73% daripada sasaran ditetapkan. Bagaimanapun, diperhatikan sasaran dan pencapaian menunjukkan trend penurunan dari setahun ke setahun.

4.4.1.2. Kelahiran Anak Lembu Tenusu

- a. JPHPT telah mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2011 dengan kelahiran anak lembu tenusu sebanyak 3,721 ekor berbanding 3,500 ekor yang disasarkan. Bagaimanapun, sasaran bagi tahun 2012 dan 2013 tidak tercapai dan trend pencapaiannya menurun apabila bilangan anak lembu dilahirkan ialah 3,928 ekor dan 4,203 ekor berbanding sasaran iaitu 4,500 ekor dan 5,000 ekor.
- b. Kelahiran anak lembu tenusu bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Kelahiran Anak Lembu Tenusu Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Kelahiran Anak Lembu Tenusu (Ekor)		Peratus Pencapaian (%)
	Sasaran	Pencapaian	
2011	3,500	3,721	106.3
2012	4,500	3,928	87.3
2013	5,000	4,203	84.1
Jumlah	13,000	11,852	91.2

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

Pada pendapat Audit, prestasi kelahiran anak lembu tenusu adalah baik kerana mencapai 91.2% daripada sasaran ditetapkan bagi tahun 2011 hingga 2013.

4.4.1.3. Pendapatan Bulanan Penternak

- a. JPHPT menetapkan sasaran pendapatan bulanan penternak ialah RM2,380, RM3,400 dan RM4,000 bagi tahun 2011, 2012 dan 2013. Pencapaian pendapatan bulanan penternak bagi 2011 dan 2012 telah melebihi sasaran ditetapkan iaitu RM2,420 dan RM3,506. Bagaimanapun, bagi tahun 2013 pencapaian ialah RM3,758 dan tidak mencapai sasaran ditetapkan.
- b. Pendapatan bulanan penternak bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Pendapatan Bulanan Penternak Bagi
Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Pendapatan Bulanan (RM)		Peratus Pencapaian (%)
	Sasaran	Pencapaian	
2011	2,380	2,420	101.7
2012	3,400	3,506	103.1
2013	4,000	3,758	93.9

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

Pada pendapat Audit, prestasi pendapatan bulanan penternak adalah baik kerana mencapai sasaran yang ditetapkan kecuali pada tahun 2013.

4.4.2. Peserta Tidak Membayar Lembu Induk Dengan Anak Lembu Kepada JPHPT

4.4.2.1. Bantuan lembu induk yang diberi kepada penternak hendaklah dibayar kembali dengan 2 ekor anak lembu yang sihat, berumur antara 2 hingga 4 minggu dan sudah bercerai susu dalam tempoh 60 bulan bagi setiap seekor yang diberi. Lembu induk diberi berdasarkan keluasan padang ragut dan kandang bagi penternak baru. Manakala bagi penternak yang lama, bantuan diberikan berdasarkan keluasan padang ragut dan kandang, rekod bayaran balik, kerjasama dengan JPHPT dan bilangan lembu heifer yang dipelihara.

4.4.2.2. Semakan Audit mendapati pembayaran balik anak lembu di 2 daerah iaitu Keningau dan Beaufort telah dilakukan dengan teratur dan kemaskini. Bagaimanapun, 6 orang penternak di 2 daerah iaitu Tawau dan Kudat telah berhenti sejak tahun 2012 dan tidak membayar sebanyak 202 daripada 306 ekor anak lembu seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Penternak Berhenti Dan Bilangan Anak Lembu Belum Dibayar

Bil.	Daerah	Nama Penternak	Tahun Berhenti	Bilangan Bantuan Lembu Induk (Ekor)	Bilangan Anak Lembu Sepatutnya Dibayar (Ekor)	Bilangan Anak Lembu Telah Dibayar (Ekor)	Bilangan Anak Lembu Belum Dibayar (Ekor)
1.	Tawau	1.Chiew Tze Chin	2013	11	22	0	22
		2.Siminggo Kari	TM	19	38	0	38
		3.Noor Zuriani	2013	19	38	19	19
		4.Mohd Bin Ali	2013	20	40	0	40
2.	Kudat	1.Vun Chi Onn	TM	42	84	47	37
		2.Syarikat Sri Bella Farm	2012	42	84	38	46
Jumlah		6		153	306	104	202

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

Nota: TM – Tiada Maklumat

4.4.2.3. Ini disebabkan syarat bayaran balik bantuan sekiranya penternak berhenti tidak ditetapkan di dalam perjanjian. Semakan Audit mendapati JPHPT telah memberikan peringatan secara bertulis kepada penternak tetapi tidak mendapat maklum balas. Ini

menyebabkan Kerajaan kerugian 202 ekor anak lembu yang sepatutnya dibayar balik oleh penternak.

4.4.2.4. Berdasarkan maklum balas pada 12 Jun 2014, JPHPT akan mengkaji semula dokumen perjanjian PLT untuk menangani isu tersebut. Buat masa ini, JPHPT akan memastikan penternak membayar kesemua hutangnya sebelum berhenti.

Pada pendapat Audit, pembayaran balik anak lembu oleh penternak di Keningau dan Beaufort adalah memuaskan. Bagaimanapun, pembayaran balik anak lembu oleh penternak di Tawau dan Kudat adalah tidak memuaskan kerana 6 penternak tidak membayar balik 202 ekor daripada 306 ekor anak lembu yang sepatutnya dibayar.

4.4.3. Pusat Pengumpulan Susu

Pusat Pengumpulan Susu (PPS) berfungsi untuk menerima susu yang dihantar oleh penternak. Sehingga tahun 2013, sebanyak 13 PPS di seluruh Negeri Sabah menerima 25,828,321 liter susu daripada 114 penternak. PPS yang beroperasi perlu mematuhi *Good Manufacturing Practice* (GMP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengawal kualiti susu. JPHPT telah menandatangani perjanjian untuk memesan susu segar daripada penternak di bawah Persatuan Penternak Tenusu Sabah (PPTS) di setiap daerah. JPHPT juga menandatangani perjanjian menjual susu segar daripada penternak kepada SID. Susu yang diterima perlu menjalani ujian *Platform* dan *Methylene Blue Reduction Test* (MBRT) bagi memastikan susu telah mematuhi spesifikasi dan kualiti ditetapkan, disimpan di *chiller* dan dihantar menggunakan lori JPHPT ke kilang Sabah International Dairies Sdn. Bhd. (SID) di Kota Kinabalu.

4.4.3.1. Ujian Kualiti Susu Dilakukan Selepas Diterima Daripada Penternak

- a. Perkara 1.3 Kontrak Membekal Dan Hantar Serah Susu Segar menyatakan susu yang dihantar hendaklah mengikut spesifikasi dan kualiti ditetapkan. Carta Aliran Penerimaan Susu Dan Penghantaran Susu Ke Kilang menetapkan ujian kualiti susu dilakukan semasa diterima. Ujian kualiti susu yang dijalankan oleh JPHPT ialah ujian kimia, fizikal dan mikrobiologi di PPS berkenaan.
- b. Lawatan Audit ke PPS Tawau pada 3 hingga 7 Mac 2014, PPS Keningau pada 17 hingga 21 Mac 2014, PPS Kudat pada 2 hingga 4 April 2014 dan PPS Beaufort pada 7 hingga 11 April 2014 mendapati PPS telah melakukan 9 daripada 13 ujian terhadap susu yang diterima daripada penternak. Manakala 4 lagi ujian iaitu rasidu antibiotik, hitungan kuman, coliform dan MBRT dilakukan dengan menghantar sampel ke Makmal Kesihatan Awam Veterinar (MKAV) di Kepayan, Kota Kinabalu seperti di **Jadual 4.5.**

Jadual 4.5
Jenis Ujian Kualiti Susu Yang Dilakukan Di PPS

Bil	Jenis Ujian	Daerah			
		Tawau	Keningau	Kudat	Beaufort
1.	<3.5% lemak susu (milk fat)	√	√	√	√
2.	8.5% bahan tanpa lemak (snf)	√	√	√	√
3.	Tiada warna, bau dan rasa tidak normal	√	√	√	√
4.	Tiada air campuran, <i>additive</i> makanan, pemalsuan dan serpihan kotor	√	√	√	√
5.	Rasidu antibiotik	X	X	X	X
6.	Disimpan dengan baik oleh pembekal	√	√	√	√
7.	Lulus ujian alkohol 75%	√	√	√	√
8.	Nilai ketumpatan bandingan (sg) 1.028-1.032 pada 20 c	√	√	√	√
9.	Keasaman 1.4-1.8	√	√	√	√
10.	<i>Ecomilk</i>	√	√	√	√
11.	Hitungan kuman (tpc) maksima 1,000,000 cfu/ml	X	X	X	X
12.	Coliform maksima 1,000 cfu/ml	X	X	X	X
13.	MBRT minima 4 jam	X	X	X	X

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

Nota: √ - Ujian Dilakukan Sebelum Susu Diterima

X – Ujian Dihantar Ke Makmal Di Kepyau, Kota Kinabalu

- c. Semakan selanjutnya mendapati, keputusan sampel mengambil masa lebih sebulan untuk diperolehi oleh PPS. Ini menunjukkan ujian tidak dilaksanakan sepenuhnya sebelum susu dimasukkan ke *chiller*. Keadaan ini disebabkan PPS berkenaan tidak mempunyai peralatan secukupnya untuk melaksanakan 4 ujian tersebut.
- d. **Berdasarkan maklum balas pada 12 Jun 2014, ujian kualiti susu (1), (2), (3), (4), (6), (7), (8), (9), dan (10) sudah memadai untuk menentukan susu yang dihantar oleh penternak ke PPS boleh diterima atau tidak. Ujian (5), (11), (12) dan (13) tidak dapat dilakukan di peringkat PPS kerana ia adalah ujian kuantitatif bersifat sekunder dan dilakukan bagi tujuan pemantauan. Ujian kualiti (5) iaitu ujian rasidu antibiotik memerlukan peralatan khas yang belum ada di PPS. Ujian kualiti (11), (12) dan (13) memerlukan masa sehingga 4 jam untuk dilaksanakan di PPS. Dalam tempoh 4 jam, susu akan mengalami kerosakan akibat kepanasan suhu. JPHPT akan cuba melakukan ujian antibiotik di peringkat PPS dengan menggunakan peralatan BT Combo Bio Strip tertakluk kepada peruntukan.**

Pada pendapat Audit ujian kualiti susu adalah memuaskan kerana 9 daripada 13 ujian telah dilakukan sebelum susu disimpan di *chiller* di PPS.

4.4.3.2. Kerosakan Susu Melebihi Piawaian

- a. JPHPT menetapkan susu yang diterima daripada penternak hendaklah bebas dari kerosakan sebelum disimpan di *chiller*. Piawaian antarabangsa menetapkan kadar kerosakan susu yang boleh diterima ialah sebanyak 1%. PPS perlu menjalankan ujian untuk memastikan susu yang diterima bebas daripada kerosakan. Susu segar

yang telah lulus ujian akan dimasukkan ke *chiller* sebelum dihantar ke SID. SID akan melakukan ujian dan susu yang rosak akan ditolak.

- b. Bagi tahun 2011 hingga 2013, sebanyak 13 PPS telah menerima 25,828,321 liter susu bernilai RM64.6 juta daripada penternak. Pada tahun 2011 sebanyak 146,433 liter daripada 8,701,780 liter atau 1.68% telah ditolak SID. Bagaimanapun pada tahun 2012 jumlah ini telah menurun sebanyak 134,256 liter atau 1.55% daripada 8,645,948 liter yang diterima. Jumlah susu ditolak SID meningkat pada tahun 2013 kepada 284,486 atau 3.35% daripada 8,480,593 liter. Bagi tahun 2011 hingga 2013, sebanyak 565,175 liter atau 2.19% susu bernilai RM1.4 juta telah ditolak SID seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Susu Diterima Oleh PPS Dan Ditolak SID

Bil	Tahun	Jumlah Susu Diterima Selepas Diuji (Liter)	Jumlah Pembayaran (RM2.50 seliter)	Jumlah Susu Ditolak SID (Liter)	Jumlah Pembayaran Susu Ditolak SID (RM2.50 seliter)	Peratus Susu Ditolak (%)
1.	2011	8,701,780	21,754,450	146,433	366,083	1.68
2.	2012	8,645,948	21,614,870	134,256	335,640	1.55
3.	2013	8,480,593	21,201,483	284,486	711,215	3.35
Jumlah		25,828,321	64,570,804	565,175	1,412,941	2.19

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi tahun 2011 hingga 2013 sebanyak 18,181,329 liter susu diterima selepas diuji di 4 daerah iaitu PPS Tawau, Keningau, Kudat dan Beaufort. Beaufort menunjukkan peratus kerosakan susu tertinggi iaitu 11.16% manakala Tawau 0.81%. Jumlah kerosakan susu yang diterima oleh PPS dan ditolak SID bagi tahun 2011 hingga 2013 di PPS yang dilawati adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Jumlah Kerosakan Susu Yang Diterima Oleh PPS Dan Ditolak SID Di 4 Daerah

Bil	Daerah	Jumlah Susu Diterima Selepas Diuji PPS (Liter)	Jumlah Susu Ditolak SID (Liter)	Peratus Susu Ditolak (%)
1.	Tawau	1,164,130	9,465	0.81
2.	Keningau	15,129,002	221,054	1.46
3.	Kudat	1,327,862	70,854	5.34
4.	Beaufort	560,335	62,555	11.16
Jumlah		18,181,329	363,928	2.00

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

- d. Berdasarkan laporan dan temu bual dengan pegawai berkaitan, susu rosak disebabkan susu segar daripada penternak tidak melalui semua ujian di PPS, bekalan elektrik tidak stabil, kerosakan set generator, *chiller* dan susu beku di dalam *chiller*.

- e. Berdasarkan maklum balas pada 12 Jun 2014, kerosakan susu berpunca daripada bekalan elektrik yang tidak stabil, kerosakan chiller dan lori. JPHPT akan mengambil langkah-langkah seperti menyenggara *chiller tank* secara teratur sesuai dengan kehendak *Good Manufacturing Practices (GMP)*, mewujudkan 2 unit sistem pencucian tangki susu lori pengangkut iaitu *Clean In Place (CIP)* bagi mencuci lori *Milk Transport Tank*, menyenggara *standby generator* di PPS, melaksanakan kerja operasi harian di PPS mengikut garis panduan *Standard Operation Procedures (SOP) GMP* dan menggantikan *standby generator* yang berstatus "*Beyond Economic Repair*". JPHPT telah membentuk *Technical Working Group (TWG)* yang terdiri daripada 12 orang pegawai dan kakitangan PPS untuk mengatasi masalah kerosakan susu di peringkat penternak mahupun PPS dan kaedah untuk meningkatkan kualiti susu.

Pada pendapat Audit, peningkatan kerosakan susu adalah ketara dan Kerajaan mengalami kerugian kerana membayar subsidi atas susu yang rosak dan ditolak oleh kilang.

4.4.3.3. PPS Tidak Mematuhi *Good Manufacturing Practice (GMP)* Mengikut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

- a. PPS dikategorikan sebagai bangunan atau kilang yang digunakan untuk penyediaan, pengawetan, pembungkusan, penyimpanan, pengedaran dan penjualan makanan, atau pelabelan semula, pemprosesan semula, pembungkusan semula atau pembentukan semula (*reconditioning*) makanan. Oleh itu, PPS perlu berada dalam keadaan yang sesuai untuk mengawal kualiti susu. JPHPT menggunakan *Good Manufacturing Practice (GMP)* yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai satu ukuran untuk melengkapkan PPS agar sesuai bagi mengawal kualiti susu diterima daripada penternak. JPHPT mensasarkan 6 daripada 13 PPS mendapat persijilan GMP menjelang 2013. Sehingga tahun 2013, hanya 2 PPS iaitu di Keningau dan Tenom telah mendapat persijilan GMP.
- b. Berdasarkan senarai semak verifikasi oleh Unit Keselamatan Dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, KKM, PPS perlu mematuhi 8 elemen GMP iaitu penubuhan (bangunan dan kemudahan-kemudahan), kawalan pengoperasian (amalan dan prosedur), penyenggaraan dan sanitasi, pekerja, pengangkutan dan pengedaran, pengesanan, pemeriksaan dalaman dan latihan bagi diiktiraf sebagai mematuhi GMP.
- c. Lawatan Audit telah dilakukan ke 6 PPS iaitu di PPS Tawau pada 3 hingga 7 Mac 2014, PPS Keningau dan Tenom pada 17 hingga 21 Mac 2014, PPS Kudat dan Kota Belud pada 2 hingga 4 April 2014 dan PPS Beaufort pada 7 hingga 11 April 2014. Pemeriksaan Audit mendapati kesemua PPS mematuhi 6 daripada 8 elemen GMP kecuali 2 elemen iaitu Penubuhan (bangunan dan kemudahan) dan Penyenggaraan

Dan Sanitasi. Keadaan PPS yang dilawati adalah seperti di **Jadual 4.8** dan **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.11**.

Jadual 4.8

Pematuhan PPS Terhadap GMP

Bil	Elemen GMP	Tawau	Keningau	Tenom	Kudat	Kota Belud	Beaufort
1.	Penubuhan (Bangunan dan Kemudahan)	- Air bertakung - Stor sempit seperti di Gambar 4.1 - Dinding kotor seperti di Gambar 4.2 - Sisa susu bertakung seperti di Gambar 4.3 - Tingkap berhabuk seperti di Gambar 4.4	Air bertakung	√	√	√	Air bertakung seperti di Gambar 4.10
2.	Kawalan Pengoperasian (Amalan Dan Prosedur)	√	√	√	√	√	√
3.	Penyenggaraan Dan Sanitasi	Bangunan dan pagar usang tidak disenggara seperti di Gambar 4.5	Air tidak mengalir ke longkang	- Air tidak mengalir ke longkang seperti di Gambar 4.6 <i>Receiving Area</i> berlumut seperti di Gambar 4.7	Lantai jubin pecah	- Jubin lantai pecah seperti di Gambar 4.8 - Siling usang seperti di Gambar 4.9	Tiada saliran air seperti di Gambar 4.11
4.	Pekerja	√	√	√	√	√	√
5.	Pengangkutan Dan Pengedaran	√	√	√	√	√	√
6.	Pengesanan	√	√	√	√	√	√
7.	Pemeriksaan Dalaman	√	√	√	√	√	√
8.	Latihan	√	√	√	√	√	√

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: √ - Mematuhi Syarat GMP

**Gambar 4.1
Stor Sempit**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: PPS Tawau
Tarikh: 4 Mac 2014

**Gambar 4.2
Dinding Kotor**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: PPS Tawau
Tarikh: 4 Mac 2014

**Gambar 4.3
Susu Bertakung**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: PPS Tawau
Tarikh: 4 Mac 2014

**Gambar 4.4
Tingkap Berhabuk**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: PPS Tawau
Tarikh: 4 Mac 2014

**Gambar 4.5
Bangunan Usang**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: PPS Tawau
Tarikh: 4 Mac 2014

**Gambar 4.6
Saluran Air Tidak Disambung Ke
Longkang**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: PPS Tenom
Tarikh: 19 Mac 2013

Gambar 4.7
Receiving Area Berlumut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: PPS Tenom
Tarikh: 19 Mac 2013

Gambar 4.8
Jubin Lantai Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: PPS Kota Belud
Tarikh: 4 April 2014

Gambar 4.9
Siling Usang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: PPS Kota Belud
Tarikh: 4 April 2014

Gambar 4.10
Air Bertakung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: PPS Beaufort
Tarikh: 8 April 2014



Gambar 4.11
Tiada Longkang

Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: PPS Beaufort
Tarikh: 8 April 2014

- d. Berdasarkan maklum balas pada 12 Jun 2014, proses pensijilan GMP bagi PPS memakan masa yang lama akibat daripada masalah seperti kakitangan tidak mencukupi untuk melakukan tugas-tugas dokumentasi dan urus tadbir fail serta kerja-kerja pembersihan di PPS. Selain itu, kos untuk mengubah suai bangunan PPS berdasarkan GMP agak tinggi dan peruntukan tidak mencukupi.

Pada pendapat Audit, pematuhan PPS terhadap kriteria GMP sebagai penanda aras adalah kurang memuaskan dengan hanya 2 daripada 13 PPS mendapat taraf GMP.

4.4.3.4. PPS Beroperasi Di Bawah Kapasiti

- a. Keupayaan PPS untuk mengendalikan susu diukur berdasarkan kapasiti *chiller* dimiliki. Sebanyak 13 PPS di Sabah mempunyai *chiller* dengan kapasiti penyimpanan susu antara 1,600 hingga 27,000 liter sehari. Pemeriksaan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2011 dan 2012, 2 daripada 13 PPS iaitu di Keningau dan Kudat telah beroperasi antara 6% hingga 29% sehari melebihi kapasitinya manakala 11 PPS beroperasi antara 2% hingga 62% sehari di bawah kapasitinya. Bagaimanapun pada tahun 2013, kesemua 13 PPS beroperasi diantara 3% hingga 81% sehari di bawah kapasitinya. Kapasiti dan pengeluaran susu PPS bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9

Kapasiti dan Pengeluaran Susu di PPS Bagi Tempoh Tahun 2011 hingga 2013

Bil.	Daerah	Bilangan Penternak	Kapasiti	Pengeluaran Susu Sehari (Liter)			Peratus (%)		
				2011	2012	2013	2011	2012	2013
1.	Tawau	10	2,600	1,600	1,600	880	62	62	34
2.	Keningau	28	17,000	20,000	22,000	13,788	118	129	81
3.	Tenom	14	27,000	3,000	3,500	2,768	11	13	10
4.	Kota Marudu	7	7,600	1,800	1,800	1,497	24	24	20
5.	Tuaran	15	6,400	600	600	432	9	9	7
6.	Kota Belud	5	3,200	300	300	740	9	9	23
7.	Beaufort	9	9,200	500	500	472	5	5	5
8.	Membakut	4	3,200	290	290	292	9	9	9
9.	Ranau	5	3,200	300	300	166	9	9	5
10.	Penampang	3	7,600	120	120	35	2	2	5
11.	Menumbok	3	10,000	150	150	272	2	2	3
12.	Papar	6	11,000	700	700	730	6	6	7
13.	Kudat	5	1,600	1,700	1,700	1,016	106	106	64

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

- b. Keadaan ini berlaku disebabkan lembu penternak kurang menghasilkan susu. Ini menyebabkan PPS digunakan di bawah kapasiti sebenar.
- c. **Berdasarkan maklum balas pada 12 Jun 2014, kapasiti sebenar harus dikira berdasarkan jumlah penerimaan susu selama 3 hari kerana PPS tidak menghantar susu ke kilang pada setiap hari. Beberapa PPS beroperasi di bawah kapasiti kerana ada penternak yang telah berhenti. Sebagai contoh, jumlah susu diterima di PPS Tuaran berkurang kerana sebuah ladang komersial di daerah tersebut telah berhenti beroperasi.**

Pada pendapat Audit, penggunaan PPS adalah kurang memuaskan kerana 11 PPS beroperasi di bawah kapasiti sebenar pada tahun 2011 dan 2012 manakala kesemua 13 PPS tidak mencapai kapasiti yang ditetapkan pada tahun 2013.

4.4.4. Pembayaran Subsidi Dan Penjualan Susu

4.4.4.1. Subsidi Dibayar Kepada Penternak Yang Telah Melebihi Pendapatan Bulanan Garis Kemiskinan

- a. Kerajaan Negeri Sabah melalui JPHPT sebagai pembeli memeterai kontrak dengan Persatuan Penternak Tenusu Sabah (PPTS) sebagai pembekal untuk membeli susu segar dengan harga RM2.50 seliter dan tidak melebihi RM11,350,000 setahun. JPHPT akan membeli susu dengan harga RM2.50 iaitu harga pembelian RM1.00 dan subsidi RM1.50 seliter. Subsidi diberikan bertujuan membantu penternak mendapat pembayaran susu segar berdasarkan harga pasaran dan meringankan beban penternak serta mengeluarkan penternak dari paras kemiskinan.
- b. Berdasarkan maklumat Jabatan Perangkaan Malaysia, melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIS/BA) 2012, Pendapatan Garis Kemiskinan ditetapkan pada RM1,090 bagi Negeri Sabah.
- c. JPHPT telah mengambil kira pembayaran harga dan subsidi susu yang diterima oleh penternak sebagai pendapatan. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, Kerajaan telah membayar harga dan subsidi susu berjumlah RM64.57 juta kepada 114 orang penternak. Semakan Audit terhadap sampel baucar pembayaran harga dan subsidi susu bagi 20 penternak mendapati pendapatan bulanan adalah antara RM1,495 hingga RM769,596 bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.10

Purata Pendapatan Bulanan Penternak Berbanding Pendapatan Paras Kemiskinan

Bil.	Daerah	Nama Penternak	Purata Pendapatan Kasar Bulanan (RM)			Pendapatan Bulanan Garis Kemiskinan (RM sebulan)
			2011	2012	2013	
1.	Keningau	Yap Yun Fook	769,596	710,746	470,359	1,090
2.	Keningau	Peter Liew	39,325	34,188	37,847	1,090
3.	Keningau	Yee Chi Chou	34,533	38,775	41,118	1,090
4.	Keningau	Zaitun Abi Dairy Farm	24,669	27,145	33,108	1,090
5.	Beaufort	Kah Chee Hong	28,913	19,110	25,203	1,090
6.	Keningau	John Maluda	15,552	15,442	22,795	1,090
7.	Keningau	Mohd Zaki	10,819	18,939	19,015	1,090
8.	Kota Belud	Hj. Junaideh @ Zunaidi Mansur	18,373	18,658	17,187	1,090
9.	Keningau	Chew Su Kong	14,795	13,614	14,191	1,090
10.	Keningau	Jacob Bin Henry	15,969	16,615	19,441	1,090
11.	Keningau	Marie Theresa Chuan	11,186	7,751	21,082	1,090
12.	Keningau	Salumee Salimpah	13,634	13,703	11,615	1,090
13.	Kota Belud	Norsebdie Rejin	1,811	12,059	37,141	1,090
14.	Keningau	Yap Kui Lin	7,697	13,085	13,016	1,090
15.	Keningau	Liew En Foh	11,079	10,238	12,000	1,090
16.	Keningau	Suhaimi Senin	7,225	9,837	11,280	1,090
17.	Keningau	Aylwin Petrus Aping	3,925	11,681	17,914	1,090
18.	Kota Belud	Mohd Arfan Kadri	3,201	11,466	11,376	1,090
19.	Beaufort	Dihoi @ Damien Agang	11,492	9,582	4,768	1,090
20.	Keningau	Vijay Govindan D. Eswar	1,495	9,357	10,803	1,090

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

- d. Keadaan ini disebabkan JPHPT tidak melakukan semakan semula pembayaran subsidi kepada penternak. Ini mengakibatkan pembayaran dilakukan kepada penternak yang telah melebihi pendapatan bulanan garis kemiskinan.
- e. **Berdasarkan maklum balas pada 12 Jun 2014, JPHPT bersetuju dengan pendapat dan pandangan pihak Audit. JPHPT telah merancang untuk *restructure* skim pemberian subsidi susu ini. Namun sebarang perubahan bentuk subsidi kepada penternak boleh menjejaskan pertumbuhan industri memandangkan pasaran susu segar masih bersifat monopoli dan belum mengikut harga di pasaran terbuka. Semakan semula pemberian subsidi akan dikemukakan untuk kajian semula apabila kilang pemprosesan susu di Kota Kinabalu dan Keningau beroperasi dan pasaran susu secara terbuka dapat diamalkan.**

Pada pendapat Audit, pengurusan pembayaran subsidi susu segar adalah tidak memuaskan kerana bayaran subsidi diberikan kepada penternak yang telah melebihi pendapatan paras kemiskinan.

4.4.4.2. Tunggakan Pembayaran Susu Segar

- a. Bagi menyediakan pasaran untuk susu segar, Kerajaan Negeri Sabah melalui JPHPT telah memeterai perjanjian dengan Sabah International Dairies Sdn. Bhd. (SID). Kerajaan Negeri Sabah sebagai Penjual akan menjual susu segar di bawah Projek Lembu Tenusu kepada SID sebagai Pembeli dengan harga RM1.00 seliter sepanjang perjanjian. Perkara 3.2 kontrak Membeli Susu Segar menyatakan SID hendaklah membuat pembayaran dalam masa 30 hari dari tarikh bil tuntutan diterima daripada JPHPT setiap bulan.
- b. Semakan Audit terhadap Penyata Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2013, SID masih mempunyai tunggakan bayaran sejumlah RM22.45 juta. SID telah membuat pembayaran sebanyak 3 kali pada tahun 2012 bagi tunggakan tahun 2009, 3 kali pembayaran bagi tunggakan tahun 2010 pada tahun 2013 dan sekali pada tahun 2014 bagi tunggakan tahun 2013 seperti di **Jadual 4.11** berikut.

Jadual 4.11**Kedudukan Hutang SID Kepada Kerajaan Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil	Tahun	Perkara	Amaun Tertunggak (RM)	Pembayaran (RM)	Tarikh	Tempoh Bekalan Yang Dibayar (Bulan)
1.	2011	Jualan Susu Segar	8,535,489	489,289	03.01.2012	April hingga Oktober 2009
				1,991,674	06.01.2012	
				1,071,553	01.02.2012	
2.	2012	Jualan Susu Segar	22,335,203	1,000,000	07.01.2013	Mei hingga September 2010
				1,000,000	18.01.2013	
				1,000,000	07.02.2013	
3.	2013	Jualan Susu Segar	22,429,594	1,650,260	03.01.2014	2013

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

- c. Semakan Audit mendapati JPHPT telah mengadakan 3 mesyuarat dengan SID bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 untuk menyelesaikan tunggakan tersebut namun tidak berhasil. Setakat ini tiada tindakan lanjut diambil oleh JPHPT bagi menyelesaikan isu tunggakan ini.
- d. **Berdasarkan maklum balas pada 12 Jun 2014, JPHPT menyedari SID gagal membayar kesemua hutang kepada Kerajaan. Beberapa mesyuarat telah diadakan dan surat peringatan telah dikeluarkan. JPHPT tidak mempunyai pilihan untuk memasarkan susu segar yang dihasilkan penternak kecuali kilang memproses susu alternatif diwujudkan di Negeri Sabah. JPHPT akan terus berusaha untuk mengutip semula hutang-hutang tersebut sehingga selesai pembayarannya dan mengkaji semula dokumen kontrak dengan SID agar tindakan dapat diambil sekiranya pihak SID gagal membuat pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan.**

Pada pendapat Audit, JPHPT perlu mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang untuk mengutip tunggakan daripada SID.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Projek Lembu Tenusu (PLT) dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan, adalah disyorkan Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak (JPHPT) mengambil langkah berikut:

4.5.1. Mengkaji semula syarat perjanjian PLT bagi menangani isu penternak yang berhenti sebelum membayar balik anak lembu kepada JPHPT. Selain itu, mengambil langkah untuk mengurangkan kerosakan susu segar di PPS serta memastikan PPS mematuhi kehendak GMP dan beroperasi mencapai kapasiti.

4.5.2. Mengkaji pembayaran subsidi agar diberikan hanya kepada golongan sasaran dan mengambil tindakan terhadap tunggakan pembayaran susu segar daripada Sabah International Diaries Sdn. Bhd. (SID) yang tidak mengikut tempoh ditetapkan.

KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI

5. BORNEO DEVELOPMENT CORPORATION (SABAH) SDN. BHD

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Borneo Development Corporation (BDC) pada asalnya ditubuhkan oleh Commonwealth Development Corporation milik Kerajaan British pada tahun 1958. Pada tahun 1962, Borneo Development Corporation distrukturkan semula untuk memasukkan 50 peratus pegangan saham bersama Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Saham Commonwealth Development Corporation telah dibeli semula pada tahun 1975 menjadikan Borneo Development Corporation sebuah syarikat milik bersama Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Dalam tahun 1992, Borneo Development Corporation dibahagikan kepada 2 entiti yang berbeza, iaitu Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn. Bhd. (BDC) dan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd. yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Pada 28 Jun 2010, Kerajaan Negeri Sabah telah meluluskan resolusi di mana BDC menjadi syarikat milik penuh K.K.I.P. Holdings Sdn. Bhd.. Bagaimanapun, pada 1 September 2013, BDC kembali menjadi milik penuh Kerajaan Negeri Sabah dengan saham dibenarkan berjumlah RM38 juta dan saham berbayar penuh berjumlah RM32.82 juta. BDC mempunyai 4 anak syarikat milikan penuh.

5.1.2. Objektif BDC adalah membantu pembangunan ekonomi negeri. Aktiviti utama yang dijalankan oleh BDC adalah berkaitan dengan pengurusan dan pembangunan hartanah serta operasi pembiayaan pinjaman. BDC telah mengalami krisis kewangan akibat dari kerugian operasi tahun-tahun sebelumnya dan telah melaksanakan penyusunan semula hutang berakhir pada tahun 2010.

5.1.3. Ahli Lembaga Pengarah BDC seramai 4 orang terdiri daripada seorang pengerusi daripada ahli politik dan 2 wakil kerajaan dan seorang ahli bebas. Pengurusan BDC pula terdiri daripada seorang Pengurus Besar dibantu oleh 17 kakitangan.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan BDC adalah baik atau sebaliknya dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti syarikat, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013. Kaedah pengauditan ialah dengan membuat semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2011 hingga 2013. Pengauditan pengurusan aktiviti dijalankan dengan menyemak semua dokumen berkaitan dengan perolehan, pembangunan dan penjualan hartanah di pejabat BDC. Temu bual juga telah dibuat dengan pegawai BDC di samping melaksanakan pemeriksaan fizikal terhadap peralatan dan aset syarikat.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Januari hingga Mac 2014, mendapati pada umumnya prestasi kewangan BDC adalah memuaskan di mana syarikat ini telah mencatatkan keuntungan pada tahun 2011 hingga 2013. Syarikat telah berjaya mengurangkan kerugian terkumpul daripada RM40.19 juta pada tahun 2011 kepada RM38.36 juta pada tahun 2013. Dari segi pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat masih terdapat kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang diperhatikan adalah:

- Status BDC sebagai institusi kewangan pembangunan yang diiktiraf oleh Bank Negara dan Lesen Pemberi Pinjam Wang (*Money Lender's License*) yang diperoleh dari Kementerian Kewangan Negeri Sabah belum dimanfaatkan.
- Pelaburan dalam syarikat subsidiari tidak memberi pulangan.

5.4.1. Prestasi Kewangan BDC

Bagi menilai prestasi kewangan BDC, analisis terhadap trend dan nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

5.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis trend bagi tahun 2011 hingga 2013 mendapati jumlah pendapatan telah meningkat daripada RM2.20 juta pada tahun 2011 kepada RM5.58 juta pada tahun 2012. Peningkatan pendapatan ini disebabkan oleh peningkatan pendapatan utama daripada projek *Joint Land Development* berjumlah RM4 juta. Bagaimanapun, pendapatan syarikat menurun kepada RM3.12 juta pada tahun 2013. Penurunan pendapatan adalah disebabkan oleh penurunan pendapatan diperolehi daripada projek *Joint Land Development* kepada RM1.76 juta. Perbelanjaan telah meningkat daripada RM1.74 juta pada tahun 2011 kepada RM3.38 juta pada tahun 2012.

Bagaimanapun, perbelanjaan tersebut telah menurun kepada RM2.95 juta pada tahun 2013. Perbelanjaan adalah terdiri daripada perbelanjaan pentadbiran dan lain-lain perbelanjaan.


- b. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan/kerugian BDC adalah seperti di **Jadual 5.1**, **Carta 5.1** dan **Carta 5.2**.

Jadual 5.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian BDC
Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun		
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Jumlah Pendapatan	2.20	5.58	3.12
Jumlah Perbelanjaan	-1.74	-3.38	-2.95
Keuntungan Sebelum Cukai	0.46	2.20	0.17
Cukai Pendapatan	0.90	-0.53	-0.007
Keuntungan Bersih	1.36	1.67	0.16
Kerugian Terkumpul	-40.19	-38.52	-38.36


Sumber: Penyata Kewangan BDC

Carta 5.1
Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan Kerugian Terkumpul Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan BDC

Carta 5.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan BDC

5.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan BDC, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Kewangan BDC bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Analisis Nisbah Kewangan BDC Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun		
	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	1.27:1	1.16:1	1.32:1
Margin Untung Bersih	20.9%	39.5%	5.4%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.01:1	0.04:1	0.003:1
Nisbah Pulangan Ke atas Ekuiti	0.06:1	0.22:1	0.02:1

Sumber: Penyata Kewangan BDC

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Nisbah Semasa pada kadar 2:1 menunjukkan kemampuan syarikat untuk membayar hutang manakala Nisbah Semasa pada kadar 1:1 adalah dianggap setara. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Analisis Audit mendapati Nisbah Semasa telah menurun daripada 1.27:1 pada tahun 2011 kepada 1.16:1 bagi tahun 2012. Bagaimanapun, nisbah ini meningkat kepada 1.32:1 tahun 2013.

b. Margin Untung Bersih

Margin Untung Bersih mengukur kadar keuntungan sebelum cukai bagi setiap ringgit hasil yang dijana daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan kecekapan sesebuah syarikat yang memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, syarikat telah menjana RM0.21 untung bersih sebelum cukai pada tahun 2011. Margin untung bersih meningkat pada tahun 2012 kepada RM0.40 untung bersih sebelum cukai. Bagaimanapun, margin untung bersih menurun kepada RM0.05 untung bersih sebelum cukai pada tahun 2013.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah Pulangan Ke Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya bagi mendapatkan pulangan terbaik. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2011, Nisbah Pulangan Ke Atas Aset syarikat menunjukkan pulangan keuntungan pada RM0.01, manakala bagi tahun 2012 dan 2013 Nisbah Pulangan Ke Atas Aset adalah RM0.04 dan RM0.003 masing-masing bagi setiap ringgit aset yang dilaburkan.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti pada tahun 2011 adalah 0.06:1. Nisbah ini meningkat pada 2012 kepada 0.22:1 disebabkan oleh peningkatan keuntungan syarikat. Bagaimanapun, nisbah ini menurun pada tahun 2013 kepada 0.02:1. Bagi setiap ringgit modal yang digunakan, syarikat menjana RM0.06, RM0.22 dan RM0.02 keuntungan sebelum cukai masing-masing bagi tahun 2011, 2012 dan 2013.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan BDC adalah memuaskan.

5.4.2. Pengurusan Aktiviti BDC

Pengurusan aktiviti yang cekap dapat memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya menjamin pencapaian objektif. Aktiviti utama BDC adalah dalam bidang pembangunan dan pengurusan hartanah serta penyediaan perkhidmatan kewangan. Semakan Audit terhadap aktiviti BDC mendapati perkara berikut:

5.4.2.1. Pembangunan Hartanah

- a. Sejak penubuhan, BDC telah melaksanakan beberapa projek di Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan dan Lahad Datu. Projek yang dilaksanakan merangkumi perumahan, komersil, industri dan bangunan tinggi. Antara projek yang dilaksanakan oleh BDC adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Projek Yang Dilaksanakan Oleh BDC

Bil.	Projek	Lokasi	Tahun Siap
1.	Taman BDC Likas Housing Estate (Pelbagai Fasa)	Kota Kinabalu	1992 - 2002
2.	Taman BDC Hungab, Penampang	Kota Kinabalu	1996
3.	Taman Sri Pulutan, Menggatal (Fasa 1 & Fasa 2)	Kota Kinabalu	2000 & 2001
4.	Karamunsing Hotel (Now Sabah Oriental Hotel)	Kota Kinabalu	1998
5.	Pearl Tower Condominium	Kota Kinabalu	2001
6.	Evergreen Garden Housing Scheme	Sandakan	2000

Sumber: Rekod BDC

- b. Bagi tahun 2011 hingga 2013, BDC telah merancang 4 projek pembangunan di mana 2 projek dilaksanakan secara *Joint Land Development (JLD)* dan 2 projek dibangunkan oleh BDC sendiri. Projek yang dirancang adalah seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4**Projek Yang Dirancang Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil.	Nama Projek	Konsep Pembangunan	Pemaju	Jangka Siap
1.	<i>Joint Land Development At Old Shantung Road, Off Jalan Bundusan, Luyang, Kota Kinabalu</i>	<i>400 Units Apartment And Associated Amenities & Infrastructure Works</i>	Sara Timur Heights Sdn. Bhd.	Jun 2015
2.	<i>Joint Land Development At Taman Sri Pulutan Phase 3, 4 & 5 At Jalan Pulutan , Off Mile 8, Jalan Tuaran, Menggatal, Kota Kinabalu</i>	<i>314 Units Of 2-Storey Duplex Townhouses (Gated & Guarded) And Associated Amenities & Infrastructure Works</i>	Nadi Properties Development Sdn. Bhd.	Ogos 2019
3.	<i>Proposed Residential Development At Taman Sri Pulutan Phase 2A, Jalan Pulutan, Kg. Pulutan, Menggatal, Kota Kinabalu</i>	<i>24 Units Of 3-Storey Terrace Houses And Associated Infrastructure Works</i>	BDC	Disember 2016
4.	<i>Proposed Light Industrial Development At Putatan, Kota Kinabalu</i>	<i>20 Units 1 1/2-Storey Semi-Detached & 7 Units of 1 1/2-Storey Detached Light Industrial Buildings & Associated Infrastructure Works</i>	BDC	Disember 2015

Sumber: Rekod BDC

- c. BDC telah menandatangani 2 perjanjian *Joint Land Development (JLD)* dengan Sara Timur Heights Sdn. Bhd. pada 21 Oktober 2011 dan Nadi Properties Development Sdn. Bhd. pada 16 Mei 2012. Mengikut perjanjian *JLD* yang ditandatangani, BDC layak menerima pulangan daripada kedua-dua projek seperti berikut:
- i. **JLD Dengan Sara Timur Heights Sdn. Bhd.** – Satu unit kenderaan projek di mana nilai tidak melebihi RM120,000 dan bayaran tunai 10% daripada *Final Gross Development Value (FGDV)* projek dibayar secara berperingkat. (*FGDV* tidak akan kurang daripada jumlah RM88.25 juta yang dijamin)
 - ii. **JLD Dengan Nadi Properties Development Sdn. Bhd.** – Bayaran tunai RM3 juta dalam 3 peringkat dan hartanah yang dibangunkan pada kadar 12.5% daripada *FGDV* projek. (*FGDV* tidak akan kurang daripada jumlah RM100.04 juta yang dijamin)
- d. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2013, BDC telah menerima sejumlah RM6.64 juta daripada kedua-dua projek *JLD*. Sehingga tarikh pengauditan dijalankan kedua-dua projek masih menunggu kelulusan *Development Plan (DP)* daripada pihak berkuasa. Butiran penerimaan daripada projek *JLD* adalah seperti di **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5
Penerimaan Daripada JLD Setakat 31 Disember 2013

Butiran	Tahun			Jumlah (RM)
	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	
JLD Dengan Sara Timur Heights Sdn. Bhd.	882,470	996,632	1,764,940	3,644,042
JLD Dengan Nadi Properties Development Sdn. Bhd.	-	3,000,000	-	3,000,000
Jumlah	882,470	3,996,633	1,764,940	6,644,042

Sumber: Rekod BDC

- e. Untuk projek *Proposed Light Industrial Development At Putatan, Kota Kinabalu*, DP telah dikemukakan kepada Majlis Daerah Putatan pada 20 September 2013 dan untuk projek *Proposed Residential Development At Taman Sri Pulutan Phase 2A., Menggatal*, BDC masih dalam proses menyediakan draf DP.

Pada pendapat Audit, aktiviti pembangunan hartanah BDC adalah baik. Syarikat telah merancang beberapa projek pembangunan baru bagi memantapkan lagi kewangan syarikat.

5.4.2.2. Pengurusan Hartanah

Selain daripada pembangunan hartanah, BDC juga menyediakan perkhidmatan teknikal, pengurusan dan pentadbiran untuk pejabat dan bangunan komersil, apartmen dan kondominium. Pada masa ini, BDC sedang menyediakan perkhidmatan pengurusan untuk 2 bangunan iaitu Sabah Trade Centre dan Pearl Tower Condominium.

a. Pengurusan Dan Penyenggaraan Sabah Trade Centre

- i. Kerajaan Negeri telah melantik BDC untuk mengurus dan menyenggara bangunan Sabah Trade Centre (STC) mulai 1 Januari 2011 sehingga kini. BDC telah dibayar bayaran pengurusan dan penyenggaraan sejumlah RM8,000 sebulan. Selain itu, BDC juga layak menuntut keuntungan yang diperolehi daripada pengurusan bangunan tersebut pada kadar 50:50. Pengurusan STC termasuk penyewaan ruang pejabat dan fasiliti seperti *exhibition hall, mini theatre, function rooms, lobby, banquet chairs, stage table, billboard* dan membuat pungutan parkir untuk kawasan letak kereta kepunyaan STC serta membuat kerja penyenggaraan am untuk bangunan tersebut.
- ii. Semakan Audit mendapati prestasi pengurusan dan penyenggaraan STC adalah baik di mana telah memperolehi keuntungan bagi 3 tahun berturut-turut berjumlah RM162,832, RM212,102 dan RM156,838 bagi tahun 2011, 2012, dan 2013. Pendapatan BDC daripada pengurusan bangunan tersebut berjumlah RM533,886 terdiri daripada bayaran pengurusan sejumlah RM288,000 dan bahagian keuntungan sejumlah RM265,886 untuk tahun 2011 hingga 2013. Prestasi pengurusan STC mengikut penyata kewangan yang telah diaudit dan

pendapatan BDC daripada pengurusan bangunan tersebut bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 5.6** dan **Jadual 5.7**.

Jadual 5.6

Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan STC Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun			Jumlah (RM)
	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	
Pendapatan Daripada Penyewaan Ruang Pejabat Dan Fasilitas	576,468	543,692	581,796	1,701,956
Pendapatan Daripada Parkir Kereta	94,177	143,172	145,648	382,997
Jumlah	670,645	686,864	727,444	2,084,953
Perbelanjaan	-507,813	-474,762	-570,606	-1,553,181
Keuntungan	162,832	212,102	156,838	531,772

Sumber: Rekod BDC

Jadual 5.7

Pendapatan BDC Daripada Pengurusan STC Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun			Jumlah (RM)
	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	
Bayaran Pengurusan	96,000	96,000	96,000	288,000
Pembahagian Keuntungan	81,416	106,051	78,419	265,886
Jumlah	177,416	202,051	174,419	533,886

Sumber: Rekod BDC

b. Pengurusan Pearl Tower Condominium

BDC telah dilantik oleh Pearl Tower Management Corporation untuk menyediakan perkhidmatan pentadbiran dan pengurusan bangunan dengan bayaran sejumlah RM2,000 sebulan. Lantikan tersebut bermula pada tahun 2002 hingga kini dan bayaran tetap yang diperolehi oleh BDC dari pengurusan bangunan tersebut adalah RM24,000 setiap tahun. Antara perkhidmatan pentadbiran yang disediakan adalah menjadi setiausaha kepada Pearl Tower Management Corporation untuk mengatur dan menyediakan agenda dan minit untuk mesyuarat *council*, mesyuarat agong tahunan dan mesyuarat rasmi serta memberi nasihat terhadap undang-undang yang berkaitan. Bagi pengurusan bangunan, perkhidmatan yang disediakan adalah memberi nasihat dan bantuan terhadap penyenggaraan bangunan. Semakan Audit mendapati kerja yang dilaksanakan oleh BDC adalah baik.

Pada pendapat Audit, aktiviti pengurusan hartanah adalah baik. Aktiviti ini boleh dipertingkatkan lagi dengan pertambahan portfolio hartanah bagi menjana pendapatan yang lebih kepada syarikat.

5.4.2.3. Pengurusan Perkhidmatan Kewangan

- a. Pada awal tahun 80an, BDC telah menyediakan skim pembiayaan perumahan subsidi bagi kakitangan Kerajaan Negeri Sabah. Bagaimanapun, skim ini telah dihentikan pada tahun 2003 apabila Kerajaan Negeri Sabah memberi monopoli

sepenuhnya kepada Borneo Housing Mortgage Finance Berhad. Polisi Kerajaan tersebut memberi impak yang negatif kepada perniagaan BDC. Semakan Audit mendapati pada 31 Disember 2013, portfolio pinjaman BDC adalah RM1.96 juta terdiri daripada 47 akaun peminjam dan pendapatan faedah diperolehi daripada pinjaman yang diberikan masing-masing berjumlah RM301,118, RM257,005 dan RM210,523 bagi tahun 2011, 2012 dan 2013. Semakan lanjut mendapati akaun peminjam telah diselenggarakan dengan kemas kini dan baki akaun peminjam telah disesuaikan dengan akaun kawalan. Selain itu, BDC juga dilantik oleh kerajaan Negeri untuk mengurus *Sabah State Government Supplementary Housing Loan Fund*. Semakan Audit mendapati rekod telah diselenggarakan dengan kemas kini dan akaun yang telah diaudit bagi tahun 2011 hingga 2013 telah dikemukakan kepada Jabatan Bendahari Negeri.

- b. BDC di bawah *Banking and Financial Institutions Act 1989 [Act 372]* telah diiktiraf oleh Bank Negara sebagai sebuah institusi kewangan pembangunan (*development finance institution*) untuk menyediakan pembiayaan pembangunan dan kredit bangunan. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2013, BDC telah menerima simpanan tetap berjumlah RM40.00 juta daripada Jabatan Bendahari Negeri Sabah.
- c. BDC telah memperolehi Lesen Pemberi Pinjam Wang (*Money Lender's Licence*) dari Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Lesen tersebut sah untuk tempoh 2 tahun dari 1 Mei 2011 hingga 30 April 2013. Tujuan pemerolehan lesen tersebut adalah sebagai salah satu strategi pengurusan untuk menjana pendapatan melalui pinjaman peribadi dan pinjaman perniagaan kepada sektor swasta. Semakan Audit mendapati BDC belum memulakan operasi memberi pinjam wang. Lesen tersebut telah tamat tempoh dan sedang dalam proses pembaharuan.
- d. **Berdasarkan maklum balas pihak BDC bertarikh 21 Mei 2014, aktiviti pembiayaan pinjaman telah menghadapi kekangan kerana dana yang terhad. Namun, Syarikat sedang mencari dana tambahan untuk pengembangan perniagaan pembiayaan pembangunan dan kredit bangunan (*development finance and building credit*) bertujuan untuk meningkatkan pulangan daripada aktiviti pembiayaan pinjaman. Untuk menambahbaik kedudukan kewangan, Syarikat telah menyediakan pelan strategik bagi tempoh 10 tahun yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 28 November 2012. Pelan strategik tersebut merangka hala tuju dan pelan tindakan Syarikat untuk meningkatkan prestasi kewangan dalam 3 aktiviti utama iaitu pembangunan hartanah, pengurusan hartanah dan pembiayaan pinjaman. Sebagai tambahan, Lesen Pemberi Pinjam Wang telah diperbaharui untuk tempoh 2 tahun sehingga 30 April 2015.**

Pada pendapat Audit, BDC perlu mengambil peluang untuk mengembangkan pembiayaan pembangunan dan kredit bangunan yang diberikan oleh Bank Negara.

5.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ianya merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat serta pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik boleh membantu syarikat meningkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya dan membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus serta bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat BDC mendapati perkara berikut:

5.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Bagi memastikan BDC beroperasi dengan sempurna dan mencapai objektif penubuhannya, Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun atau seberapa kerap yang boleh selaras dengan kehendak Buku Hijau – *Enhancing Board Effectiveness* yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional Berhad. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah telah bermesyuarat 4 kali masing-masing bagi tahun 2011 dan 2012 serta 3 kali bagi tahun 2013. Kehadiran Ahli Lembaga Pengarah adalah baik iaitu antara 73% hingga 100%. Selain itu, mesyuarat turut dihadiri oleh Setiausaha Syarikat/Pengurus Korporat, Pengurus Besar dan Pengurus Kanan Kewangan, Akaun Dan Pentadbiran.

5.4.3.2. Unit Audit Dalam

Unit Audit Dalam perlu ditubuhkan untuk membantu pihak pengurusan memantau pengurusan pentadbiran, kewangan dan operasi sesebuah organisasi. Semakan Audit mendapati BDC telah menubuhkan Unit Audit Dalam dengan seorang kakitangan. Pengauditan telah dijalankan mengikut pelan pengauditan yang disediakan untuk tempoh 2011 hingga 2013. Laporan telah dikeluarkan untuk tindakan pengurusan dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan.

5.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Mengikut Peraturan, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi syarikat Kerajaan bertujuan untuk meningkatkan lagi kawalan ke atas syarikat supaya kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham dapat dipelihara sepenuhnya serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 bulan atau seperti mana yang ditentukan oleh Pengerusinya. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan telah ditubuhkan dan mesyuarat telah diadakan sebanyak 4 kali masing-masing pada tahun 2011, 2012 dan 2013 untuk membincangkan laporan Audit Dalam dan penyata kewangan BDC dan anak syarikatnya.

5.4.3.4. Sistem Dan Prosedur

Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, polisi dan garis panduan perlu ditetapkan untuk dipatuhi. Semakan Audit mendapati BDC sedang dalam proses mengemas kini manual polisi dan prosedur yang dikeluarkan pada tahun 1992.

5.4.3.5. Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledge*)

Ikrar Integriti Korporat ialah dokumen yang membenarkan sesebuah syarikat membuat komitmen untuk mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah untuk Syarikat Korporat di Malaysia. Dengan menandatangani ikrar ini, sesebuah syarikat membuat keputusan satu pihak (*unilateral*) bahawa syarikat tidak akan terlibat dalam jenayah rasuah dan akan berganding bahu untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah dan mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah untuk Syarikat di Malaysia dalam urusan perniagaan dan interaksinya dengan rakan perniagaan dan juga Kerajaan. Semakan Audit mendapati BDC telah menandatangani Ikrar tersebut pada 27 Jun 2013.

5.4.3.6. Rancangan Korporat

Berdasarkan amalan terbaik setiap syarikat perlu menyediakan Rancangan Korporat dan menetapkan strateginya untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang serta rancangan tersebut perlu selaras dengan objektif penubuhannya. Semakan Audit mendapati BDC telah menyediakan Rancangan Perniagaan 5 tahun bagi tempoh 2011 hingga 2015. Selain itu, Pelan Strategik untuk tempoh 10 tahun juga disediakan pada tahun 2013 dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 28 November 2013. Objektif utama Pelan Strategik tersebut adalah menetapkan perancangan strategik bagi mentransformasikan BDC kepada satu syarikat yang berkemampuan (*self-sustainable*), mencapai pertumbuhan yang dikehendaki dan memberikan pulangan kepada pemegang saham.

5.4.3.7. Kelemahan Dalam Pengurusan Kewangan

- a. Pelaburan dalam 4 syarikat subsidiari dengan kos RM3.75 juta tidak memberi pulangan kerana syarikat tersebut adalah dalam status dormant.
- b. Tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri berjumlah RM768,750 belum dibayar.

- c. **Berdasarkan maklum balas pihak BDC bertarikh 21 Mei 2014 dan 20 Ogos 2014, kerugian pelaburan dalam 4 syarikat subsidiari adalah terkumpul dari tahun-tahun terdahulu. Status syarikat berkenaan adalah dormant dan tindakan akan diambil untuk menggulung syarikat berkenaan. BDC akan mengkaji semula dan memantau kedudukan kewangan syarikat dalam mematuhi peraturan-peraturan pembayaran dividen dan bayaran balik pinjaman sebaik sahaja ia dapat dilaksanakan. BDC telah mengisytiharkan dividen berjumlah RM16,408 bagi tahun berakhir 2013 yang telah dibayar pada 30 Jun 2014.**

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat adalah memuaskan kecuali BDC tidak membayar balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri serta pelaburan dalam syarikat subsidiari tidak memberi pulangan.

5.5. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan pengurusan syarikat, Borneo Development Corporation (BDC) adalah disyorkan untuk mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

5.5.1. Meningkatkan pendapatan melalui penambahan portfolio hartanah, penawaran pelbagai produk pinjaman kepada pasaran dan menetapkan hala tuju syarikat subsidiari untuk memastikan pelaburan yang telah dibuat memberi pulangan kepada syarikat.

5.5.2. Mengambil tindakan sewajarnya ke atas tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri.

MAJLIS UGAMA ISLAM SABAH

6. WISMA HARTA SDN. BHD.

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Wisma Harta Sdn. Bhd. (Wisma Harta) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 6 Januari 1987 dengan nama WM Harta Sdn. Bhd. Namanya kemudian ditukar kepada Wisma Harta Sdn. Bhd. pada 4 Oktober 1993. Wisma Harta merupakan anak syarikat kepada Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dengan modal dibenarkan dan berbayar berjumlah RM25,000.

6.1.2. Objektif utama Wisma Harta adalah mengurus bangunan dan lain-lain hartanah milik MUIS yang merangkumi memungut sewa, menjaga kebersihan dan keselamatan serta menyenggara bangunan Wisma MUIS.

6.1.3. Wisma Harta mempunyai 7 orang ahli Lembaga Pengarah iaitu seorang pengerusi dari ahli politik, 4 orang pegawai awam dan masing-masing seorang ahli perniagaan dan pekerja swasta. Wisma Harta diketuai oleh seorang Pemangku Pengarah Urusan dan dibantu oleh 70 kakitangan.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan Wisma Harta adalah baik atau sebaliknya dan pengurusan aktiviti utama serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2011 hingga 2013. Metodologi pengauditan adalah melalui semakan terhadap rekod, fail, minit mesyuarat dan dokumen berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai bertanggungjawab telah dijalankan. Analisis terhadap penyata kewangan bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2010 hingga 2012 yang merangkumi nisbah dan trend telah dilakukan untuk menilai prestasi kewangan Wisma Harta. Selain itu, maklumat tahun sebelumnya juga telah dianalisis di mana perlu. Pemeriksaan kemudahan dan aset termasuk lawatan ke lot kedai dan ruang legar yang disewakan di Wisma MUIS juga telah dijalankan.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2013 hingga Mac 2014 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan Wisma Harta adalah memuaskan kerana Wisma Harta telah mencatat keuntungan terkumpul berjumlah RM1 juta setakat penyata kewangan 2012. Selain itu, prestasi aktiviti dan tadbir urus korporat juga adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan seperti yang dijelaskan secara ringkasnya di perenggan berikut:

- Kerosakan mesin kelengkapan dan peralatan serta kemudahan awam dengan anggaran kos penyenggaraan berjumlah RM4.88 juta tidak mampu dibaiki kerana sumber kewangan yang terhad.
- Seramai 27 daripada 95 penyewa telah tertunggak bayaran sewaan antara 3 hingga 107 bulan berjumlah RM653,557 dengan kadar sewaan antara RM322 hingga RM4,624 sebulan.
- *Standard Operating Procedures* (SOP) tidak lengkap dan kemas kini.

6.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Wisma Harta, analisis trend dan nisbah kewangan telah dijalankan bagi butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012. Analisis Audit mendapati perkara berikut:

6.4.1.1. Analisis Trend

Bagi tahun 2010 hingga 2012, pendapatan Wisma Harta adalah antara RM1.29 juta hingga RM1.37 juta berbanding perbelanjaan berjumlah RM1.15 juta hingga RM1.39 juta. Keterangan lanjut adalah seperti berikut:

- a. Pendapatan Wisma Harta terdiri daripada yuran pengurusan, lain-lain pendapatan operasi dan pendapatan faedah. Pendapatan Wisma Harta pada tahun 2012 telah meningkat sejumlah RM0.09 juta atau 6.2% menjadi RM1.37 juta berbanding tahun 2011. Pendapatan daripada yuran pengurusan adalah konsisten iaitu RM1 juta setahun bagi tahun 2010 hingga 2012 iaitu hasil bayaran pengurusan Wisma MUIS. Pada tahun 2012, pendapatan lain-lain operasi berjumlah RM0.36 juta iaitu meningkat 23.3% berbanding tahun 2011. Pendapatan daripada faedah simpanan di bank adalah kurang signifikan kepada pendapatan keseluruhan Wisma Harta iaitu antara RM6,917 hingga RM13,628 setahun bagi tahun 2010 hingga 2012.
- b. Perbelanjaan Wisma Harta terdiri daripada perbelanjaan operasi dan pentadbiran serta perbelanjaan faedah. Pada tahun 2011, perbelanjaan operasi dan pentadbiran telah berkurangan sebanyak RM0.13 juta atau 11.4% berbanding tahun 2010

berjumlah RM1.28 juta. Bagaimanapun, pada tahun 2012 perbelanjaan operasi dan pentadbiran telah meningkat RM0.24 juta atau 17.4% menjadi RM1.39 juta berbanding perbelanjaan tahun 2011. Peningkatan perbelanjaan pada tahun 2012 adalah disebabkan peruntukan hutang ragu berjumlah RM109,852. Manakala perbelanjaan faedah adalah antara RM2,240 hingga RM4,003 setahun bagi tahun 2010 hingga 2012.


- c. Sehingga 31 Disember 2012, keuntungan terkumpul Wisma Harta berjumlah RM1 juta. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan/kerugian adalah seperti di **Jadual 6.1**, **Carta 6.1** dan **Carta 6.2**.

Jadual 6.1


**Pendapatan/Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian Wisma Harta
Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012**

Butiran	Tahun		
	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Pendapatan	1,000,000	1,000,000	1,000,000
Pendapatan lain-lain Operasi	338,583	278,441	363,248
Jumlah Pendapatan	1,338,583	1,278,441	1,363,248
(-) Perbelanjaan Operasi dan Pentadbiran	-1,278,328	-1,147,855	-1,389,671
Pendapatan Operasi	60,255	130,586	-26,423
Pendapatan faedah	13,628	6,917	8,271
(-) Perbelanjaan faedah	-4,003	-3,121	-2,240
Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai*	69,880	134,382	-20,392
Cukai	-31,025	-39,215	-44,789
Keuntungan/(Kerugian) Bersih	38,855	95,167	-65,181
Keuntungan Tercampur	970,330	1,065,467	1,000,286

Sumber: Penyata Kewangan Wisma Harta



Sumber: Penyata Kewangan Wisma Harta



Sumber: Penyata Kewangan Wisma Harta

6.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Analisis Audit meliputi analisis Nisbah Kecairan, Margin Keuntungan dan Nisbah Kecekapan seperti di **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Butiran	Tahun		
	2010	2011	2012
Nisbah Semasa	6.18:1	11.55:1	10.53:1
Margin Keuntungan	5.2%	10.5%	-1.5%
Nisbah Pulangan Atas Aset	0.06:1	0.11:1	-0.02:1
Nisbah Pulangan Atas Ekuiti	0.07:1	0.13:1	-0.02:1

Sumber: Penyata Kewangan Wisma Harta

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar kepada tunai dengan kadar segera bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Kedudukan Nisbah Semasa pada kadar 2:1 menunjukkan syarikat berkemampuan untuk membayar hutang manakala Nisbah Semasa pada kadar 1:1 adalah dianggap setara. Semakin tinggi nisbah ini, semakin baik kerana aset semasa dapat ditukar kepada tunai dengan segera untuk melunaskan hutang semasa. Analisis Audit mendapati Nisbah Semasa Wisma Harta bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah antara 6.18:1 hingga 11.55:1. Ini menunjukkan Wisma Harta berkeupayaan melunaskan keseluruhan tanggungan semasanya.

b. Margin Keuntungan

Margin Keuntungan mengukur kadar keuntungan sebelum cukai bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh daripada perniagaan sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (*value-added*) terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, pada tahun 2010 dan 2011 Wisma Harta telah mencatat keuntungan masing-masing 5.2% dan 10.5%. Bagaimanapun, pada tahun 2012 Wisma Harta mencatat kerugian 1.5%. Berdasarkan kepada analisis Audit, tahap kecekapan operasi Wisma Harta adalah memuaskan bagi tempoh 2010 dan 2011. Bagaimanapun, pada tahun 2012 syarikat telah kerugian 1.5 sen bagi setiap ringgit yang dilaburkan.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya bagi mendapatkan pulangan terbaik. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Atas Aset bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah antara -0.02:1 hingga 0.11:1. Berdasarkan perkiraan Audit, bagi setiap ringgit yang dilaburkan atas aset, Wisma Harta telah mencatat keuntungan berjumlah antara RM0.06 dan RM0.11 pada tahun 2010 dan 2011.

Bagaimanapun, pada tahun 2012 Wisma Harta telah kerugian RM0.02 bagi setiap ringgit yang dilaburkan pada asetnya.

d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah ekuiti syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap Wisma Harta menguruskan ekuitinya. Pada perkiraan Audit, jumlah pulangan pelaburan daripada ekuiti adalah antara -0.02:1 hingga 0.13:1 iaitu setiap ringgit yang dilaburkan dalam ekuiti syarikat telah memberi pulangan antara -RM0.02 hingga RM0.13.

Berdasarkan maklum balas Wisma Harta bertarikh 8 Mei 2014, pihak pengurusan mengambil maklum terhadap analisis Audit yang dijalankan.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Wisma Harta adalah memuaskan dan perlu menambahbaik margin keuntungan, pulangan aset dan pulangan atas ekuiti syarikat.

6.4.2. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap adalah penting untuk membolehkan syarikat berdaya saing dan mencapai objektif yang ditetapkan. Kawalan operasi yang cekap dan berkesan tanpa mengabaikan aspek kualiti dapat membantu pihak pengurusan menjimatkan kos. Aktiviti utama Wisma Harta adalah menguruskan bangunan Wisma MUIS yang terdiri daripada kompleks bangunan 10 tingkat, Mahkamah Syariah dan bangunan parkir 4 tingkat. Mengikut perjanjian yang ditandatangani pada 1 Januari 2007 antara MUIS dengan Wisma Harta, MUIS telah bersetuju melantik Wisma Harta sebagai pengurus Wisma MUIS dengan bayaran yuran pengurusan berjumlah RM1 juta setahun. Bagi tujuan penilaian prestasi pengurusan Wisma MUIS, pihak Audit telah menyemak rekod dan dokumen bagi tahun 2007 hingga 2013. Hasil semakan Audit adalah seperti berikut:

6.4.2.1. Pengurusan Wisma MUIS

a. Prestasi Pengurusan Bangunan

Pengurusan Wisma MUIS meliputi aspek keselamatan, kebersihan dan penyenggaraan bangunan serta kemudahan awam seperti tempat letak kereta, riadah, tandas, lampu, air, tempat menunggu, lif bangunan dan lain-lain kemudahan dan perkhidmatan. Ia bertujuan untuk keselesaan penyewa, pelanggan dan pengunjung. Pemeriksaan Audit mendapati aspek kebersihan adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari aspek keselamatan dan penyenggaraan Wisma MUIS seperti berikut:

i. Keselamatan

Semakan Audit mendapati seramai 21 anggota keselamatan telah dilantik oleh pihak Wisma Harta. Anggota keselamatan telah ditugaskan mengikut 3 syif iaitu syif A bermula pada jam 0700 hingga 1500, syif B pada jam 1500 hingga 2300 dan syif C pada jam 2300 hingga 0700 setiap hari. Setiap syif akan dilaksanakan oleh 7 orang anggota keselamatan. Wisma Harta telah menyediakan Buku Kehadiran Anggota Bertugas (BKAB) untuk merekod kehadiran pegawai keselamatan yang bertugas dan laporan harian keadaan bangunan Wisma MUIS. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- Berdasarkan Laporan BKAB bagi tahun 2013, setiap anggota keselamatan telah merekod kehadiran mereka dengan lengkap dan anggota keselamatan bertugas melaporkan keadaan bangunan adalah baik. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap fail keselamatan mendapati sepanjang tahun 2013 telah berlaku 4 kes kecurian dan pecah masuk premis penyewa melibatkan kehilangan wang berjumlah RM2,230 dan 2 buah kamera yang telah dilaporkan di Balai Polis Karamunsing, Kota Kinabalu pada 8/7/2013, 17/8/2013, 20/9/2013 dan 12/12/2013. Sehingga tarikh pengauditan, kes ini belum selesai. **Berdasarkan maklum balas Wisma Harta bertarikh 8 Mei 2014, Lembaga Pengarah telah melantik seorang Ahli Lembaga untuk memantau perkara ini.**
- Selain itu, lawatan Audit pada 2 hingga 6 Disember 2013 di bangunan parkir 4 tingkat mendapati sebanyak 9 daripada 10 kotak penyimpanan gegelung hos telah dipecahkan dan rosak serta 8 dinding kaca di tangga kecemasan telah hilang seperti di **Gambar 6.1** dan **Gambar 6.2**.

Gambar 6.1
Kotak Gegelung Hos Pecah Dan Rosak



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Parkir 4 Tingkat, Wisma MUIS
Tarikh: 3 Disember 2013

Gambar 6.2
Dinding Kaca Hilang



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Parkir 4 Tingkat, Wisma MUIS
Tarikh: 4 Disember 2013

- Semasa lawatan Audit dijalankan tiada pegawai keselamatan berada di kawasan tersebut. Ini menunjukkan penyeliaan dan pemantauan rapi tidak dilakukan oleh pegawai keselamatan menyebabkan kerosakan harta benda dan keselamatan tidak terjamin. **Berdasarkan maklum balas Wisma Harta bertarikh 8 Mei 2014, surat arahan berhubung rondaan keselamatan ke lokasi terlibat telah dikeluarkan kepada Unit Operasi.**

ii. Penyenggaraan

Wisma Harta perlu memastikan peralatan seperti lif, eskalator, alat pemadam api, penyaman udara berpusat (*centralised air-cond*) dan kemudahan awam lain berfungsi dengan baik. Wisma Harta telah melantik 11 kakitangan untuk tugas menyenggara peralatan dan kelengkapan Wisma MUIS seperti genset, *chiller auto transformer*, *cooling tower*, *power factor regulator bank*, *pump*, *motor*, *air filter* dan peralatan lain. Selain itu, penyenggaraan taman dan tempat riadah perlu dilakukan bagi mewujudkan pemandangan yang indah dan menarik. Oleh itu, penyenggaraan berjadual hendaklah dirancang dan disediakan. Pemeriksaan Audit mendapati penyenggaraan berjadual terhadap 12 lif dan 4 eskalator telah dilaksanakan setiap bulan oleh pihak swasta dengan bayaran RM6,200 sebulan. Bagaimanapun, penyenggaraan terhadap mesin lain dibuat secara *ad-hoc* berdasarkan kepada kerosakan mesin dan peralatan. Kerosakan kecil seperti masalah pendawaian, kerosakan suis dan lain-lain akan dibaiki oleh juruteknik Wisma Harta, manakala kerosakan besar dan memerlukan kepakaran tertentu pula akan dibuat melalui tender atau sebut harga. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- Pada tahun 2005, pihak teknikal telah menyediakan laporan kerosakan mesin kelengkapan dan peralatan serta kemudahan awam dengan anggaran kos penyenggaraan berjumlah RM4.88 juta. Pihak Wisma Harta tidak mampu membaiki kerosakan tersebut kerana sumber kewangan yang terhad. Kerosakan ini telah dilaporkan kepada pihak MUIS selaku pemilik bangunan tetapi tindakan belum diambil setakat tarikh pengauditan dilaksanakan. Kesannya, peralatan seperti eskalator, genset, *chiller auto transformer*, *cooling tower*, *power factor regulator bank*, *pump*, *motor* dan *air filter* serta kemudahan awam seperti tandas, lif dan lantai pecah tidak diganti, tidak berfungsi dan tidak dapat digunakan sepenuhnya. Kemudahan dan peralatan yang tidak disenggara dan dibaiki adalah seperti di **Gambar 6.3** hingga **Gambar 6.6**.

Gambar 6.3
Lampu Tertanggal Dan Tergantung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Parkir 4 Tingkat, Wisma MUIS
Tarikh: 3 Disember 2013

Gambar 6.4
Chiller Auto Trans 3.3kv Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Parkir 4 Tingkat, Wisma MUIS
Tarikh: 3 Disember 2013

Gambar 6.5
Atap Polycarbon Bocor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Wisma MUIS
Tarikh: 3 Disember 2013

Gambar 6.6
Lantai Rosak Di Ruang Legar Tingkat 3



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Bangunan Wisma MUIS
Tarikh: 4 Disember 2013

- Berdasarkan maklum balas Wisma Harta bertarikh 8 Mei 2014, pihak MUIS telah menyediakan peruntukan berjumlah RM4 juta untuk membaiki peralatan dan kemudahan yang rosak. Tiga arahan kerja bertarikh 28 April 2014 dengan jumlah RM510,808 telah dikeluarkan bagi membaiki Chiller 3.3 kv, Transformer 11kv dan penapis udara Air Handling Unit.

6.4.2.2. Pengurusan Sewaan Wisma MUIS

Perjanjian antara MUIS dan Wisma Harta, Para 3 (c) menetapkan Wisma Harta hendaklah mengutip semua wang atau hasil termasuk bayaran sewa bagi pihak MUIS. Bagi tahun 2011 hingga 2013, jumlah kutipan sewa kasar adalah RM0.96 juta hingga RM1.34 juta seperti di **Jadual 6.3**. Kutipan ini adalah bagi 95 penyewa yang terdiri daripada bank perdagangan, pejabat Kerajaan dan swasta serta syarikat yang menjalankan perniagaan seperti restoran, gerai dan kedai runcit menyewa di Wisma MUIS seperti di **Jadual 6.4**.

Jadual 6.3
Hasil Sewaan Bagi Tempoh Tahun 2011 – 2013

Bil.	Jenis Sewa	Tahun		
		2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
1.	Bangunan	846,953	1,129,187	884,586
2.	Gerei	62,150	150,200	110,800
3.	Parkir	52,214	55,741	267,673
Jumlah		961,317	1,335,128	1,263,059

Sumber: Wisma Harta

Jadual 6.4
Penyewa Mengikut Kategori Dan Kadar Sewaan

Bil.	Kategori	Bil. Penyewa	Bil. Lot	Sewa Bulanan (RM)
1.	Pejabat Kerajaan	22	139	650 hingga 20,466
2.	Pejabat Swasta/Klinik/Bank	25	21	385 hingga 10,367
3.	Restoran	6	6	194 hingga 1,359
4.	Kedai Runcit/Pakaian/Buku/Lain-lain	9	12	172 hingga 1,343
5.	Gerei	33	39	350 hingga 400
Jumlah		95	217	

Sumber: Wisma Harta

a. Perjanjian Sewaan

Perjanjian sewaan merupakan kontrak ikat janji antara pemilik harta dengan penyewa yang mana mengandungi terma dan syarat penyewaan bangunan/harta. Ia hendaklah disediakan dan ditandatangani oleh pemilik bangunan/harta dengan penyewa. Semakan Audit terhadap 95 fail penyewa Wisma MUIS yang dikendalikan oleh Wisma Harta mendapati perkara berikut:

- i. Seramai 21 daripada 95 penyewa telah tamat tempoh sewaan antara 2 hingga 154 bulan dan tiada perjanjian baharu dimeterai. Ini disebabkan hanya seorang kakitangan yang mengendalikan urusan sewaan. **Berdasarkan maklum balas Wisma Harta bertarikh 8 Mei 2014, perjanjian baru telah disediakan dan dihantar kepada penyewa terlibat.**
- ii. Setakat 31 Disember 2013, seramai 26 daripada 95 penyewa telah tertunggak bayaran sewaan antara 3 hingga 107 bulan berjumlah RM653,557 dengan kadar sewaan antara RM322 hingga RM4,077 sebulan. Semakan Audit mendapati pihak Wisma Harta telah menghantar notis tuntutan tunggakan sewa dan surat peringatan tetapi tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap penyewa. **Berdasarkan maklum balas Wisma Harta bertarikh 8 Mei 2014, tindakan tegas akan diambil terhadap penyewa terlibat.**
- iii. Kesemua 33 penyewa gerai dengan kadar sewaan antara RM350 hingga RM400 sebulan tidak disediakan perjanjian. Sewaan gerai yang diluluskan di peringkat pengurusan dibuat tanpa melalui mesyuarat Lembaga Pengarah. **Berdasarkan maklum balas Wisma Harta bertarikh 8 Mei 2014, surat perjanjian telah**

disediakan dan permohonan pembinaan gerai akan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah.

- iv. Berdasarkan rekod MUIS, sebanyak 22 Agensi Kerajaan yang menyewa di bangunan Wisma MUIS mempunyai tunggakan bayaran sewa berjumlah RM63.77 juta sejak tahun 1999 sehingga 2013 tetapi tunggakan ini tidak dapat disahkan kerana dokumen sokongan dan daftar penyewa tidak lengkap. **Berdasarkan maklum balas Wisma Harta bertarikh 8 Mei 2014, pembayaran sewa Agensi Kerajaan dikendalikan oleh pihak MUIS. Sehubungan dengan itu, Wisma Harta akan bekerjasama dengan pihak MUIS bagi pengeluaran notis debit dan tuntutan kepada pihak penyewa.**

b. Kadar Sewa

Semakan Audit mendapati kadar sewa yang dikenakan di Wisma MUIS adalah antara RM1.68 hingga RM2.24 setiap kaki per segi dan tidak pernah disemak sejak tahun 1988. Kadar ini perlu dikaji semula untuk meningkatkan kutipan sewa dan disesuaikan dengan harga pasaran semasa. **Berdasarkan maklum balas Wisma Harta bertarikh 8 Mei 2014, perkara ini adalah di bawah bidang kuasa pihak MUIS. Wisma Harta telah berbincang dengan pihak MUIS berkenaan kedudukan penyewaan dan perkara berkaitan pada 2 Jun 2014.**

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan terutama dari aspek keselamatan dan keselesaan pengguna.

6.4.3. Tadbir Urus Korporat

Amalan tadbir urus korporat yang baik amat penting kerana ia membantu sektor korporat bersaing dengan lebih cekap dan memperoleh pencapaian terbaik dalam sektor kewangan dan mengukuhkan nama baik syarikat serta meningkatkan budaya kerja yang sihat. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat Wisma Harta mendapati perkara berikut:

6.4.3.1. Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah merupakan badan eksekutif tertinggi yang diberi kuasa untuk melaksanakan semua aktiviti dan tanggungjawab seperti mana yang diperuntukkan dalam Memorandum Dan Artikel syarikat serta Akta Syarikat 1965.

a. Pelantikan

Menurut perkara 70, Memorandum Dan Artikel Penubuhan Wisma Harta, keahlian Lembaga Pengarah Wisma Harta mestilah tidak kurang daripada 2 orang dan tidak boleh melebihi 7 orang. Mengikut amalan terbaik, Lembaga Pengarah yang dilantik hendaklah mempunyai kepakaran yang bersesuaian dengan aktiviti utama syarikat.

Semakan Audit mendapati Lembaga pengarah Wisma Harta adalah seramai 7 orang yang terdiri daripada wakil MUIS, kakitangan awam Kerajaan Negeri, ahli politik dan pegawai swasta. Pemeriksaan Audit terhadap surat pelantikan ahli Lembaga Pengarah mendapati pelantikan Lembaga Pengarah telah mematuhi kehendak Seksyen 122, Akta Syarikat 1965. Keputusan pelantikan ahli Lembaga Pengarah dibuat oleh Majlis Tertinggi/Pengerusi MUIS.

b. Kekerapan Mesyuarat

Bagi memastikan pengurusan syarikat diuruskan dengan sempurna dan mencapai objektif penubuhannya, Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat seberapa kerap yang boleh selaras dengan kehendak Buku Hijau - *Enhancing Board Effectiveness* yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional Berhad. Pihak Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sebanyak 2 kali masing-masing pada tahun 2011 dan 2012 serta 3 kali pada tahun 2013. Kehadiran ahli Lembaga Pengarah adalah memuaskan kecuali seorang ahli Lembaga Pengarah yang tidak menghadiri 5 daripada 7 mesyuarat yang diadakan pada tahun 2011 hingga 2013.

6.4.3.2. Setiausaha Syarikat

Seksyen 139 (1), Akta Syarikat 1965 menetapkan setiap syarikat hendaklah mempunyai seorang atau lebih setiausaha yang sudah cukup umur dan telah bermastautin di Malaysia. Selain itu, seksyen 139 (1B) menetapkan jawatan setiausaha sebuah syarikat hendaklah tidak dibiarkan kosong lebih satu bulan pada sesuatu masa. Wisma Harta telah melantik Syarikat Multi Services Sdn. Bhd. sejak bulan Ogos 1993 hingga kini bagi tujuan menyimpan rekod statutori bagi pihak syarikat dan penyerahan akaun syarikat kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Memandangkan Wisma Harta tidak melantik individu untuk menjadi setiausaha syarikat, maka minit mesyuarat Lembaga Pengarah telah disediakan oleh Pemangku Pengarah Urusan. Akibatnya, Wisma Harta gagal mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 Seksyen 139(3) yang menghendaki setiausaha hendaklah berada di pejabat berdaftar syarikat pada hari dan masa pejabat berdaftar dibuka kepada awam. **Berdasarkan maklum balas Wisma Harta bertarikh 8 Mei 2014, perkara ini akan dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.**

6.4.3.3. Strategi dan Rancangan Korporat

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menghendaki Syarikat Kerajaan menyediakan Rancangan Korporat. Setiap Syarikat perlu merancang strategi perniagaan bagi memastikan perniagaan yang diusahakan mencapai objektif penubuhannya dan mendatangkan pulangan yang baik. Setakat tarikh pengauditan, pihak Wisma Harta belum menyediakan Pelan Strategik yang meliputi arah tuju Wisma Harta bagi tempoh jangka pendek dan juga jangka panjang. **Berdasarkan maklum balas Wisma Harta**

bertarikh 8 Mei 2014, perkara ini akan dibincangkan di peringkat pengurusan dan Lembaga Pengarah.

6.4.3.4. Sistem dan Prosedur (Polisi/Garis Panduan/Prosedur)

Sistem dan prosedur yang lengkap, jelas dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Ia dapat membantu pihak pengurusan membuat keputusan dan mengambil tindakan dengan segera dan seterusnya dapat membantu syarikat mencapai misi dan objektifnya. *Standard Operating Procedures* (SOP) merupakan rujukan penting kepada setiap anggota kerana dokumen ini mengandungi segala fungsi, prosedur, proses kerja dan kuasa kewangan. Pemeriksaan Audit terhadap sistem dan prosedur Wisma Harta mendapati perkara berikut:

a. *Accounting Policies And Procedures Manual*

Peraturan kewangan dan perakaunan yang lengkap dan kemas kini memudahkan pemantauan terhadap aktiviti pengurusan kewangan terutamanya pematuan kepada perkara yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati Wisma Harta tidak mempunyai *Accounting Policies And Procedures Manual* yang lengkap kerana tidak mengandungi prosedur pengurusan hasil, perbelanjaan, aset, dan pelupusan aset. Wisma Harta hanya mempunyai *Purchase And Tender Procedures*. Semakan Audit juga mendapati prosedur tersebut tidak pernah disemak sejak tahun 1988.

b. *General Terms And Conditions Of Service*

General Terms And Conditions Of Service (GTCS) digunakan bagi pengurusan pentadbiran dan kebajikan kakitangan. Perkara utama yang terkandung dalam prosedur ini ialah syarat perkhidmatan, kelakuan dan disiplin, gaji, bonus dan elaun, kemudahan perubatan dan kemudahan lain, cuti dan lain-lain (waktu bekerja, umur dan ganjaran persaraan, penamatan kerja dan perkara am). Semakan Audit mendapati Wisma Harta menggunakan prosedur *Staff General Terms And Conditions Of Service* WM Harta Sdn. Bhd. untuk peraturan perkhidmatan pegawainya. Semakan Audit selanjutnya mendapati peraturan tersebut tidak pernah dikemas kini sejak penubuhan syarikat.

c. Berdasarkan maklum balas Wisma Harta bertarikh 8 Mei 2014, pihak pengurusan sedang menyediakan *Accounting Policies And Procedures Manual* yang lengkap dan mengemas kini GTSC mengikut keadaan semasa.

6.4.3.5. Audit Dalam

Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan untuk membantu pihak pengurusan memantau perjalanan pengurusan pentadbiran, kewangan dan operasi sesebuah organisasi. Pihak Audit mendapati Wisma Harta tidak menubuhkan UAD. Selain itu, MUIS tidak

menjalankan pengauditan terhadap operasi dan kewangan Wisma Harta. **Berdasarkan maklum balas Wisma Harta bertarikh 8 Mei 2014, cadangan penubuhan UAD akan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah.**

6.4.3.6. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Berdasarkan amalan terbaik, Jawatankuasa Audit hendaklah ditubuhkan bagi Syarikat Kerajaan untuk meningkatkan kawalan pengurusan dan kewangan serta menjaga kepentingan Kerajaan. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Keahlian Jawatankuasa ini hendaklah tidak kurang daripada 3 orang ahli dan tidak melebihi 5 orang ahli. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan. **Berdasarkan maklum balas Wisma Harta bertarikh 8 Mei 2014, cadangan penubuhan Jawatankuasa Audit akan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah.**

6.4.3.7. Pembayaran Dividen Kepada Pemegang Saham

Berdasarkan amalan terbaik dan Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bilangan 7 Tahun 2001, Syarikat Kerajaan yang memperoleh keuntungan perlu membayar dividen kepada pemegang sahamnya. Semakan Audit mendapati Wisma Harta telah mengisytiharkan dividen berjumlah RM10,000 pada tahun 2010. Bagaimanapun, dividen tersebut tidak diterima oleh pihak MUIS sehingga tarikh cek luput dan tiada cek ganti dikeluarkan sehingga tarikh pengauditan. Manakala pada tahun 2012 Wisma Harta mencatat kerugian berjumlah RM65,181. **Berdasarkan maklum balas Wisma Harta bertarikh 8 Mei 2014, perkara ini akan dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah.**

6.4.3.8. Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan yang cekap adalah penting di mana sesebuah organisasi perlu memenuhi tatacara dan peraturan yang ditetapkan untuk memperoleh dan menggunakan sumber berdasarkan kepada objektif tertentu. Kawalan dalaman yang sistematik dan berkesan menyumbang kepada pengurusan kewangan yang baik. Aspek pengauditan merangkumi kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan aset, pengurusan pinjaman dan pengurusan pelaburan. Hasil dari pengauditan pengurusan kewangan mendapati kelemahan seperti berikut:

a. Kawalan Terimaan

- i. Kutipan hasil yang diterima antara 10 Julai 2012 hingga 22 November 2013 berjumlah antara RM700 hingga RM25,984 lewat dimasukkan ke bank antara 5 hingga 14 hari.

- ii. Kutipan yang terdiri daripada wang tunai sejumlah RM978 dan cek bernilai RM3,941 tidak dimasukkan ke bank pada hari yang sama dan telah dibawa pulang ke rumah tanpa kebenaran.
- iii. Tunggakan hasil bagi 42 penyewa berjumlah RM670,533 belum dikutip setakat 8 Mei 2014.

b. Kawalan Perbelanjaan

Sebanyak 44 bil/invois berjumlah RM100,466 telah lewat dibayar melebihi 30 hari.

- c. Berdasarkan maklum balas Wisma Harta bertarikh 8 Mei 2014, perkara tersebut akan diberi perhatian dan diatasi dengan segera bagi memastikan ia tidak berulang di masa akan datang.**

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat adalah memuaskan kecuali SOP perlu disediakan dan dikemas kini selaras dengan keadaan semasa. Selain itu, pengurusan kewangan perlu dipantau dan ditambahbaik agar lebih teratur.

6.5. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan pengurusan Wisma Harta dari aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat, pihak Audit mengesyorkan Wisma Harta mengambil tindakan seperti berikut:

6.5.1. Meningkatkan pendapatan dengan mengkaji kadar sewa sedia ada dan mewujudkan mekanisme kutipan tunggakan hasil yang efektif seperti tindakan undang-undang terhadap penghutang tegar. Di samping itu, perjanjian sewa baru perlu ditandatangani dengan segera agar kepentingan syarikat terjamin.

6.5.2. Memperbaiki/menyenggara peralatan yang rosak untuk menjamin keselesaan penyewa/pengguna. Sehubungan itu, rancangan penyenggaraan dan bajet yang mencukupi perlu disediakan.

6.5.3. Menyediakan SOP yang lengkap dan disesuaikan dengan keadaan semasa serta meningkatkan kawalan dalaman terhadap pengurusan hasil dan perbelanjaan.



PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah pengesahan kerja yang kurang teliti, Pengurusan Kutipan, penguatkuasaan, *Standard Operating Procedure* (SOP) tidak kemaskini dan pemantauan tindakan pembaikan lewat dibuat. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan diambil tindakan pembetulan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di aktiviti/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

17 September 2014



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya

www.audit.gov.my